



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**  
*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 4961]

**USUL:**

**Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga [Ruangan 5020]**

**UCAPAN PENANGGUHAN:**

**Yayasan Kebajikan Kebangsaan [Ruangan 5080]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- .. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**
- .. Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- .. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**
- .. Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- .. Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**
- .. Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**
- .. Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- .. Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).**
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- .. Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- .. Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- .. Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- .. Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN. P.P.T. (Kuala Trengganu).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N. (Sungei Siput).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS EIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Keluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- .. TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- .. TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT. K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- .. DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- .. TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- .. TUAN P. PATTO (Menglembu).
- .. TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- .. DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- .. PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- .. TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- .. TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- .. DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- .. TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- .. TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- .. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- .. DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- .. TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- .. PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- .. TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**

Khamis, 22hb Mac, 1979

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**DASAR EKONOMI BARU**

1. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa jutawan-jutawan di Malaysia telah menjalankan propaganda terhadap Dasar Ekonomi Baru dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil terhadap kegiatan mereka ini.

**Perdana Menteri (Dato Hussein Onn):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar memang ada golongan-golongan kecil yang menentang apa saja dasar yang dijalankan oleh Kerajaan. Ini termasuklah Dasar Ekonomi Baru.

Tidak semua jutawan di Malaysia menentang Dasar Ekonomi Baru, tetapi memang ada jutawan yang tidak bersetuju serta cuba mematahkan usaha-usaha Kerajaan di dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru itu. Sebenarnya, golongan yang menentang ini sengaja tidak mahu memahami hasrat dan tujuan murni Dasar Ekonomi Baru itu.

Saya suka menegaskan di sini bahawa Kerajaan amat dukacita atas sikap dan tindak-tanduk mereka itu. Dasar Ekonomi Baru itu adalah dilaksanakan dengan cermat dan berperingkat-peringkat. Matlamatnya ialah untuk menjamin kesejahteraan dan memupuk perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum. Dari masa ke semasa, rakyat sekalian telah diberitahu perlaksanaannya, seperti Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga yang sedang dibahaskan oleh Dewan ini. Walau apapun sikap dan tindak-tanduk golongan kecil ini, Kerajaan akan terus melaksanakan Dasar Ekonomi Baru itu, dan akan menentang dengan seberapa daya-upayanya, segala tindakan yang tidak sihat yang dilakukan oleh golongan itu.

**Tuan Chan Teck Chan:** Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini bahawa siapakah golongan-golongan kecil yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat yang kononnya adalah menentang Dasar Ekonomi Baru. Kedua, bagaimana caranya mereka amalkan untuk menentang Dasar Ekonomi Baru itu?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh dan tidak wajar menamakan golongan-golongan itu dan cara-cara bagaimana mereka menentang Dasar Ekonomi Baru.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Soalan tambahan. Saya bersetuju Yang Amat Berhormat tidak menyatakan golongan ataupun maknanya orang-orangnya tetapi kalau setakat menyatakan kaum mana agaknya boleh, sama ada kaum Melayu atau kaum Cina jutawan yang menentang Dasar Ekonomi Baru.

Itulah soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Perdana Menteri:** Itupun tidak wajar saya sebutkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Atas kesedaran bahawa golongan yang kecil ini yang menentang Dasar Ekonomi Baru adalah golongan yang anti-nasional, apakah jenis hukuman yang mungkin spesifik ataupun denda atau tindakan yang spesifik yang akan diambil oleh pihak Kerajaan sekiranya mereka ini benar-benar terbukti telah menentang Dasar Ekonomi Baru?

**Perdana Menteri:** Sebagaimana yang saya terangkan tadi, saya menerangkan iaitu walau apapun sikap dan tindak-tanduk golongan ini Kerajaan akan meneruskan juga dan akan menentang dengan seberapa daya-upayanya segala tindakan yang tidak sihat yang dilakukan oleh golongan itu. Dan cara dan macam mana tindak-tanduk itu dilakukan oleh golongan ini tidak juga wajar saya sebutkan.

**Tuan Chan Teck Chan:** Oleh kerana nampaknya kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat adalah merupakan satu kenyataan yang sangat serius yang perlu diambil berat oleh Dewan ini dan rakyat Malaysia tentang ada segolongan kecil katanya yang menentang dan mahu menggagalkan Dasar Ekonomi Baru, maka adakah golongan-golongan yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat itu sepertimana yang dinyatakan dalam Far Eastern Economic Review baru-baru ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi sudah dijawab oleh Yang Amat Berhormat di Dewan ini dinyatakan perkara itu.

### LAWATAN PERDANA MENTERI KE INDIA/PAKISTAN/THAILAND/ INDONESIA

2. Tuan Chieng Tiong Kai minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan beliau ke India, Pakistan, Thailand dan Indonesia baru-baru ini dalam usaha untuk memupuk kemajuan dan keamanan serantau.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, lawatan saya ke India dari 22hb hingga 25hb Januari, 1979, dan kemudian ke Pakistan dari 25hb hingga 28hb Januari, 1979, adalah atas undangan dari kedua-dua Kerajaan itu. Tujuan-tujuan lawatan saya itu adalah:

- (1) untuk mengukuhkan lagi hubungan yang sedia erat di antara Malaysia dengan kedua-dua negara itu;
- (2) untuk membincangkan kerjasama duahala dalam bidang ekonomi dan teknik, kebudayaan dan perdagangan; dan
- (3) untuk bertukar-tukar pendapat dalam beberapa issue serantau dan antarabangsa.

Dalam lawatan saya ke kedua-dua buah negara itu, saya telah bertemu dengan Perdana Menteri Morarji Desai dan Presiden Zia-ul-Haq, serta pemimpin-pemimpin lain di kedua buah negara itu. Kami telah mengadakan rundingan-rundingan mengenai perkembangan-perkembangan terbaru di Asia Selatan, Asia Tenggara dan Asia Barat. Saya telah mengambil peluang untuk menjelaskan kepada mereka tentang perkembangan-perkembangan terbaru di Indo-China, dan juga tentang pendirian yang telah diambil oleh negara-negara ASEAN terhadapnya. Saya telah juga memaklumkan kepada mereka

tentang masalah pendatang-pendatang haram Vietnam dan kedua-dua pemimpin itu telah menyatakan rasa simpati dan persefahaman-nya tentang masalah itu.

Kami telah juga membincangkan tentang usaha-usaha dan cara-cara yang patut diambil, untuk meluas dan melipatgandakan kerjasama dua-hala di dalam bidang-bidang ekonomi, teknik, kebudayaan, sains, perhubungan dan perdagangan. Di India, dua perjanjian telah ditandatangani iaitu:

- (a) Perjanjian Kerjasama Ekonomi dan Teknik; dan
- (b) Perjanjian 'Extradition'.

Di Pakistan pula, satu Perjanjian Kebudayaan telah ditandatangani. Adalah diharapkan satu Perjanjian Mengelakkan Cukai Dua Kali akan dipersetujui. Selain dari itu, rundingan sedang berjalan untuk mengadakan satu Perjanjian Kerjasama Ekonomi dan Teknik dengan Pakistan.

Perbincangan-perbincangan telah juga diadakan di India dan Pakistan, untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan latihan teknik dan praktikal yang lebih banyak, untuk pegawai-pegawai kita, bagi mendapatkan beberapa orang pakar dan pegawai-pegawai ikhtisas untuk berkhidmat di Malaysia, dan untuk mendapatkan banyak lagi tempat-tempat belajar bagi anak-anak Malaysia dalam kursus perubatan dan bidang-bidang ikhtisas yang lain. Kedua-dua negara itu telah bersetuju menimbangkan permohonan kita itu secara positif.

Kedua-dua buah negara telah meminta supaya kita menimbangkan perdagangan duahala dengan mereka, yang sekarang ini lebih menguntungkan Malaysia. Dalam hal ini, India dan Pakistan akan berusaha untuk memperkenalkan barang-barang dagangan mereka, dengan menghantar rombongan-rombongan perdagangan, dan mengadakan pameran-pameran perdagangan di Malaysia. Kedua-dua buah negara telah menyatakan kesanggupan mereka untuk membekalkan beras, bawang, ubi kentang, sayur-sayuran dan buah-buahan kepada Malaysia.

Dalam lawatan saya ke Indonesia, saya telah bertemu dan bertukar-tukar fikiran dengan Presiden Suharto tentang perkara-perkara yang bersangkutan dengan hubungan duahala (bilateral), dan juga perkembangan-perkembangan terakhir di rantau ini, yang

menjadi kepentingan bersama kedua-dua negara.

Mengenai hubungan duahala, kami berpuashati dengan hubungan mesra dan rapat, serta dengan kerjasama yang baik yang terdapat di segala bidang, termasuklah pelajaran, ekonomi dan kebudayaan. Saya telah memberitahu Persiden Suharto tentang persetujuan Malaysia untuk menggunakan kemudahan Satelit "PALPA" Indonesia. Pihak Indonesia pula bersetuju untuk mengkaji cadangan mengadakan hubungan kebel laut antara Medan dan Pulau Pinang.

Mengenai masalah serantau (regional), saya telah berbincang dengan Presiden Suharto tentang masalah kemasukan pelarian-pelarian haram Vietnam, yang menjadi beban yang berat kepada Malaysia dan juga Thailand. Saya telah menyatakan kepada Presiden Suharto penghargaan Malaysia atas tawaran sebuah pulau oleh Indonesia untuk dijadikan sebagai "processing centre" bagi orang-orang pelarian dari Vietnam.

Berhubung dengan perkembangan di Indo-China sekarang ini, kami memandang berat dan berasa bimbang dengan keadaan di sana, yang mempunyai beberapa implikasi terhadap keamanan dan kestabilan di seluruh Asia Tenggara. Dalam hal ini, saya dan Presiden Suharto telah bersetuju supaya Malaysia dan Indonesia berhubung dengan pihak-pihak yang terlibat, untuk mengetahui sikap mereka terhadap rayuan ASEAN yang dibuat di Bangkok pada 13hb Januari, 1979 dan juga kenyataan yang dibuat oleh Professor Mochtar selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN pada 20hb Februari, 1979. Bagaimanapun, ini adalah inisiatif Malaysia dan Indonesia secara bersendirian dan bukan inisiatif ASEAN.

Mengenai lawatan saya ke Thailand, saya telahpun memberi butir-butirnya semasa menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bachok pada 19hb Mac, 1979.

#### KERJASAMA KETENTERAAN MALAYSIA—THAILAND

3. Tuan Lee Kaw (di bawah S.O. 24 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada terdapat perbincangan-perbincangan dengan Perdana Menteri Thailand baru-baru ini di Chiangmai mengenai soal kerjasama ketenteraan duahala, dan sama ada Malaysia akan membantu Thailand sekiranya negara tersebut diserang.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam pertemuan saya dengan Perdana Menteri Thailand di Chiangmai baru-baru ini, kami ada membincangkan perkara kerjasama keselamatan di kawasan sempadan Malaysia—Thailand. Kami bersetuju untuk menerus dan meningkatkan lagi kerjasama ini supaya musuh bersama di kawasan sempadan itu dapat dihapuskan.

Malaysia dan Thailand tidak ada membuat perjanjian akan saling membantu sekiranya salah sebuah negara itu diserang. Walau bagaimanapun, Malaysia dan Thailand adalah dua negara jiran yang mempunyai hubungan yang rapat, dan apa sahaja yang berlaku di Thailand tentu akan membawa kesan kepada Malaysia sendiri. Oleh yang demikian, Malaysia akan sentiasa memerhati serta mengkaji setiap perkembangan yang berlaku di Thailand. Malaysia akan mengambil pendirian setelah mempertimbangkan keadaan yang berlaku dari masa ke semasa.

#### PENERBANGAN MAS KE SARAWAK

4. Tuan Leonard Linggi Anak Jugah minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (i) (a) sebab-sebab dikenakan denda 25% kepada pemegang-pemegang tiket Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) yang gagal menunjukkan muka hanya di Sarawak dan Sabah sahaja;
  - (b) jumlah keuntungan yang didapati oleh MAS dari operasinya di dalam dan dari Sarawak;
  - (c) sebab-sebab bagi MAS tidak berupaya untuk memenuhi permintaan tempat duduk di Sarawak;
  - (d) langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan terus masalah-masalah buruh yang sering berlaku yang menyebabkan kesulitan, ketidakpuasan hati serta kesusahan kepada pengembara-pengembara; dan
- (ii) dengan tujuan untuk memperbaiki perkhidmatan udara ke dalam dan dalam Malaysia terutama sekali Sarawak, sama ada beliau akan:
- (a) membenarkan syarikat-syarikat penerbangan asing seperti Singapore Airline (SIA), Royal Brunei Airline

dan Cathay Airways (CPA) mendarat dan membawa penumpang-penumpang ke dalam atau keluar Kuching; dan

- (b) membenarkan sektor awam termasuk Kerajaan Negeri menjalankan penerbangan perdagangan dalam Malaysia.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) (a) Sistem pembayaran denda sebanyak 25% bagi perkhidmatan dalam negeri telahpun diadakan semenjak MSA dahulu lagi. Cuma sistem itu tidak dikuatkuasakan sehingga 1hb Februari, 1979. Sistem ini adalah perlu untuk mengatasi masalah mereka yang menempah tiket tetapi tidak menghadirkan diri bagi penerbangan-penerbangan yang telah ditempah olehnya. Adalah didapati ramai orang yang benar-benar hendak meneruskan perjalanannya tidak dapat berbuat demikian oleh kerana terdapat beberapa orang yang telah membuat tempahan-tempahan bukan dengan niat yang tepat atau agak-agak sahaja. Dengan adanya sistem denda ini adalah diharapkan bilangan mereka yang tidak serius itu akan berkurangan dan dapatlah mereka yang benar-benar hendak membuat perjalanan itu mendapat tempat di satu-satu penerbangan itu. Sistem itu dikenakan bagi perkhidmatan di Sabah dan Sarawak sahaja oleh kerana mengikut kajian bilangan penumpang-penumpang yang membuat tempahan tetapi tidak melaporkan diri bagi penerbangan adalah lebih banyak bagi penerbangan-penerbangan di Sabah dan Sarawak jika dibandingkan dengan penumpang-penumpang yang lain. Sistem denda itu juga akan diadakan bagi perkhidmatan-perkhidmatan di tempat lain jika difikirkan perlu.

- (b) Pihak MAS tidak dapat memberi berapakah keuntungan bagi operasi di dalam dan dari Sarawak oleh kerana perkara itu sukar untuk dikira. Operasi MAS adalah dengan cara mengguna kapalterbang jenis F 27 dan B 737 bagi perkhidmatannya bukan dalam dan dari Sarawak sahaja tetapi adalah juga bagi menyambungkan ke tempat lain. Oleh yang demikian sistem akaun yang ada bagi keseluruhan operasi itu tidak diasingkan bagi operasi dalam mana-mana negeri.

- (c) Pada keseluruhan pihak MAS berupaya memenuhi permintaan tempat duduk bagi perkhidmatannya di Sarawak sungguhpun kadangkala, terutamanya pada masa-masa perayaan dan cuti sekolah permintaan adalah melebihi daripada tempat duduk. Pihak MAS mempunyai cukup kapalterbang jenis F 27 dan B 737 tetapi kesulitan timbul oleh kerana beberapa lapanganterbang di Sarawak belum boleh digunakan bagi kapalterbang jenis B—737 oleh kerana landasan di lapanganterbang tersebut tidak cukup panjang bagi kegunaan kapalterbang jenis B 737. Kerajaan sedang berikhtiar bagi membesarkan lapanganterbang-lapanganterbang tersebut.
- (d) Cara untuk menyelesaikan masalah yang melibatkan pekerja-pekerja MAS adalah rumit dan perlu dikaji sedalam-dalamnya. Pihak MAS telah dan sedang mengkaji perkara itu untuk mencari jalan tentang cara manakah masalah-masalah buruk dapat diatasi untuk mengelakkan daripada kejadian yang telah berlaku di mana penumpang-penumpang telah menanggung kesusahan.

- (ii) (a) Pada masa ini syarikat penerbangan asing yang membuat penerbangan ke Kuching ialah Royal Brunei Airline. Cathay Pacific Airways ada mempunyai hak untuk mendarat di Kuching tetapi syarikat itu belum lagi melancarkan perkhidmatannya.

Tentang SIA ini masih lagi di dalam rundingan.

- (b) Setakat ini Kerajaan belum ada cadangan untuk membenarkan sebuah syarikat yang lain bagi menjalankan penerbangan-penerbangan yang berjadual dalam Malaysia.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu Dewan ini atas dua perkara. Pertama, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kebanyakan rakyat Sarawak dan Sabah ada mengadu bahawa tambang penerbangan di dalam Sarawak dan Sabah adalah terlalu tinggi. Jika ya, adakah Kerajaan akan bertindak untuk menurunkan tambang penerbangan di Sarawak atau Sabah?

Kedua, memandangkan bilangan penerbangan di antara Sibu dan Bintulu sangat tidak memuaskan, kadang-kadang penumpang tidak mendapat peluang untuk berulang alik dari kawasan-kawasan Bintulu dan Sibu, maka apakah tindakan akan diambil oleh Kerajaan untuk menambahkan bilangan penerbangan di antara Bintulu dan Sibu?

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut sepanjang yang diketahui bahawa tambang yang dikatakan terlalu tinggi dikenakan di Sabah dan Sarawak ini adalah difikirkan tidak tepat, kerana sehingga masa ini tambang yang dikenakan itu adalah dikira sesuai bagi penerbangan MAS.

Mengenai perkara kedua, memanglah Kementerian ini menyedari masalah yang telah berlaku itu oleh kerana beberapa sebab. Pertama sekali lapanganterbang Sibu belum boleh digunakan oleh kapalterbang B 737. Oleh kerana kedudukan lapanganterbang yang ada ini tidak dapat dibesarkan lagi, kecuali barangkali dibuat sebuah lapanganterbang lain di Sibu yang sesuai dan membolehkan B 737 menjalankan operasinya daripada Sibu ke Bintulu ataupun ke mana-mana tempat yang lain, sehingga ini belumlah dapat dibina lagi lapanganterbang yang lain yang boleh sesuai dengan kehendak-kehendak penerbangan tetapi bagaimanapun ini adalah dalam rancangan.

#### EKSPOT KAIN

**5. Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan

iaitu akibat daripada kedapatan seperti yang diperkatakan oleh Amerika Syarikat baru-baru ini bahawa Negara kita membiayai eksport kain-kainnya, maka Kerajaan Amerika Syarikat bercadang hendak meletakkan cukai menentang ke atas eksport-eksport kain kita ke Amerika Syarikat, sama ada Kerajaan kita telahpun mengambil tindakan penentangan untuk menolak tuduhan palsu "membiayai eksport-eksport kain-kain" itu.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu kenyataan yang dibuat oleh Amerika Syarikat bahawa Kerajaan kita memberi subsidi untuk eksport kain-kain ke Amerika Syarikat adalah tidak benar. Kenyataan itu yang dikeluarkan oleh jabatan Perbendaharaan Amerika Syarikat adalah berasaskan penentuan-penentuan awal (preliminary determination) tanpa siasatan mendalam mengenai kes eksport tekstail daripada Malaysia ke Amerika Syarikat. Sekarang ini pihak Perbendaharaan Amerika Syarikat sedang membuat penyiasatan lebih mendalam mengenai perkara ini dan Kerajaan Amerika tidak mengenakan sebarang cukai penentang (countervailing duty) sehingga penyiasatan lengkap dan pengumuman maklumat dibuat pada 5hb Julai, 1979.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia telah mengambil tindakan penentangan dengan melantik sebuah firma guaman di Amerika Syarikat untuk mewakili Malaysia di dalam hal ini. Seorang peguam dari firma tersebut telah datang ke Kuala Lumpur baru-baru ini dan telah menemui pegawai-pegawai Kementerian saya dan pengeksport-pengeksport tekstail Malaysia ke Amerika Syarikat untuk mendapatkan maklumat-maklumat lanjut bagi membolehkan beliau membuat perwakilan yang lebih berkesan terhadap kes tersebut.

Sementara itu satu jawapan tambahan telah disediakan dan telahpun dihantar kepada Jabatan Perbendaharaan Amerika Syarikat. Jawapan tambahan itu jelas menunjukkan bahawa eksport-eksport tekstail Malaysia tidak diberi subsidi oleh Kerajaan dan kita yakin dan mempunyai harapan baik mematahkan tuduhan-tuduhan itu.

## PERLINDUNGAN BARANG-BARANG EKSPOT

**6. Tuan Au How Cheong** (*di bawah S.O. 24*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan telah dan sedang ambil bersama dengan negara-negara yang sedang membangun terhadap perlindungan (protectionism) seperti yang diamalkan oleh negara-negara maju terhadap barang-barang eksport kita, dan selanjutnya sama ada benar atau tidak bahawa negara-negara maju telah mengenakan rintangan-rintangan (barrier) perdagangan yang lebih tinggi terhadap barang-barang buatan kita di bawah lindungan fasal-fasal "safeguard" yang diserap ke dalam G.A.T.T. (General Agreement on Trade and Tariffs).

**Dato Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia, bersama-sama negara membangun yang lain, telah dan terus mengemukakan masalah perlindungan perdagangan di forum-foram perdagangan dan pembangunan antarabangsa seperti UNCTAD, GATT dan ESCAP; dan dengan satu suara telah mengutuk tindakan-tindakan perlindungan yang telah diambil oleh negara-negara maju untuk menyekat eksport terutamanya dari negara-negara membangun.

Forum-foram ini merupakan sidang rundingan di mana negara-negara membangun membuat desakan terhadap negara-negara maju supaya mengambil langkah-langkah untuk memudahkan kemasukan eksport dari negara-negara membangun. Sebagai tindakan jangka pendek, negara-negara maju telah dipinta memberi bantuan penyesuaian kepada pengeluar tempatan. Di bidang tindakan jangka panjang pula, negara-negara membangun telah mendesak negara-negara maju supaya diadakan penyusunan semula struktur pengeluaran iaitu mengalih sumber-sumber pengeluaran kepada sektor di mana mereka lebih efisien dan yang berkehendakkan daya teknologi yang tinggi. Perkara-perkara ini akan terus dibincangkan di sidang UNCTAD V pada bulan Mei di Manila.

Di samping itu juga negara-negara membangun di Perundingan Perdagangan Banyak Pihak (Multilateral trade Negotiations) sedang berunding untuk mendapatkan

penghapusan tindakan-tindakan perlindungan yang sedia ada di dalam bentuk tarif atau bukan tarif.

Di masa ini memang terdapat beberapa negara maju yang mengenakan sekatkan eksport di dalam bentuk kuota atau kenaikan tarif terhadap beberapa eksport dari Malaysia di bawah fasal "safeguard" Perjanjian 'Am mengenai Perdagangan dan Tarif (GATT). Di antara barang-barang eksport yang terlibat adalah kasut, keluaran kayu-kayuan dan tekstail.

## GALAKAN BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN

**7. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar Kerajaan melarang pegawai-pegawai Kerajaan mengambil bahagian dalam perniagaan dan jika ya, sama ada beliau boleh memberikan jenis dan sejauh mana larangan ini dan sama ada dasar menggalakkan bumiputra mengambil bahagian dalam perniagaan tidak terjejas dengan larangan ini.

**Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, memang benar Kerajaan melarang pegawai-pegawai Kerajaan mengambil bahagian dalam perniagaan. Walau bagaimana pun, mereka boleh memohon kebenaran daripada Ketua-ketua Jabatan untuk membuat pekerjaan luar bagi faedah dirinya atau saudara-mara mereka yang dekat atau bagi mana-mana badan yang bukan mencari keuntungan dengan syarat bahawa kegiatan itu dilakukan di luar waktu pejabat dan tidak bertelingkah dengan kepentingan Jabatan dan kepentingan Kerajaan pada keseluruhannya. Ini termasuklah penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti syarikat koperasi.

Larangan ini tidak menjejaskan Dasar Ekonomi Baru untuk menggalakkan bumiputra mengambil bahagian dalam perniagaan. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu maklum, jika sekiranya Pegawai-pegawai Kerajaan dibenarkan melibat diri secara bebas dan aktif dalam perniagaan tentu saja akan menimbulkan berbagai masalah dan ini akan mengganggu kecekapan mereka menjalankan tugas sebagai pegawai dan kakitangan Kerajaan.

## HARGA/KOPI/KOKO/KELAPA

8. Puan Shariffah Dorah binti Mohammed minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian boleh:

- (a) menyiarkan di Akhbar Utusan Melayu harga-harga kopi, koko, kelapa dan lain-lainnya supaya ada penyelarasan di antara sebuah negeri dengan sebuah negeri yang mana harga bagi koko di Bagan Datok \$4.50 sekati tetapi di Semerah hanya \$3.50;
- (b) adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa pengeluar bahan-bahan ini di Semerah 99% adalah terdiri daripada Bumiputra; dan
- (c) adakah Kementerian yang berkenaan bercadang bagi mengadakan wakil pembeli tunggal di tiap-tiap daerah umpamanya FAMA sahaja atau Koperasi Peladang sahaja.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), FAMA boleh menambahkan lagi senarai jenis-jenis hasil pertanian dan harga-harga yang dikutip bagi tiap-tiap jenis bahan tersebut untuk disiarkan di dalam suratkhbar tempatan tetapi sama ada suratkhbar tempatan dapat menyiarkan atau tidak bergantung kepada suratkhbar berkenaan itu sendiri. Pada masa ini FAMA mengutip harga buah-buahan, sayur-sayuran, hasil ternakan ayam itik, termasuk telur, biji koko basah dan kering, buah dan biji kopi, buah kelapa, kelapa kering, dan minyak kelapa. Harga-harga ini adalah disebarikan melalui Radio Malaysia dan BERNAMA.

Bagi menjawab soalan (b) sememangnya pihak Kementerian sedar bahawa pengeluar-pengeluar hasil pertanian di Semerah, terutama tanaman koko adalah kebanyakannya terdiri daripada bumiputra.

Bagi menjawab soalan (c) usaha-usaha mengemas dan menyelaraskan pemasaran hasil-hasil pertanian termasuk koko akan ditimbang apabila kita melaksanakan konsep baru pertanian dan penyusunan semula FAMA di bawah kawasan gerakan pertanian termasuk pengurusan hasil-hasil pertanian tempatan.

**Tuan Bujang bin Haji Ulls:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang

Berhormat Timbalan Menteri Pertanian sedar bahawa kedapatan harga-harga barang-barang seperti padi, getah dan lain-lain yang kononnya ditetapkan oleh Kerajaan dan juga yang disiarkan dalam radio dan akhbar berbeza dari harga yang terdapat di pasaran tempatan.

**Tuan Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, sedar.

## PEMBANGUNAN TANAH-TANAH MELAYU

9. Tuan Kamaluddin bin Maamor minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan galakan yang sedang dan akan diberi oleh Kementerannya bagi mempercepatkan pembangunan tanah-tanah Melayu yang terdapat di bandar-bandar besar dan kecil dan tindakan yang sedang dan akan diambil bagi menentukan yang tanah-tanah tersebut tidak terjatuh ke tangan bukan Bumiputra.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, UDA adalah salah satu agensi Kerajaan bertugas mencapai dengan sebenarnya pertambahan bumiputra dalam pemilikan harta bandar dari segi setok dan nilai. Salah satu cara mencapai matlamat ini ialah dengan membangunkan tanah-tanah milik bumiputra yang terletak di kawasan-kawasan bandar. Pada lazimnya pihak pemilik bumiputra tidak berkeupayaan untuk membangunkan tanah-tanah mereka secara bersendirian. Dalam keadaan inilah UDA memainkan peranannya dengan cara berunding dengan pihak-pihak berkenaan untuk memajukan tanah itu dengan cara sebaik-baiknya. Program ini menggalakkan bumiputra yang memiliki tanah-tanah di bandar mendapat bantuan-bantuan yang diperlukan untuk pembangunan tanah tersebut.

Sejak UDA ditubuhkan penggalakan pembangunan tanah-tanah ini ialah:

- (a) Melalui usahasama di antara pemilik tanah dengan UDA;
- (b) UDA memberi pinjaman kepada pemilik-pemilik tanah sama ada pinjaman sementara (bridging finance) ataupun pinjaman jangka panjang; dan

(c) Memberi jaminan bank terutamanya kepada projek-projek perumahan dan juga jaminan lesen pemaju.

Cara-cara di atas telah dan sedang dijalankan di beberapa buah bandar khususnya di Semenanjung Malaysia.

Dalam melaksanakan tugas ini UDA telah menetapkan kawasan gerakannya mengikut keutamaan seperti berikut:

- (i) Kawasan-kawasan di Wilayah Persekutuan;
- (ii) Bandar-bandar ibu negeri;
- (iii) Bandar-bandar besar daerah; dan
- (iv) Bandar-bandar baru (new growth centre).

Walaupun pada mulanya UDA bergiat dan menumpukan perhatiannya di kawasan-kawasan Wilayah Persekutuan, tetapi dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga UDA telah menumpukan perhatian kepada projek-projek di lain-lain bandar besar di peringkat negeri.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat pertumpuan yang lebih akan dibuat untuk membangunkan lagi tanah-tanah milik bumiputra di bandar-bandar ibu negeri dan juga bandar-bandar besar daerah.

Adalah dijangka bahawa dengan cara yang demikian maka UDA dapat memainkan peranannya sesuai dengan objektif untuk menambahkan pemilikan harga bandar bumiputra dari segi setok dan nilai.

### **RUMAH ORANG TUA, NIBONG TEBAL**

10. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) berapa kali dalam setahun pegawai Kebajikan melawat Rumah Orang Tua untuk Orang India di Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan;
- (b) bilangan orang tua di sana dan berapakah perbelanjaan yang diperuntukan;
- (c) bilangan kakitangan dan gaji mereka masing-masing;

(d) jumlah wang tabung (SOUTH INDIANS' LABOUR FUND) yang diamanahkan kepada Jemaah Pentadbir; dan

(e) jumlah wang tabung yang dilaburkan, jika ada, dan apakah pelaburan ini.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk soalan (a) rumah untuk orang-orang tua India di Nibong Tebal adalah di bawah kelolaan seorang Penguasa yang bekerja sepenuh masa dan Pegawai-pegawai Kanan dari Jabatan Buruh yang membuat lawatan ke rumah tersebut dari masa ke semasa.

(b) Kepada tahun 1978 hitung panjang terdapat 166 orang penghuni di rumah tersebut. Perbelanjaan untuk menyelenggarakan pada tahun 1978 berjumlah \$82,598.00.

(c) Bilangan kakitangan untuk menguruskan rumah tersebut ialah 14 orang. Jumlah gaji yang dibayar pada tahun 1978 adalah \$43,494.23. Gaji-gaji mereka adalah mengikut Tanggagaji Laporan Jawatankuasa Kabinet.

(d) Jumlah Wang Tabung yang ada terkumpul oleh Lembaga pada 31hb Disember, 1978 adalah \$3,814,870.27 sejumlah \$3,490,000 telah dilaburkan di dalam cagaran Kerajaan (Government Securities) dan pertaruhan tetap di dalam bank-bank di Malaysia.

### **MENEMPATKAN PENUNTUT- PENUNTUT DI KELAS**

11. Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar tentang adanya berlaku kejadian diskriminasi dalam penempatan penuntut-penuntut tingkatan-tingkatan yang tertentu di setengah-setengah Sekolah Menengah Inggeris di Perak, misalnya murid-murid yang berkelibar ditempatkan dalam kelas 'B' atau 'C' dan mungkin 'D' sekalipun penuntut ini lebih cerdas otaknya daripada setengah-setengah penuntut yang diletakkan dalam kelas 'A'; dan jika ya, apakah tindakan Kementerian ini untuk mengatasinya, sama ada akan memberikan satu kursus khas kepada para guru dan mengarahkan tindakan tertentu agar kejadian seperti itu dapat di-hentikan.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh Jafaruddin):** Tuan Yang di-Pertua, pada lazimnya murid-murid yang terbaik sekali ditempatkan di kelas A, yang kurang sedikit di kelas B, C atau D. Ini adalah cara tradisional. Tetapi di dalam kumpulan besar di mana bilangan murid-murid berkelibar itu banyak, maka kemungkinannya ada juga murid-murid berkelibar ditempatkan di kelas-kelas B, C atau D. Keadaan seperti ini terdapat di sekolah-sekolah besar di bandar-bandar besar.

Ada juga sekolah-sekolah yang tidak mengikut cara tradisional tetapi menggunakan nama warna-warna seperti Merah, Kuning dan Kelabu.

Di setengah sekolah-sekolah pula kelas diwujudkan mengikut kumpulan murid-murid untuk menyenangkan pentadbiran dan susunan jadual waktu. Umpamanya di setengah sekolah menengah perempuan murid-murid yang mengambil Sains Rumah Tangga dikumpulkan dalam satu kelas sementara yang mengambil Perdagangan di Kelas yang lain, tidak kira pencapaian atau kecerdasan murid-murid itu. Di setengah-setengah sekolah pula murid-murid Melayu yang belajar agama di kumpulan dalam satu kelas dan murid Cina yang belajar Bahasa China sebagai Bahasa Ibundanya di dalam kelas yang lain. Ada juga sekolah-sekolah yang mengamalkan 'streaming' yang tidak begitu rigid. Di dalam keadaan ini murid-murid yang cergas ditempatkan di dalam beberapa kelas sebagai 'pace-setter' dengan harapan bahawa murid-murid lemah dapat mengikut tauladan mereka yang baik.

Memandang kepada apa yang saya sebutkan di atas soalan diskriminasi tidak timbul.

### BEKALAN AIR

**12. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rals** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kekurangan bekalan air di Wilayah Persekutuan adalah satu perkara biasa dan oleh itu mengganggu perjalanan kilang-kilang di negara ini dan juga menghalang Pasukan Bomba daripada menjalankan tugas-tugas mereka seharian atau apabila berlaku kebakaran dan jika ya, sama ada Kerajaan akan membesarkan projek-projek jangka panjang berkaitan dengan bekalan air.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Parit itu, saya suka menegaskan sekali lagi bahawa kekurangan bekalan air di Wilayah Persekutuan bukanlah satu perkara biasa tetapi adalah disebabkan oleh keadaan cuaca yang sangat berlainan daripada biasa dalam tempoh dua tiga tahun yang lepas. Penjelasan secara panjang lebar mengenai perkara ini dan juga langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah kekurangan air ini telahpun diberi dalam persidangan Dewan yang lalu pada 3hb November, 1978.

### TANGGAGAJI NURSING SISTERS

**13. Tuan A. K. Aliuddin** (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) sama ada beliau merasa patut bagi Nursing Sisters untuk terus mendapat gaji yang sama pada tanggagaji yang sama dengan Senior Staff Nurses pada hal:

(i) Nursing Sisters memegang jawatan kanan dalam profesyen jururawat dan mempunyai lebih banyak tanggungjawab dari Senior Staff Nurses; dan

(ii) biasanya jawatan Senior Staff Nurses adalah lebih rendah dari Nursing Sisters dan mempunyai tanggungjawab yang kurang tetapi dibayar gaji yang sama seperti Nursing Sisters, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian ini untuk memperbetulkan rasa tidak puashati ini yang dirasa oleh Nursing Sisters di Malaysia; dan

(b) sama ada benar bahawa Kerajaan telah membuat cadangan untuk menghapuskan jawatan Nursing sisters di kesemua hospital di Malaysia.

**Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Keningau, Sabah:

(a) Menurut Skim Tanggagaji Jawatan-kuasa Kabinet yang telah dilaksanakan, jawatan Jururawat Kanan atau

Senior Staff Nurse tidak mempunyai skel yang berasingan seperti dalam Perkhidmatan Jururawat di bawah Laporan Gaji Suffian yang meliputi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pemegang-pemegang jawatan Jururawat Kanan sebelum pelaksanaan Sekim Gaji Jawatankuasa Kabinet telah dipindahkan ke dalam gred dan tangga-gaji bagi Ketua Jururawat (Nursing Sisters) dan diberikan tugas-tugas dan tanggungjawab yang serupa, dengan cara penyusunan semula organisasi dan tugas-tugas serta tanggungjawab jawatan berkenaan. Dengan penyusunan semula itu, Ketua Jururawat adalah merupakan gred kenaikan pangkat daripada jawatan Jururawat Kanan. Ketua-ketua Jururawat yang telah memegang jawatannya sebelum daripada penyemakan gaji Jawatankuasa Kabinet tidak seharusnya berasa tidak puashati kerana mereka pun telah mendapat faedah daripada perubahan gaji yang dilaksanakan itu.

- (b) Seperti yang diterangkan tadi, Kerajaan hanya menghapuskan jawatan Jururawat Kanan dan tidak bercadang hendak menghapuskan juga jawatan Ketua Jururawat di Malaysia. Bahkan Kerajaan menghendaki jawatan Ketua Jururawat itu kekal sebagai gred kenaikan pangkat dalam Perkhidmatan Jururawat.

#### PROJEK PEMBANGUNAN KERAJAAN TERBENGKALAI

14. **Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah beliau sedar bahawa banyak projek-projek dan rancangan pembangunan Kerajaan yang terbengkalai dan gagal, akibat dari penyelewengan dan pelanggaran kontrak oleh pihak kontraktor, jika sedar.

- (a) berapa banyakkah kontrak yang terlibat dengan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat yang telah dibawa kemuka pengadilan dan menjadi guaman di Mahkamah, dan
- (b) berapa banyakkah kes-kes yang berlaku akibat dari pelanggaran kontrak ini yang telah mengalami kegagalan di pihak Kerajaan semenjak kita merdeka.

**Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab soalan (a) & (b), saya sedar ada beberapa kontrak yang dikendalikan oleh JKR walaupun tergendala disebabkan oleh pemborong-pemborong gagal menyiapkan. Bilangan kontrak-kontrak Persekutuan dan Negeri yang tergendala dan dimansuhkan kontraknya dalam masa 5 tahun yang lalu adalah seperti berikut:

(i) Kontrak Persekutuan .. ..	61
(ii) Kontrak Negeri-negeri .. ..	95
Jumlah .. ..	<u>156</u>

Dari angka-angka ini adalah nyata bahawa bilangan kontrak yang terbengkalai adalah kecil sahaja jika dibandingkan dengan jumlah lebih kurang 1,500 kontrak dalam setahun yang telah dikendalikan oleh JKR di peringkat Negeri dan Persekutuan.

Boleh dikatakan semua penamatan kontrak ini telah berlaku oleh sebab pemborong-pemborong tidak mempunyai kemampuan dari segi kewangan untuk menyalakannya. Kebanyakan kontrak-kontrak tersebut hanya siap di antara 70% hingga 80% apabila ditinggalkan oleh pemborong-pemborong. Satu lagi sebab kegagalan pemborong-pemborong ialah kelemahan mereka dari segi teknikal. Dalam hal ini, Kementerian saya telahpun mengambil beberapa langkah untuk meninggikan lagi pengetahuan teknikal dengan mengadakan beberapa kursus di seluruh negara.

Semua kontrak yang tidak siap dan yang telah ditamatkan kontraknya adalah dipanggil semula tawarannya supaya pekerjaan tersebut dapat disiapkan. Mengikut syarat-syarat kontrak, jika didapati perbelanjaan Kerajaan untuk menyiapkan projek-projek tersebut (yakni jumlah wang yang telah dibayar kepada pemborong yang pertama dan harga tawaran yang kedua adalah berlebihan daripada harga kontrak yang asal), maka pemborong pertama (pemborong yang gagal menyiapkan pekerjaan tadi) hendaklah membayar perbezaannya kepada pihak Kerajaan. Oleh itu, kes-kes penamatan kontrak ini belum ada lagi yang berlanjutan penyelesaiannya yang berkehendakkan tindakan Mahkamah oleh sebab perkara ini dapat diselesaikan dengan cara pentadbiran sahaja.

Sering juga berlaku di mana pemborong-pemborong tersebut tidak mampu membayar

perbezaan harga dan mereka membuat rayuan supaya tidak dikenakan pembayaran. Rayuan itu akan sentiasa ditimbang oleh pihak Kerajaan mengikut meritnya.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohammad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pemilihan kontraktor yang dibuat oleh JKR ini semata-mata berdasarkan kepada nilai yang rendah sahaja tanpa memperhentikan kemampuan kontraktor ataupun latarbelakang kejayaan kontraktor itu sendiri supaya terelak daripada pelanggaran kontrak yang ada berlaku yang dijalankan oleh pihak kontraktor itu.

**Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, pihak JKR menawarkan kontrak kepada pihak yang murah sekali jika segala faktor-faktor lain dapat memuaskan JKR.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, adakah projek-projek yang tidak boleh disiapkan itu disebabkan ada Menteri-menteri campurtangan.

**Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham macam mana pihak Menteri campurtangan dalam membina satu-satu projek.

### TANAMAN KOKO

15. **Tuan Lee Lam Thye** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai peladang-peladang di Sabah kini gemar menanam koko yang mendapat harga yang tinggi di pasaran, jika ya, adakah pihak Kementerian beliau mempunyai apa-apa rancangan untuk menggalakkan penanaman koko secara besar-besaran di Semenanjung Malaysia supaya membolehkan peladang-peladang meningkatkan pendapatan mereka, jika tidak, mengapa.

**Tuan Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sedar yang tanaman koko sangat digemari oleh peladang-peladang bukan sahaja di Sabah malah di Semenanjung Malaysia juga. Pihak Kementerian Pertanian sememangnya ada memberi galakan kepada peladang-peladang terutamanya pekebun-pekebun kecil kelapa untuk menanam koko sebagai tanaman selingan. Di Semenanjung, galakan tanaman

koko ini diberi melalui rancangan pembangunan pekebun-pekebun kecil kelapa untuk dijadikan mata pencarian kedua. Hingga masa ini keluasan tanaman koko yang ditanam sebagai tanaman selingan bagi pekebun-pekebun kecil berjumlah lebih kurang 42,000 ekar. Di bawah rancangan subsidi input bantuan diberi bernilai tidak lebih daripada \$300 bagi seekar. Selain daripada tanaman secara selingan oleh pekebun-pekebun kecil lebih kurang 36,000 ekar ialah tanaman koko yang dilaksanakan oleh ladang-ladang besar dan juga lain-lain agensi.

### PENDATANG HARAM VIETNAM

16. **Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan negara ketiga yang telah menawarkan kesanggupannya kepada Malaysia untuk mengambil pendatang haram dari Vietnam; dan
- (b) setakat ini berapa peratus pendatang haram dari Vietnam yang telah diambil oleh negara-negara ini.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sudah penuh saya jawab pada hari Isnin, 19hb Mac, 1979.

### HARGA BARANG KEPERLUAN DI SABAH

17. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sebab-sebab bagi tingginya harga barang-barang keperluan di Sabah berbanding dengan harga barang-barang keperluan di Kuala Lumpur dalam lima tahun yang lalu;
- (b) apakah tindakan yang sedang diambil untuk memperbaiki keadaan ini; dan
- (c) sama ada benar bahawa agensi yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa juga menyebabkan harga barang keperluan tinggi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan (a) adalah seperti berikut: Harga barang-barang keperluan di Sabah adalah lebih tinggi sedikit daripada harga di

Semenanjung Malaysia disebabkan oleh kos tambang kapal. Sabah mengimpor kebanyakan barang-barang keperluannya seperti tepung gandum, gula, susu pekat, simen dan batang-batang besi daripada Semenanjung Malaysia atau lain-lain negara. Tambang kapal daripada Semenanjung Malaysia ke Sabah adalah tinggi kerana terlalu banyak kargo yang tidak dapat dihantar. Bagi setengah-setengah barang, seperti simen dan batang-batang besi, harga yang tinggi adalah disebabkan keperluan memberi perlindungan kepada industri-industri tempatan sama ada melalui kawalan import atau cukai import.

Mengenai soalan (b) adalah sukar untuk mengatasi masalah ketidaksamaan harga. Di semenanjung Malaysia juga harga berbeza daripada suatu tempat ke suatu tempat yang lain disebabkan oleh kos pengangkutan. Kita harus bersikap realistik dan menerima bahawa ketidaksamaan harga di antara berlainan tempat, sama ada ianya di antara Sabah dengan Negeri-negeri Semenanjung ataupun di antara tempat-tempat dalam negeri Sabah sendiri akan berterusan. Keadaan seperti ini bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi juga di negara-negara lain. Kementerian saya akan berusaha mengurangkan kesan kenaikan harga dengan menetapkan bahawa kenaikan harga hanya dibenarkan oleh kerana kenaikan kos pengeluaran ataupun harga bahan mentah. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kadar kenaikan harga berdasarkan angka tunjuk Harga Pengguna bagi tempoh 5 tahun yang lepas adalah lebih rendah di Sabah daripada di Semenanjung Malaysia. Kedudukannya adalah seperti berikut:

	<i>Sabah</i>	<i>Semenanjung Malaysia</i>
1974 .. ..	14.4 peratus	17.4 peratus
1975 .. ..	6.6 ..	4.5 ..
1976 .. ..	2.1 ..	2.6 ..
1977 .. ..	3.5 ..	4.8 ..
1978 .. ..	2.3 ..	4.9 ..

Bagi menjawab soalan (c), saya tidak faham agensi-agensi manakah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Mengenai harga, ada beberapa faktor yang menentukan harga seperti kos pengeluaran, kos pengangkutan, perlindungan tarif dan sekatan import yang diberikan kepada industri-industri tempatan, penempatan industri-industri, pengeluaran

ekonomi dan lain-lain. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tujuan utama agensi-agensi Kerajaan ditubuhkan ialah untuk menggalakkan perkembangan ekonomi dan perindustrian dan juga memberi perkhidmatan-perkhidmatan yang tertentu kepada rakyat di seluruh negara.

**Tuan Bujang bin Haji Ullis:** Soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian sedar bahawa perbezaan ini bukan hanya wujud di antara negeri dan negeri tetapi juga wujud di antara kawasan bandar dan bukan bandar dan antara kawasan bandar dan kawasan di pedalaman. Dapatkah pihak Kementerian memberi jaminan supaya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan lebih kerap lagi menghantar pegawai-pegawainya untuk menentukan supaya pekedai-pekedai tempatan ini tidak akan mengelirukan ataupun mengambil untung dari keadaan yang begini.

**Tuan Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi memanglah ada perbezaan harga di antara satu tempat dengan tempat yang lain dan juga di antara kawasan dengan kawasan luar bandar. Jadi untuk menentukan sama ada mereka yang menjual barang-barang ini akan menjual dengan harga yang telah dipersetujui atau ditetapkan memanglah menjadi tanggungjawab Kementerian saya melalui Pegawai-pegawai Penguatkuasanya untuk mengadakan lawatan-lawatan yang tertentu ke tempat-tempat yang berkenaan dan juga mengambil tindakan yang sesuai sekiranya ada aduan-aduan diterima terutama sekali daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ataupun rakyat pada keseluruhannya.

#### PEMBINAAN LEBUHRAYA TIMUR BARAT

**18. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sejauh manakah kemajuan pembinaan Lebuhraya Timur-Barat dari Kota Bharu ke Grik dan sebab-sebab kelewatan.

**Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Lebuhraya Timur-Barat dari Kota Bharu ke Grik melibatkan beberapa peringkat kerja meliputi kerja-kerja membersihkan hutan, membina

jambatan-jambatan besar dan menimbun serta meratakan tanah. Setakat ini kemajuan yang telah dicapai di dalam projek tersebut adalah seperti berikut:

- (a) 92% daripada kerja-kerja membersihkan hutan telahpun disiapkan. Hanya tinggal 6 batu sahaja dari jumlah 72 batu panjang jalan yang masih belum dibersihkan dan kerja-kerja sedang dijalankan dengan lancar.
- (b) Kesemua jambatan-jambatan besar kecuali sebuah jambatan di Sg. Pergau, di Kelantan sahaja yang belum siap. Mengenai jambatan di Sg. Pergau itu, 80% daripada kerja-kerja pembinaannya telahpun siap.
- (c) 80% daripada kerja-kerja menimbun dan meratakan tanah atau sejumlah 26 juta ela padu telahpun diselesaikan.
- (d) Sepanjang 26 batu daripada 72 batu lebuh raya tersebut telahpun dibubuh bitumen ataupun ditarkan.

Sebab-sebab kelewatan menyiapkan projek ini telahpun diterangkan dengan panjang lebar dalam Persidangan yang lepas

### **RASUAH KERANA KEMASUKAN PENDATANG HARAM VIETNAM**

19. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Undang-undang menyatakan berapa ramai yang ditangkap oleh Biro Siasatan Negara setakat ini orang-orang yang melakukan kegiatan rasuah dan penyalahgunaan kuasa berhubung dengan kemasukan pendatang haram Vietnam di negeri Trengganu baru-baru ini berapa ramai di antara mereka yang telahpun dihadapkan ke Mahkamah.

**Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang belum ada lagi seorangpun yang ditangkap ataupun dihadapkan ke Mahkamah oleh pihak Biro Siasatan Negara kerana melakukan kegiatan rasuah dan penyalahgunaan kuasa berhubung dengan kemasukan pendatang haram Vietnam ke Negeri Trengganu. Walau bagaimanapun penyiasatan sedang giat dijalankan. Dalam setengah-setengah kes penyiasatan sudahpun hampir siap dan kajian dari segi undang-undang sedang diteruskan.

### **KEMALANGAN JALANRAYA KUALA KANGSAR/LENGGONG/GRIK/KROH**

20. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Pengangkutan menjelaskan bilangan kemalangan yang berlaku di jalanraya antara Kuala Kangsar, Lenggong, Grik dan Kroh yang melibatkan kenderaan-kenderaan awam, tentera dan polis. Apakah sebab utama yang menyebabkan kemalangan itu berlaku.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, (a) Bilangan kemalangan jalanraya yang berlaku di antara Kuala Kangsar, Lenggong, Grik dan Kroh dalam tempoh tiga tahun yang lalu adalah seperti berikut:

	1976	1977	1978
	96	125	127
(b) Kenderaan-kenderaan yang terlibat ialah:			
	1976	1977	1978
Kenderaan Awam..	130	162	124
Kenderaan Polis ..	1	1	5
Kenderaan Tentera	8	5	5

(c) Punca-punca utama yang menyebabkan kemalangan itu berlaku adalah memandu terlalu laju serta kurang berhati-hati tanpa mengira keadaan jalanraya.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa selain daripada masalah-masalah yang disebutkan tadi, salah satu sebab kemalangan ini berlaku ialah kerana tebing-tebing jalan itu dengan paras tanah terlampau tinggi, kadangkala sehingga 1½ kaki. Kalau sedar, apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah ini?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak sedar. Walau bagaimanapun Kementerian saya akan menyampaikan maklumat Ahli Yang Berhormat itu kepada pihak yang berkenaan.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu sebahagian besar daripada kemalangan jalanraya ini ialah disebabkan oleh bad planning membina jalanraya. Jalanraya itu tidak begitu sempurna dibina terutama di kawasan-kawasan yang jauh daripada Kuala Lumpur (inter-State roads).

**Dr Goh Cheng Teik:** Kementerian saya cuma bertanggungjawab atas kegunaan jalanraya. Kementerian lain yang bertanggungjawab atas pembinaan dan saya akan merujuk soalan Ahli Yang Berhormat kepada pihak yang berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini semua tidak mengaku anak yang nakal (*Ketawa*)

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan adakah tidak satu sebab yang membawakan kemalangan yang terlampau sangat ini kerana kebanyakan daripada kenderaan yang besar seperti yang disebutkan di sini tidak mematuhi peraturan jalanraya, misalnya tidak mahu mengikut peraturan jalan. Misalnya, kalau satu tempat yang sepatutnya laju 20 atau 15 ataupun 30 b.s.j. tetapi pihak pemandu-pemandu berkenaan tidak mengendahkan arahan tersebut. Adakah ini daripada salah satu sebab kerana melanggar arahan?

**Dr Goh Cheng Teik:** Memang ada dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengangkutan Jalan baru-baru ini telah melancarkan beberapa tindakan yang cergas untuk mengelakkan keadaan seperti yang disebutkan.

### GURU-GURU SAINS

**21. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa kebanyakan sekolah-sekolah menengah di negara ini menghadapi kekurangan guru-guru matapelajaran khas seperti Guru-guru Sains, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang Kementerian beliau bercadang hendak ambil untuk mengatasi masalah yang penting ini.

**Tuan Haji Salleh Jafaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang kekurangan guru-guru matapelajaran khas di beberapa buah sekolah menengah di negara ini. Walau bagaimanapun keadaan akan jadi bertambah baik apabila guru-guru Latihan Maktab dan Guru-guru Siswazah dari Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan dan Universiti Sains Malaysia, melaporkan diri pada 15 dan 16hb April, 1979 dan apabila guru-guru dari Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia melaporkan diri pada 17 dan 18hb Jun, 1979. Bila semua guru-guru tersebut melaporkan diri, sekolah-sekolah

hanya akan kekurangan guru-guru Sains khususnya guru Fizik dan Ilmu Hisab di peringkat menengah atas sahaja. Guru-guru sains peringkat menengah rendah adalah mencukupi. Kekurangan lain yang akan dihadapi hanya bagi matapelajaran bahasa Inggeris sahaja.

Langkah-langkah yang hendak diambil untuk mengatasi masalah kekurangan guru Fizik dan Ilmu Hisab ialah dengan menambah biasiswa untuk pelajar-pelajar dalam bidang tersebut di Universiti-universiti tempatan. Bagi matapelajaran bahasa Inggeris pula Kementerian sedang bercadang hendak mengambil pakar-pakar bahasa Inggeris dari Great Britain untuk mengajar di sekolah-sekolah dan menguruskan kursus bahasa Inggeris di Maktab Perguruan Bahasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa telah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 22 hingga 58 adalah diberi di bawah ini)*

### PEKERJA SAMBILAN DI TV MALAYSIA

**22. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pekerja-pekerja sambilan di TV Malaysia tidak dapat membuat kerja-kerja lain dan oleh kerana telah menjalankan tugas mereka dengan baik terutama dalam bidang sebaran am dan jika ya, sama ada Kerajaan bercadang memberi imbuhan/saguhati.

**Menteri Penerangan (Dato Mohmed bin Rahmat):** Pekerja-pekerja Sambilan di TV Malaysia adalah terbahagi kepada dua golongan iaitu: (i) Pekerja-pekerja sambilan dan (ii) Pekerja-pekerja Sambilan Sepenuh Masa.

- (1) Pekerja Sambilan yang diberi pekerjaan berdasarkan tugas-tugas yang tidak tetap seperti Juruhebah. Pengerusi Forum, Juruhebah Pengulas rancangan-rancangan sukan dan sebagainya. Mereka ini dibayar mengikut kadar bayaran yang diluluskan oleh Perbendaharaan bagi setiap tugas yang mereka lakukan dan tidak bergaji tetap. Kebanyakan mereka ini mempunyai pekerjaan tetap atau pekerjaan-pekerjaan yang lain di luar Jabatan Penyiaran. Mereka tidaklah dilarang membuat kerja-kerja lain.

- (2) Pekerja-pekerja Sambilan Sepenuh masa ialah pekerja-pekerja sambilan yang diberi tugas-tugas harian seperti kakitangan-kakitangan berjawatan tetap dan mereka diberi bayaran mengikut kadar yang ditetapkan berasaskan kepada gred jawatan-jawatan yang diisi oleh mereka itu. Mereka dikehendaki bekerja sepenuh masa seperti juga yang disyaratkan kepada kakitangan tetap.

### KOMUNIKASI DI MALAYSIA/ASIA/ OCEANIA

23. **Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Malaysia untuk mengadakan satu order baru komunikasi di Malaysia khususnya dan di Asia dan Oceania amnya.

**Dato Mohmed bin Rahmat:** Saya percaya perkara mengenai Order Baru Komunikasi yang terkandung di dalam soalan Yang Berhormat itu ada kaitannya dengan Persidangan Antara Kerajaan Mengenai Dasar-dasar Komunikasi di Rantau Asia dan Oceania (ASIOCOM) anjuran UNESCO yang diadakan di Kuala Lumpur dalam bulan Februari yang lalu. Jika demikian maksudnya suka saya menjelaskan bahawa order baru komunikasi yang dibincangkan di Persidangan tersebut ialah Order Baru Komunikasi yang lebih saksama dan lebih berkesan di seluruh dunia (atau "A new more just and more effective world information and communication order").

Oleh sebab Persidangan ASIOCOM itu diadakan baru-baru ini sahaja Kerajaan Malaysia sehingga kini hanya dapat mengambil langkah-langkah yang terhad. Selain daripada memberi sumbangan dan menjayakan Persidangan ASIOCOM itu sendiri Kerajaan juga memberi sokongan kepada konsep dan pelaksanaan Asian News Network serta penyertaan di dalam usaha-usaha UNESCO mengujudkan Badan tersebut dan memberi kesedaran kepada semua agensi dalam negara ini dalam perkara-perkara tertentu bagi kecapaian Order Komunikasi Baru.

### PEMBINAAN PROJEK HOSPITAL

24. **Tuan Hashim bin Endut** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar iaitu adalah mustahil untuk menjalankan pembinaan projek hospital yang menelan belanja berjuta-juta ringgit di kawasan-kawasan pendalaman di negara ini di mana tidak ada kuasa letrik, dan jika ya, sama ada beliau akan menyelaraskan tugas di antara Kementerian beliau, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan Kementerian Kesihatan bagi membolehkan projek tersebut dijalankan tanpa dilambatkan sebab kalau tidak, masyarakat desa akan menderita.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok):** Terlebih dahulu saya suka menyatakan bahawa dalam pelaksanaan rancangan pembangunan Malaysia beberapa Kementerian tertentu adalah terlibat dalam menyediakan segala projek negara seperti mengadakan jalan-jalanraya oleh Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan mengadakan hospital-hospital oleh Kementerian Kesihatan dan sebagainya.

Bagi pihak Kementerian saya, saya suka menegaskan bahawa sememangnya menjadi hasrat Kementerian saya untuk berusaha bagi mengadakan bekalan elektrik ke seluruh negara termasuk kawasan-kawasan bandar dan luar bandar. Walau bagaimanapun ini bergantung kepada sama ada boleh atau tidak dari segi teknik untuk menyambung bekalan elektrik ke tempat-tempat berkenaan. Selain daripada itu juga penyambungan bekalan elektrik bergantung kepada senarai keutamaan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian ada tempat-tempat yang tidak dapat diberi bekalan elektrik walaupun tempat itu termasuk dalam senarai yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri kerana tidak boleh disambung dari segi teknik.

Saya sedar dalam sesuatu projek pembangunan besar seperti pembinaan hospital, bekalan elektrik adalah satu-satu kemudahan awam yang diperlukan selain daripada air dan telefon. Lazimnya Kementerian yang bertanggungjawab dalam projek seperti ini akan menyelaraskan terlebih dahulu dengan Kementerian-kementerian lain seperti untuk mendapatkan bekalan elektrik dengan Kementerian saya dan untuk jalanraya dengan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan sebagainya.

## HARGA DIESEL DAN PETROL

**25. Tengku Noor Aslah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa ada perbezaan harga jualan walaupun jenis keretanya sama antara model-model kereta yang menggunakan kuasa disel dan petrol.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Saya sedar bahawa harga kereta bagi model yang sama yang menggunakan kuasa disel adalah lebih tinggi daripada yang menggunakan kuasa petrol. Ini adalah disebabkan bahawa kereta-kereta yang berkuasa disel pada biasanya dilengkapi dengan enjin disel yang mempunyai keupayaan (capacity) yang lebih tinggi daripada enjin petrol. Oleh hal yang demikian, kos untuk mengeluarkan enjin disel adalah lebih tinggi berbanding dengan kos pengeluaran enjin petrol.

Oleh kerana pada asasnya harga enjin disel lebih tinggi daripada harga enjin petrol bagi model yang sama, maka syarikat-syarikat pemasangan tempatan terpaksa membayar harga "CKD pack" yang lebih tinggi dan ini berikutan pula dengan bayaran cukai-cukai Kerajaan yang lebih tinggi. Umpamanya, bagi kereta Mercedes 200 (empat cylinder) yang mempunyai keupayaan enjin petrol 1988 c.c., harga "CKD pack"nya ialah \$20,856.00; cukai-cukai tokok, eksais dan jualan berjumlah \$13,525.03 menjadikan harga jualan setelah dicampurkan kos pemasangan, insuran dan cukai jalan sebanyak \$43,296.03c. Bagi kereta Mercedes 240 (empat cylinder) yang mempunyai keupayaan enjin disel 2404 c.c., harga "CKD pack"nya ialah \$23,160.00 cukai-cukai tokok, eksais dan jualan berjumlah \$15,460.09 dan harga jualannya setelah dicampurkan kos pemasangan, insuran dan cukai jalan ialah \$48,165.09c. Maka perbezaan harga kereta-kereta tersebut ialah sebanyak 11.25%. Pada kesimpulannya harga pasaran kereta yang berenjin disel adalah lebih tinggi dari harga kereta yang berenjin petrol.

## PENSYARAH BAHASA INGGERIS

**26. Tuan V. David** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan Pensyarah-pensyarah Bahasa Inggeris yang diambil dari United Kingdom yang telah tiba di Malaysia dan nama tempat Institusi Pelajaran di mana mereka

ditugaskan. Sama ada terdapat rancangan-rancangan untuk mengambil Pensyarah-pensyarah Inggeris yang seterusnya dari luar negeri bagi tujuan mengajar Bahasa Inggeris. Adakah tindakan ini diambil setelah menyedari bahawa mutu Bahasa Inggeris di Malaysia telah merosot ke paras yang paling rendah dan juga telah mengurangkan keupayaan-keupayaan mereka yang berkelulusan iktisas dalam Bahasa di Malaysia untuk bertanding dengan mereka di bahagian lain di dunia ini.

**Menteri Pelajaran (Dato Musa bin Hitam):** Pada masa ini guru-guru Bahasa Inggeris dari United Kingdom belum lagi tiba ke Malaysia. Kita masih lagi di dalam peringkat perundingan bagi memilih guru-guru tersebut dengan kerjasama British Council dan pihak-pihak yang berkenaan di United Kingdom. Di dalam rancangan ini Kementerian saya bercadang hendak mengambil sejumlah 200 orang guru dalam tempoh masa empat tahun, yakni seramai 50 orang dalam setahun.

Tindakan ini diambil sebagai satu daripada beberapa langkah yang difikirkan menasabah bagi meninggikan mutu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kita.

Keupayaan mereka-mereka yang berkelulusan iktisas dalam Bahasa Inggeris di Malaysia, tidak merupakan satu masalah yang semestinya diselesaikan oleh Kementerian saya semata-mata. Bidang ikhtisas begitu luas, dan keperluan-keperluan perhubungan mengenai tiap-tiap satu daripadanya pun mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Bidang Undang-undang, Perdagangan, Perindustrian dan Diplomatik sebagai beberapa contoh umpamanya memerlukan pengkhususan dan keahlian yang tertentu. Maka dengan keadaan yang sedemikian, harapan atau kepercayaan Yang Berhormat dari kawasan Damansara seperti yang tersirat di dalam pertanyaannya, untuk Kementerian saya mengatasinya mungkin merupakan satu harapan yang terlalu, yang tidak termampu ditanggung kepada Kementerian saya sahaja.

Lagi satu pertimbangan yang harus difahami benar-benar oleh Yang Berhormat dari kawasan Damansara ialah bahawa golongan ikhtisas yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu terdiri daripada hanya

segelintir—satu bilangan yang amat kecil—daripada rakyat kita, dan golongan ini pula merupakan golongan yang bernasib baik, yang sudah memperoleh pelajaran tinggi, yang hidup lumayan dengan lain-lain kemakmuran, kemewahan dan kelazatan yang datang bersama dengannya. Maka saya berpendapat kalau golongan ini berasas perlu menambah kemahirannya dalam Bahasa Inggeris, hatta, apa bahasa sekalipun baik Jerman, Perancis, Arab, Jepun dan sebagainya untuk bertanding dengan mereka-mereka di bahagian lain di dunia ini; maka mereka boleh dan sewajarnya berusaha sendiri; dan mereka tidaklah patut samasekali berharap atau bergantung kepada apa jua kemudahan yang disediakan oleh Kementerian saya untuk kepentingan golongan rakyat yang kurang bernasib baik, yang bilangannya jauh lebih ramai.

#### PERBICARAAN ORANG TAHANAN DI MAHKAMAH

**27. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa orangkah yang ditahan di penjara di seluruh negeri yang menunggu perbicaraan mereka didengarkan di Mahkamah;
- (b) berapa orangkah yang ditahan yang telah mati semasa penahanan mereka di penjara kerana menunggu perbicaraan mereka;
- (c) berapa orangkah yang ditahan itu dibebaskan dan berapa orang ditahan oleh Mahkamah;
- (d) berapa orangkah yang ditahan di penjara kemudiannya tuduhan mereka telah ditarik balik oleh pendakwa bila perbicaraan itu dibawa ke Mahkamah setelah ditahan lebih daripada dua (2) bulan.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Soalan dari Ahli Yang Berhormat itu adalah terlalu umum di mana tidak ada tempoh atau jangka masa tertentu yang dinyatakan. Oleh itu saya tidak bercadang untuk memberikan jawapannya di Dewan ini.

#### KAD PENGENALAN LAMA

**28. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa apabila Kad

Pengenalan lama digantikan dengan Kad Pengenalan baru pihak Jabatan Pendaftaran banyak membuat kesalahan seperti memberikan Kad Pengenalan warna merah kepada setengah Bumiputra atau anak orang yang sudah memiliki kewarganegaraan Malaysia, dan jika ya, apakah tindakan yang diambil.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Kad Pengenalan biru adalah dikeluarkan kepada Bumiputra dan semua orang yang dapat membuktikan kelahiran mereka di Sabah.

Kad-kad Pengenalan merah hanya dikeluarkan kepada mereka yang bukan Warganegara atau yang tidak mempunyai keterangan yang membuktikan mereka itu Warganegara secara kelahiran di Sabah. Bagi mereka ini, permohonan untuk menjadi warganegara boleh dibuat di bawah Perkara yang sesuai dalam Perlembagaan, seperti Perkara-perkara 15 (1) atau 19 (1). Setelah dapat Sijil Kewarganegaraann, mereka itu bolehlah menukarkan Kad Pengenalan merah kepada Kad Pengenalan biru.

#### TENTERA WATANIAH DAN RELA

**29. Tuan Alias bin Mohamad Ali** minta Menteri Pertahanan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk memperkuat lagi pertahanan negara memandangkan perkembangan di Indochina dan sama ada langkah-langkah ini termasuk memberikan latihan peperangan dan pembekalan senjata dengan secukupnya kepada Tentera Wataniah dan RELA dan penubuhan pasukan lojistik.

**Menteri Pertahanan (Datuk Anuar Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Strategi pertahanan negara kita sentiasa disemak dan diperkemas selaras dengan perkembangan keadaan dari masa ke semasa. Kementerian Pertahanan dengan kerjasama pihak-pihak yang berkenaan sentiasa mengkaji segala keadaan keselamatan di seluruh negara dan di sekitar rantau ini supaya kita dapat sentiasa bersedia menghadapi apa jua ancaman ke atas kedaulatan, keamanan dan kestabilan negara kita.

Hasil dari kajian-kajian ini maka Kementerian Pertahanan telahpun membentuk rancangan-rancangan pertahanan yang cukup lengkap dan praktikal untuk menghadapi

keadaan sekarang ini. Di bawah rancangan-rancangan pertahanan yang dikemaskini itu memanglah semestinya termasuk langkah-langkah seperti berikut:

- (1) Menambah dan memperkemas tenaga untuk pertahanan negara;
- (2) Memperkemas dan meninggikan mutu latihan peperangan, termasuk latihan peperangan konvensional;
- (3) Menambah dan memodenkan kelengkapan senjata-senjata; dan
- (4) Memperkuat serta memperkemas jentera lojistik untuk menyokong pasukan-pasukan bertempur.

Langkah-langkah (2) dan (3) di atas juga ditumpukan kepada anggota askar wataniah kita yang diberi layanan yang sama dengan askar biasa, apabila mereka dimobilisasikan (mobilised). Demikian juga RELA telahpun diperkemas.

### TV WARNA PERCUMA DI KAMPUNG-KAMPUNG

**30. Tuan Aliuddin Pengiran Haji Mohd. Tahir** bertanya kepada Menteri Penerangan sama ada Kerajaan bercadang memberikan peti-peti TV warna secara percuma kepada tiap-tiap kampung di pedalaman dengan menempatkannya di balai-balai raya memandangkan rakyat luar bandar tidak dapat menikmati Siaran TV warna disebabkan harga yang terlalu mahal.

**Dato Mohamed bin Rahmat:** Buat pada masa ini Kerajaan tidak bercadang memberikan peti-peti TV warna secara percuma kepada tiap-tiap kampung di kawasan-kawasan pedalaman.

### PENDATANG-PENDATANG HARAM

**31. Tuan Awang bin Jabar** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah berkesan yang sedang diatur oleh Kementerian bagi mempercepatkan proses pemindahan pendatang-pendatang haram di negara ini ke negara-negara ketiga.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Jawapan kepada soalan yang hampir sama telah dijawab dalam minggu ini juga.

### MATAPELAJARAN BAHASA INGGERIS

**32. Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan bahawa taraf yang rendah dalam mata-pelajaran Bahasa Inggeris di sekolah dan di universiti, adakah Menteri ingin memanjangkan masa untuk matapelajaran Bahasa Inggeris.

**Dato Musa bin Hitam:** Kementerian saya sentiasa memandang berat atas pencapaian yang belum memuaskan dalam matapelajaran Bahasa Inggeris. Beberapa langkah telah, sedang dan akan diambil untuk memperbaiki keadaan ini. Di antara langkah-langkah ini ialah:

#### *Bidang Kurikulum*

- (i) Melatih guru-guru Bahasa Inggeris supaya lebih mahir dalam teknik-teknik pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua melalui kursus-kursus dalam perkhidmatan peringkat negeri dan kebangsaan. Bilangan guru yang telah mengikuti kursus ini adalah seperti berikut:

#### *Peringkat Negeri*

(a) Kursus dalam perkhidmatan untuk sekolah rendah. . . . .	751
(b) Kursus dalam perkhidmatan untuk sekolah menengah rendah . . . . .	2,031
(c) Kursus dalam perkhidmatan untuk sekolah menengah atas . . . . .	2,753
Jumlah . . . . .	<u>5,533</u>

#### *Peringkat Kebangsaan*

(a) Kursus Sijil TESL di Maktab Perguruan Bahasa . . . . .	1,358
(b) Diploma TESL di Universiti Malaya (Pusat Bahasa) . . . . .	128
(c) Sijil/Diploma TESL di Institusi Luar Negeri (Singapura Australia, New Zealand, United Kingdom) . . . . .	96
Jumlah . . . . .	<u>1,582</u>

(d) Diploma TESL di Universiti Malaya (akan dimulakan oleh Fakulti Pendidikan dalam bulan Mei 1979 untuk guru-guru yang mengajar Bahasa Inggeris di Tingkatan IV dan v) .. .. . 40

(ii) Membina bahan pengajaran/pembelajaran dan memeringkatkan bahan-bahan ini berdasarkan kebolehan murid. Bahan-bahan ini adalah seperti berikut:

(a) bahan bacaan sumbangan Kerajaan New Zealand yang telah diedarkan kepada semua sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah yang mempunyai kelas peralihan;

(b) buku bacaan tambahan (untuk sekolah rendah) yang kini dalam proses penerbitan;

(c) bahan pengajaran/pembelajaran (untuk sekolah menengah rendah) yang kini sedang dicuba dan dinilai di beberapa buah sekolah;

(d) kit sumber yang mengandungi buku panduan guru, kaset serta pelbagai jenis bahan pengajaran/pembelajaran Bahasa Inggeris untuk sekolah menengah atas. Pengeluaran kit ini sedang diuruskan.

(iii) Memperkenalkan teknik pengajaran dan pengelolaan kelas yang lebih baik supaya pembelajaran Bahasa Inggeris menjadi lebih menarik dan berkesan. Satu cara yang sedang dicuba ialah "setting" di mana murid-murid dikumpulkan mengikut kebolehan mereka dalam Bahasa Inggeris dan bahan bacaan dan pengajaran disesuaikan secukupnya dengan kebolehan kumpulan yang berkenaan.

#### *Bidang Ko-Kurikulum*

(i) menggalakkan murid-murid menyertai kegiatan-kegiatan persatuan dan mengambil bahagian dalam pertandingan-pertandingan yang diadakan dalam Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah.

(ii) mengadakan kempen Bahasa Inggeris dari semasa ke semasa untuk merangsangkan minat dalam penggunaan Bahasa Inggeris.

#### **LAWATAN PERDANA MENTERI KE THAILAND**

33. **Tuan Hashim bin Ghazali** minta Perdana Menteri menyatakan kejayaan lawatan beliau ke Thailand baru-baru ini,

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad):** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjawab soalan yang sama maksudnya dari Ahli Yang Berhormat dari Bachok pada hari Isnin, 19hb Mac, 1979. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tiada apa-apa tambahan kepada jawapan yang telah diberikannya itu.

#### **GEREJA DI LUAR BANDAR**

34. **Tuan Sibot Miut Anak Tangong** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau boleh menambah bantuan peruntukan bagi membina gereja dan tempat ibadat bagi orang-orang Kristian di luar bandar memandangkan kebanyakan penduduk luar bandar di Sarawak beragama Kristian.

**Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan peruntukan bagi membina gereja dan tempat ibadat bagi orang-orang Kristian sememangnya diberi perhatian yang tidak kurang daripada bantuan peruntukan untuk tempat-tempat ibadat bagi orang-orang yang beragama lain daripada Kristian.

Walau bagaimanapun, bantuan peruntukan tersebut adalah akan diberi pertimbangan sekiranya ada permohonan-permohonan yang diterima. Ahli Yang Berhormat berkenaan bolehlah membuat permohonan kepada Pegawai Kemajuan Negeri Sarawak supaya keperluan ini dapat diberi pertimbangan dengan sewajarnya.

#### **MEMPERTAHANKAN TANAH AIR**

35. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada rancangan-rancangan 'contingent' telahpun dibuat sekiranya Malaysia diserang dan sama ada langkah-langkah akan diambil untuk menyediakan dan memobilisasikan rakyat demi mempertahankan tanahair kita.

**Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Saya ingin memaklumkan bahawa rancangan-rancangan kontinjen telahpun dibuat. Rancangan-rancangan yang telah disiapkan itu adalah berasas kepada pandangan yang menyeluruh ke atas keadaan-keadaan yang mungkin mengancam kedaulatan, keamanan dan kestabilan negara kita. Rancangan-rancangan ini adalah juga melibatkan mobilisasi segolongan rakyat yang rela untuk membantu Pasukan Keselamatan.

Rancangan menyediakan dan memobilisasikan rakyat sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, telah dan sedang berjalan pada masa ini melalui pasukan-pasukan keselamatan seperti RELA dan Tentera Wataniah di mana rakyat jelata boleh mencebur diri untuk memainkan peranan mempertahankan negara.

#### JAMBATAN SUNGAI BERNAM

**36. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah jambatan yang menyeberangi Sungai Bernam itu akan dapat disiapkan mengikut jadual, jika tidak bila akan dapat disiapkan.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato Lee San Choon):** Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam adalah dimaklumkan bahawa jambatan yang menyeberangi Sungai Bernam pada mulanya dijadualkan dapat disiapkan pada 23hb Mac, 1979. Tetapi oleh sebab-sebab yang akan diterangkan jambatan itu tidak dapat disiapkan pada tarikh tersebut. Jambatan itu sekarang dijangka akan siap sepenuhnya dalam masa lapan bulan lagi. Kelewatan untuk menyiapkan jambatan itu adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Kontrektor lewat memulakan kerja-kerja pembinaan.
- (ii) Kerja-kerja membuat konkrit di dalam air adalah sangat sukar dibuat dan memakan masa yang lama.
- (iii) Kelewatan itu juga adalah disebabkan oleh kegagalan kontrektor untuk mendapatkan bekalan besi waja dalam masa yang telah dijangkakan dan kekurangan bahan itu dipasaran tempatan.

#### ORANG TAHANAN DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

**37. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dalam bulan Januari, Februari dan Mac 1979, juga beri jumlah bilangan orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri setakat 31-12-1978.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Jumlah orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dalam bulan-bulan Januari, Februari dan Mac 1979 adalah seperti berikut:

(i) Januari .. ..	4
(ii) Februari .. ..	12
(iii) Mac .. ..	8
Jumlah .. ..	<u>24</u>

Jumlah orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 sehingga 31-12-78 ialah seramai 875 orang.

#### DONALD UREN DI TAHAN DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

**38. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa Encik Donald Uren, wakil Asia Persekutuan Antarabangsa Pekerja-pekerja Pengangkutan dan 18 orang pekerja MAS ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri tatkala mereka boleh didakwa di bawah Akta Perhubungan Perusahaan jika terdapat bukti-bukti yang konkrit.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Sebagaimana yang telah dijelaskan dengan panjang lebar oleh YAB. Perdana Menteri di Dewan Rakyat ini pada 20hb Mac, 1979 bahawa penyiasatan ke atas Donald Uren dan 22 orang pekerja MAS adalah masih lagi dijalankan dan mereka ini bukanlah di tahan tapi ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sebagaimana yang didakwa. Kerajaan adalah sentiasa bertindak dalam bidang kuasa undang-undang sama ada undang-undang buruh, undang-undang ketenteraman awam atau Akta Keselamatan Dalam Negeri.

### SYARIKAT KERJASAMA SHAMELIN

39. Tuan Mohd. Nakhale bin Haji Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebuah syarikat kerjasama iaitu Shamelin tidak pernah mengadakan mesyuarat agong semenjak tahun 1974, disebabkan oleh kegagalan pengurusan menyiapkan penyata akaunnya. Jika beliau sedar apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau bagi memastikan hak-hak ahli dan kepentingan mereka.

**Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad):** Pada awal tahun 1978 Jabatan Pembangunan Koperasi mula mengodit akaun Koperasi itu untuk tahun 1973 dan 1974. Proses odit ini mengambil masa kerana koperasi ini mempunyai cawangan-cawangan di merata tempat di seluruh Semenanjung Malaysia. Ada perkara-perkara yang memerlukan penjelasan detail. Apabila penyata akaun itu siap nanti maka Koperasi itu boleh mengadakan mesyuarat agongnya.

### PUSAT LATIHAN BELIA DUSUN TUA

40. Dr Tan Tiong Hong minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan perangkaan kaum belia kita yang telah berpeluang menyertai latihan dan kursus yang dijalankan di Pusat Latihan Belia Dusun Tua sejak ditubuhkan hingga akhir tahun 1978 dan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai belia bukan bumiputra untuk memohon masuk ke pusat itu.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Bilangan belia-belia yang telah menyertai latihan di Pusat Latihan Belia Dusun Tua dan Pertak sejak ia ditubuhkan sehingga 31-12-1978 mengikut kaum ialah:

#### 1. Angkatan Pembena Negara

Melayu	..	..	..	14,926
Cina	..	..	..	341
India	..	..	..	786
Lain Kaum	..	..	..	236
Jumlah semua	..	..	..	16,289

#### 2. Angkatan Pelupor Negara

Melayu	..	..	..	6,043
Cina	..	..	..	175
India	..	..	..	294
Lain kaum	..	..	..	166
Jumlah semua	..	..	..	6,678

Langkah-langkah yang telah diambil untuk menggalakkan lebih ramai belia bukan bumiputra untuk memohon masuk ke Pusat itu, antara lain ialah:

Menjelaskan dan menyebarkan maklumat kepada pertubuhan-pertubuhan belia berhubung dengan latihan-latihan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di pusat latihan tersebut. Juga lawatan-lawatan sambil belajar kepada pusat latihan itu adalah juga diatur. Ada tanda-tanda bertambah bilangan belia bukan bumiputra yang membuat permohonan, adalah diharap bahawa mereka itu akan mempunyai kelayakan dan kecenderongan untuk mengikuti latihan di pusat tersebut.

### PROJEK BELIA PELADANG

41. Dr Tan Tiong Hong minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan di dalam 'Projek Belia Peladang' yang dijalankan oleh Kementerannya berapa ramai orang belia kita ada membuat permohonan dan berjaya dipilih untuk mengambil bahagian dalam projek itu sejak mula dilancarkan hingga pada masa sekarang dan juga beri perangkaan kaum belia yang terlibat.

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Sejak Rancangan Projek Belia Peladang mula dilancarkan hingga akhir 1978, bilangan permohonan yang berjaya ialah 1,713 dan bilangan kaum belia yang terlibat ialah 11,295 orang.

### BIRO PEMUDA UMNO MENGENAI PERTIKAIAN PEKERJA MAS

42. Tuan P. Patto minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa UMNO, melalui Biro Buruh Pemuda UMNO—salah satu daripada sayapnya, telah campurtangan dalam pertikaian buruh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS)

dan AEU (Airlines Employees Union) baru-baru ini, jika ya, adakah Pendaftar Pertubuhan-pertubuhan Malaysia telah menimbang dan bercadang untuk meminta UMNO memberi sebab-sebab mengapa ia tidak patut dibatalkan pendaftarannya kerana penglibatannya dalam satu pertikaian buruh, jika tidak, mengapa.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Usaha Biro Buruh Pemuda Umno tidak bercanggah dengan undang-undang negara dan juga dengan undang-undang tubuh UMNO.

#### PENUNTUT MALAYSIA DI IRAN

**43. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rals** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan pergolakan kuasa di Iran, sama ada beliau akan memanggil balik semua penuntut-penuntut Malaysia di sana, jika ya bila dan jika tidak mengapa.

**Dato Musa bin Hitam:** Buat masa ini setakat yang diketahui tiada terdapat penuntut Malaysia yang menuntut di Iran.

#### HARGA MINYAK PETROL/ DIESEL/MINYAK TANAH

**44. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) adakah Kementerian beliau telah dihubungi oleh lima buah syarikat minyak yang besar di Malaysia bagi menyelaraskan harga-harga minyak petrol, diesel dan minyak tanah berikut dengan pengumuman oleh OPEC menaikkan sebanyak 14.5 peratus harga minyak; jika ya, apakah sambutan dari Kementerian;
- (ii) adakah beliau akan memberi jaminan secara tegas di Parlimen bahawa Kerajaan tidak akan mengenakan beban selanjutnya ke atas pengguna-pengguna Malaysia dari segi harga minyak yang tinggi; dan
- (iii) adakah Kerajaan akan menyerap kenaikan harga sekiranya kenaikan-kenaikan ini tidak dapat dielak.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamed:**

- (i) Bagi menjawab soalan (i), syarikat-syarikat minyak belum lagi menghubungi Kementerian saya bagi menyelaraskan harga minyak petrol, diesel dan minyak tanah berikutan dengan pengumuman oleh negara-negara OPEC menaikkan harga minyak mentah sebanyak 14.5% sepanjang tahun 1979;
- (ii) Mengenai soalan (ii), saya tidak boleh memberi jaminan seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu. Seperti kita semua sedia maklum, kenaikan harga minyak yang telah diumumkan oleh negara-negara OPEC dalam bulan Disember tahun lalu serta kekacauan di Iran akan mendatangkan kesan kepada semua negara-negara yang menggunakan minyak. Sungguhpun Malaysia mempunyai minyaknya sendiri, ini tidak bermakna kita akan dikecualikan daripada kesan-kesan yang berpunca daripada kenaikan harga minyak. Minyak itu adalah barang yang merosot dengan penggunaannya iaitu 'depleting asset' dan 'reserve' kita pun adalah terhad.

Kita boleh gunakan minyak kita itu untuk menampung kenaikan harga minyak di dalam negeri kita, akan tetapi ini adalah satu langkah jangka-masa pendek sahaja dan akan hanya memberi faedah kepada pengguna-pengguna minyak. Sebaliknya, kita boleh juga menggunakan hasil daripada minyak kita itu untuk faedah jangka panjang dengan mengadakan lebih banyak lagi projek-projek pembangunan di mana semua lapisan rakyat akan mendapat nikmat. Dengan keadaan begitu, seperti saya telah katakan sebentar tadi, saya tidak boleh memberi jaminan bahawa rakyat tidak akan dibebankan dengan harga minyak yang meningkat. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengambil perhatian dan berusaha supaya rakyat tidak akan mengalami kesusahan.

- (iii) Bagi jawapan soalan (iii), Kerajaan akan mengkaji apabila masanya tiba kelak.

### DOKTOR DI SARAWAK KEKURANGAN

45. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan kepada kekurangan doktor dan pakar perubatan dikebanyakan hospital di Sarawak sama ada beliau bercadang untuk mengatasi kekurangan ini.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Saya penuh menyedari bahawa beberapa buah hospital di Sarawak mengalami kekurangan doktor dan pakar-pakar perubatan. Masalah kekurangan doktor bukan terdapat di Sarawak sahaja bahkan di seluruh negara. Tindakan telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian ini untuk mengatasi kekurangan itu dengan menghantar pegawai-pegawai perubatan dan pakar perubatan dari Semenanjung Malaysia dan luar negeri ke Sarawak. Selain dari itu Kementerian ini juga telah berusaha mengambil doktor-doktor dari luar negeri untuk bertugas di negara ini sebagai satu langkah serta merta. Untuk mengatasi masalah ini Kementerian ini sedang mengambil tindakan untuk melantik pegawai-pegawai perubatan dan juga pakar-pakar perubatan dari negara Indonesia dan Burma.

Adalah perlu bagi saya menyatakan di sini bahawa keadaan kekurangan doktor di Sarawak sekarang adalah bertambah baik sejak dua tahun yang lepas. Namun demikian Kementerian ini sentiasa memperbaiki keadaan itu dari masa ke semasa.

### PENYEWA-PENYEWA DI RUMAH KEDAI

46. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Akta Kawalan Sewa, 1966 akan dikaji semula supaya kepentingan penyewa-penyewa yang tinggal di rumah kedai yang dibina selepas tahun 1948 dapat diperlindungi daripada ditindas, diperas dan diugut oleh segelintir tuan-tuan punya rumah yang tidak bertanggungjawab (sepertimana yang Tuan Chan Teck Chan laporkan dalam suratnya yang dialamatkan kepada Menteri pada 22-10-1978), dan apakah sebabnya hingga hari ini Kementerianya masih belum menjawab atau bertindak ke atas surat ini berkaitan dengan 34 buah kedai dan gerai di Jalan Kee Ann, Melaka yang diugut oleh tuan punya rumah.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Michael Chen Wing Sum):** Soal Ahli Yang Berhormat, dari Kota Melaka itu adalah seakan-akan sama dengan soal yang dikemukakan oleh beliau di Dewan Yang Mulia ini pada 11-10-78 yang mana saya telah memberi jawapan. Jawapan yang sama telah juga saya berikan di dalam Dewan yang mulia ini pada 19-3-79 sewaktu menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan saya tidak hendak menambah jawapan soalan ini.

Sebenarnya Kementerian saya tidak ada menerima surat bertarikh 22-10-78 seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

### KAKITANGAN KERAJAAN MELAYU/ BUKAN MELAYU

47. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad meminta Perdana Menteri menyatakan kedudukan kakitangan mengikut division dan pecahan kaum bagi jawatan-jawatan dalam lapangan-lapangan seperti berikut:

- (a) Perubatan dan Kesihatan (Medical and Health)
- (b) Kajibumi (Geology)
- (c) Insuran
- (d) Aktuari (Actuary)
- (e) Kimia (Chemistry)
- (f) Kajicuaca (Meteorology)
- (g) Kimia Tanah (Soil Chemist)
- (h) Kaji Penyakit Tumbuhan (Plant-Pathologist)
- (i) Kajihayat (Biology)
- (j) Kajikuman (Bacteriology)
- (k) Ukur Bahan
- (l) Akitek

bagi tahun 1973, 1974, 1975, 1976, 1977 dan 1978 dan apakah kemajuan yang telah dicapai bagi pegawai Bumiputra setakat ini.

**Perdana Menteri (Dato Hussein Onn):** Lampiran 'A' dan Lampiran 'B' ialah kedudukan kakitangan mengikut division dan pecahan kaum. Walau bagaimanapun Lampiran 'A' menyatakan kedudukan kakitangan bagi jawatan-jawatan division I sahaja, manakala Lampiran 'B' menyatakan kedudukan kakitangan bagi division I, II, III & IV mengikut pecahan kaum bagi tahun 1973—1978.

Dari data-data di Lampiran 'A' dan 'B' dapat diperhatikan bahawa kedudukan pegawai-pegawai Bumiputra dalam beberapa lapangan tertentu seperti perubatan, ukur bahan dan akitek adalah bertambah baik dan memuaskan misalnya bilangan Akitek Bumiputra telah bertambah dari seorang ke 30 orang dan bagi jawatan ukur bahan pula bilangan pegawai Bumiputra telah bertambah dari 5 ke 36 orang dalam masa 5 tahun. Dalam bidang perubatan pula, terdapat pertambahan sebanyak 69% pegawai-pegawai Bumiputra dalam Division I dari 1973—1978 dan pertambahan % ini adalah memuaskan.

Walau bagaimanapun pegawai-pegawai Bumiputra masih lagi ketinggalan dalam beberapa bidang terutamanya dalam bidang kajibumi, kajicuaca, kajihayat dan kajikuman. Dalam bidang kajibumi adalah dijangka pada tahun ini seramai 12 orang calon Bumiputra akan lulus peperiksaan B.Sc Geology dari Universiti Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dalam hal ini Kerajaan telah berusaha untuk menambahkan bilangan pegawai-pegawai Bumiputra dengan memberikan biasiswa-biasiswa Kerajaan pada penuntut-penuntut Bumiputra dan menggalakkan mereka supaya menunjukkan minat dalam bidang-bidang berkenaan. Dengan tindakan Kerajaan sedemikian adalah diharapkan keadaan kekurangan pegawai Bumiputra dalam bidang ikhtisas akan bertambah baik dari masa ke semasa. Bagi jawatan Division II, III & IV kemajuan yang dicapai dari segi pertambahan bilangan pegawai Bumiputra adalah bertambah baik khasnya dalam lapangan perubatan, insuran, kajicuaca dan kajibumi.

Mengenai jawatan dalam lapangan kajihayat adalah dimaklumkan bahawa di dalam perkhidmatan Kerajaan tidak ada jawatan yang bernama Kajihayat secara khusus. Walau bagaimanapun terdapat Jawatan Pegawai Penyelidik yang memerlukan kelayakan dibidang kajihayat sebagai Ahli Kaji Manusia, Ahli Kaji Penyakit Tropika, Ahli Kaji Haiwan, Ahli Kaji Serangga dan Pegawai Makanan. Jawatan-jawatan ini terdapat di Kementerian Kesihatan. Di Kementerian Perusahaan Utama terdapat 2 jawatan Pegawai Penyelidik (Kajihayat) di tingkat, Tingkatan Tertinggi 'G' sahaja.

## KESIHATAN DI WILAYAH— KEPERLUAN

48. Tuan V. David minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar meskipun negara telah mencapai kemerdekaan selama dua puluh satu tahun dan bahawa Malaysia kini sibuk untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga bahawa dalam lingkungan Wilayah keperluan kesihatan (sanitation) dan asas kepentingan sosial masih lagi berkurang di dalam kawasan-kawasan berikut:

- Kampung Paya, Jalan Bangsar
- Kampung Pasir, Segambut
- Kampung Pantai Dalam
- Kampung Tengah, Segambut
- Kampung Serai, Segambut
- Kampung Masjid, Segambut
- Kampung Syarikat Kerjasama, Pantai
- Kampung Limau, Pantai
- Kampung Kerinchi, Jalan Bangsar.

Kawasan Perkampungan yang dinyatakan di atas masih kekurangan nikmat bekalan elektrik, sistem parit dan pertalian yang baik, bekalan air yang secukupnya, tempat-tempat membuang sampah sarap dan juga ketiadaan tandas yang sewajarnya. Adakah Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang segera bagi membekalkan keperluan air, elektrik, tong-tong sampah dan tandas-tandas itu.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Hussein Onn):** Membangun dan memajukan kampung-kampung adalah salah satu objektif utama Kerajaan. Pada awal tahun 1979 ini, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya telah mengkaji dan menentukan satu rancangan bagi meningkatkan lagi usaha membangunkan kampung dalam Wilayah Persekutuan. Kajian ini adalah secara menyeluruh dan termasuklah sembilan buah kampung yang dinyatakan.

Apa yang dititik-beratkan dalam rancangan ini ialah memperbaiki keadaan kesihatan dan kebersihan kampung-kampung itu dengan menambah bekalan air dan tandas-tandas curah. Sehingga akhir 1978, sebanyak \$884,086 telah dibelanjakan untuk membekalkan 394 batang paip umum di kampung-kampung/kawasan-kawasan setinggian. Ini

## LAMPIRAN A

KEDUDUKAN KAKITANGAN JAWATAN DIVISION I SAHAJA MENGIKUT PECAHAN  
KAUM BAGI LAPANGAN AKTUARI, KIMIA, KIMIA TANAH, KIMIAHAYAT, KAJI  
PENYAKIT TUMBUHAN, KAJI KUMAN, UKUR BAHAN DAN AKITEK BAGI TAHUN  
1973—1978

Bil.	Lapangan	1973			1974			1975			1976			1977			1978			Jumlah Besar
		M	C	J	M	C	J	M	C	J	M	C	J	M	C	J	M	C	J	
1.	Aktuari	..	..	..	1	..	..	1	..	..	1	..	..	1	..	..	1	..	..	3
2.	Kimia*	..	..	..	3	..	..	3	..	..	3	..	..	3	..	..	3	..	..	4
3.	Kimia Tanah	..	..	..	2	..	..	2	..	..	2	..	..	2	..	..	2	..	..	3
4.	Kimia Hayat	..	..	..	9	1	10	13	1	14	16	1	17	18	2	21	22	2	27	31
5.	Kaji Penyakit Tumbuhan	..	..	..	1	..	..	1	..	..	1	..	..	1	..	..	1	..	..	1
6.	Kajikuman*	..	..	..	4	..	..	7	..	..	9	..	..	11	..	..	11	..	..	13
7.	Ukur Bahan	..	..	..	5	2	..	6	5	..	11	12	5	18	19	5	25	29	14	54
8.	Aktek	..	..	..	1	..	..	1	1	..	2	6	4	10	12	8	20	19	11	54

\* Jawatan Division I yang tiada langsung pegawai Bumiputra.



tidak termasuk perbelanjaan bagi membayar bil-bil air paip umum yang berjumlah lebih dari \$70,000 sebulan sekarang ini. Pada tahun 1979 peruntukan sebanyak \$300,000 lagi disediakan untuk membekalkan paip-paip umum kepada kampung-kampung/kawasan-kawasan setinggan.

Sehingga 1978, \$11,000.65 telah dibelanjakan untuk tujuan ini dan pada tahun 1979 peruntukan sebanyak \$175,000 disediakan untuk membina tandas curah di kampung-kampung/kawasan-kawasan setinggan bagi menjaga kesihatan awam.

Selain dari itu Dewan Bandaraya memperuntukkan \$1 juta tahun ini bagi kemudahan-kemudahan lain untuk kampung-kampung/kawasan-kawasan setinggan.

Bagi bekalan letrik ianya bergantung sama ada bekalan dapat disalurkan mengikut laluan yang sah atau simpanan jalan ke kawasan yang tersebut.

Perkhidmatan mengangkut sampah di kawasan-kawasan tersebut adalah sukar oleh sebab jalan masuk/keluar tidak ada kerana kedudukan rumah-rumah di kawasan tersebut tidak teratur. Tong-tong sampah besar tidak dapat dibekalkan kerana ketiadaan tempat-tempat yang sesuai. Pungutan sampah di kawasan-kawasan itu dijalankan dengan cara memungut sampah sarap yang telah dilonggokkan di sesuatu tempat yang difikirkan sesuai. Perkhidmatan dijangka bertambah baik apabila Dewan Bandaraya menerima tambahan bilangan lori yang sedang dan akan ditempatkan.

#### HOSPITAL DAERAH BUKIT MERTAJAM

49. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau akan membekalkan sebuah ambulan khas ke Hospital Daerah Bukit Mertajam untuk membawa mayat-mayat orang bukan Islam. Jika tidak, mengapa tidak.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Sukacita saya memaklumkan bahawa adalah menjadi tujuan Kementerian Kesihatan untuk mengadakan kereta-kereta mayat yang berasingan bagi mayat-mayat orang Islam dan mayat-mayat orang bukan Islam di semua hospital.

Peruntukan telah disediakan dalam belanjawan pembangunan untuk membeli kereta-kereta khas tersebut. Dukacitanya pembekalan kereta-kereta tersebut adalah tidak tetap di atas sebab-sebab yang tidak dapat dikawal oleh Kementerian. Setakat ini Hospital Daerah Bukit Mertajam belum lagi mempunyai kereta untuk perkhidmatan ini.

#### 'CRIMINAL PROCEDURE CODE'— TAHANAN

50. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah faktor-faktor yang difikirkan oleh pegawai polis sebelum seorang disyaki itu ditahan di bawah S. 117 'Criminal Procedure Code';
- (b) berapa orangkah yang disyaki itu ditahan di bawah S. 117 'Criminal Procedure Code' di Daerah Dinding pada tahun 1978;
- (c) berapakah Aturan Penahan di bawah S. 117 'Criminal Procedure Code' dikeluarkan oleh Hakim Kelas Kedua di Daerah Dinding pada tahun 1978;
- (d) adakah perlu bagi Hakim Kelas Kedua diwartakan sebelum mereka dibenarkan mengeluarkan Aturan Penahanan di bawah S.117 'Criminal Procedure Code';
- (e) siapakah mereka yang diwartakan sebagai Hakim Kelas Kedua di Daerah Dinding;
- (f) bila dan di bawah keadaan apa Hakim Kelas Kedua boleh mengeluarkan Aturan Penahanan di bawah S.117 'Criminal Procedure Code'.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Mengikut Peraturan Majlis Mesyuarat perenggan 23 (n), saya tidak perlu menjawab soalan di perenggan (a), (d), (f), dan (e).

Mengenai soalan di perenggan (d) dan (c) dalam Daerah Dinding dalam tahun 1978 sejumlah 244 saspek telah ditahan di bawah Seksyen 117 K.A.J. Seramai 186 orang telah dituduh di Mahkamah di atas beberapa kesalahan manakala 58 orang telah dibebaskan, dan dari 244 saspek yang ditahan itu 168 ditahan oleh Majisteret Kelas Satu dan 76 saspek oleh Majisteret Kelas Dua.

### LESEN TEKSI/KERETA SEWA

**51. Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilakah beliau hendak melaksanakan rancangan hendak memastikan lesen-lesen teksi dan kereta-kereta sewa itu benar-benar diberikan kepada mereka yang menjalankan kereta sewanya sendiri; tidak seperti mana yang ada pada hari ini iaitu tuan-tuan yang punya lesen menyewakan lesennya kepada orang lain.

**Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman):** Seperti yang telah saya umumkan di Dewan ini pada persidangan yang lalu, semua lesen-lesen teksi dan kereta-kereta sewa di masa-masa yang akan datang akan diluluskan di atas dasar 'owner-driver'. Lesen-lesen ini akan dikeluarkan kepada orang-orang perseorangan dan syarikat-syarikat kerjasama yang mana ahli-ahlinya adalah terdiri dari pemandu-pemandu teksi. Syarat-syarat tertentu akan dikenakan untuk menentukan supaya lesen-lesen ini ditarik balik sekiranya dasar ini tidak dipatuhi,

### GURU BESAR DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH RENDAH

**52. Tuan Ibrahim bin Muhamad** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa Guru-guru Besar di Sekolah Menengah Rendah sekarang ini dilantik daripada guru-guru kategori C1 dan akan menimbulkan masalah perjawatan terhadap Guru Besar tersebut apabila sekolah itu menjadi Sekolah Menengah sepenuhnya dengan murid-murid sampai ke Tingkatan V dan jika ya sama ada Kementerian bercadang hendak menempatkan terus guru-guru berijazah menjadi Guru Besar di sekolah-sekolah menengah rendah.

**Dato Musa bin Hitam:** Kementerian sedar bahawa Guru Besar bagi Sekolah-sekolah Menengah Rendah adalah terdiri dari guru-guru Kategori C1. Keadaan ini berlaku kerana sesuai dengan kehendak peraturan perjawatan yang berkuatkuasa sekarang. Sekiranya sekolah itu layak menjadi Sekolah Menengah Penuh setelah mempunyai Tingkatan V jawatan Guru Besar itu akan diubah kepada jawatan Kategori D1 dan Guru-guru Besarnya hendaklah terdiri dari guru-guru Kategori D1 pula. Dengan itu guru-guru C1 tersebut akan

ditukarkan ke tempat-tempat lain sama ada menjadi Guru Besar di Sekolah Menengah Rendah yang lain atau sebagai guru biasa. Tetapi dari segi perjawatan dan perkhidmatan tidak akan menimbulkan masalah kerana gaji dan Kategori mereka tidak akan diturunkan. Oleh itu masalah ini lebih merupakan soal peribadi dan perasaan yang tidak dapat dielakkan.

Mengenai cadangan supaya Kementerian menempatkan terus guru-guru berijazah menjadi Guru Besar di Sekolah-sekolah Menengah Rendah, buat masa ini dari segi perjawatan adalah tidak sesuai. Walau bagaimanapun perkara ini bolehlah dikaji lagi sama ada cadangan itu boleh dilaksanakan pada masa hadapan.

### SISWAZAH MALAYSIA DI LUAR NEGERI

**53. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abd. Rahim** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berapa ramaikah siswazah Malaysia menuntut di luar negeri hari ini mengikut kaum; dan
- (b) apakah langkah Kerajaan untuk memenuhi Artikul 153.

**Dato Musa bin Hitam:**

- (a) Sehingga akhir tahun 1978, bilangan pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di luar negeri adalah seperti berikut:

Melayu	..	..	..	7,690
Cina	..	..	..	21,904
India	..	..	..	5,896
Lain-lain	..	..	..	422

Suka saya nyatakan di sini bahawa angka-angka ini tidaklah 100% tepat kerana kebanyakan daripada penuntut-penuntut persendirian tidak melaporkan diri di Kedutaan Malaysia di Seberang Laut.

(b) Soalan ini terlalu umum, tetapi jika dimaksudkan dari segi pelajaran, Kerajaan sentiasa memberi peluang yang lebih kepada kaum-kaum yang kurang bernasib baik, khususnya kaum Bumiputra. Dalam hal ini di samping mengkhaskan tempat-tempat untuk mereka di Institusi-institusi pengajian tinggi tempatan, Kerajaan juga menyediakan bantuan kewangan kepada mereka yang kurang mampu. Di samping itu Kerajaan juga sentiasa mendapatkan lebih banyak tempat di

Universiti-universiti di luar negeri, terutamanya di negara-negara Islam, serta bantuan-bantuan kewangan dari negara-negara tersebut supaya lebih ramai lagi pelajar-pelajar Bumiputra dapat melanjutkan pelajaran mereka di seberang laut.

### HARI KELEPASAN AM KRISTIAN

**54. Tuan Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar Kerajaan Negeri Sabah telah membatalkan beberapa hari kelepasan am Kristian, sama ada Kerajaan Persekutuan bertujuan untuk mencampurtangan dalam perkara ini untuk menentukan orang-orang beragama Kristian di Negeri Sabah akan dapat terus menikmati hari-hari kelepasan am yang diberikan kepada kaum Kristian.

**Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Soal hari Kelepasan Am Negeri Sabah adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri itu. Apa-apa keputusan Negeri itu adalah dilakukan mengikut kuasa-kuasa tertentu. Kerajaan Persekutuan tidak bertujuan campurtangan dalam urusan di bawah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri.

### JAWATANKUASA PETUGAS PENDATANG HARAM VIETNAM

**55. Tuan Hussein Bin Mahmood** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejak penubuhan sebuah Jawatankuasa Petugas untuk menghadapi soal pendatang haram pada akhir 1978:

- (a) berapa ramaikah pendatang haram daripada Vietnam mendarat di Malaysia dengan memberi angka-angka mengikut negeri-negeri mereka mendarat; dan
- (b) berapa ramaikah daripada pendatang-pendatang haram daripada Vietnam yang telah dipindahkan ke negara-negara ketiga dengan memberi angka-angka mengikut negara ketiga yang berkenaan.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Jawapan kepada soalan yang hampir sama telah dijawab dalam minggu ini juga.

### LEMBAGA PENGURUS/PENGELOLA SEKOLAH

**56. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah

Akta Pelajaran Seksyen 28 akan dilaksanakan setelah dipinda untuk diberi kuasa kepada Kerajaan bagi membubarkan lembaga pengurus/pengelola sekolah di seluruh negara, selepas terlaksananya Laporan Suruhanjaya Gaji Aziz. Kerana selepas terlaksananya laporan tersebut, semua guru-guru di Sekolah adalah menjadi pegawai kerajaan dan sekolah-sekolah menjadi sebuah jabatan kerajaan, tetapi hingga sekarang semua sekolah-sekolah masih lagi diberi peruntukan di bawah pemberian susidi dan caruman grant, yang secara tidak langsung kita masih lagi menganggapkan sekolah-sekolah itu merupakan sebuah badan kerajaan yang bebas.

**Dato Musa bin Hitam:** Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah merujuk kepada Seksyen 26A Akta Pelajaran 1961 dan bukannya Seksyen 28 Akta tersebut. Di bawah Seksyen 26A, Menteri Pelajaran adalah diberi kuasa untuk membubarkan Lembaga Pengelola dan Pengurus Sekolah-sekolah di institut-institut pelajaran bantuan penuh pada tarikh yang akan ditetapkan olehnya.

Seksyen ini merupakan satu enabling provision yang mungkin digunakan apabila beberapa syarat tertentu telah dipenuhi. Di waktu ini syarat-syarat tersebut tidak mungkin dipenuhi. Oleh itu setakat ini pembubaran Lembaga Pengelola dan Pengurus Sekolah tidak dapat dibuat lagi.

### DATUK HARRIS SALLEH—TUDUHAN RASUAH

**57. Tuan Lim Kiat Slang** minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (a) tarikh pihak BSN mula menyiasat tuduhan yang dibuat oleh United States Securities and Exchange Commission bahawa Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh, telah menerima bayaran-bayaran yang "korup, haram, tidak senonoh atau tidak boleh dipertahankan" lebih kurang US \$900,000 dari Syarikat Grumman Coporation untuk pembelian dua buah kapalterbang Grumman oleh Kerajaan Negeri Sabah dalam masa tahun 1971-1972;
- (b) sama ada siasatan ke atas tuduhan itu telah siap, jika tidak, mengapa; dan

(c) sama ada beliau sedar Syarikat Grumman Corporation telah didenda oleh mahkamah di Amerika Syarikat berkait dengan penjualan tersebut dan sama ada pihak BSN mempunyai bahan-bahan berkait dengan perjalanan perbicaraan tersebut.

mengikut kumpulan pekerjaan, pembahagian perusahaan dan sektor di peringkat daerah dan negeri.

Bulletin ini diberi percuma kepada sesiapa sahaja termasuk pelajar-pelajar yang memerlukannya atau ingin mengetahui kedudukan pekerjaan di negara ini.

**Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah):**

## USUL

### KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

(a) Oleh kerana perkara ini melibatkan rahsia penyiasatan Biro Siasatan Negara, maka dukacita saya tidak dapat memberi jawapan kepada ceraihan (a) soalan Ahli Yang Berhormat ini.

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

(b) Mengenai (b), penyiasatan ke atas perkara ini belum siap lagi kerana butir-butir keterangan di dalam perkara ini belum dapat diperolehi dengan sepenuhnya daripada pihak berkenaan.

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang terus dicapai dalam usaha melaksanakan penggal pertama Rancangan Malaysia Ketiga; bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan serta keamanan dalam keselamatan negara; meluluskan dan menyetujui Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga yang dirangka untuk meliputi program-program dan langkah-langkah dasar, bertujuan mempergiatkan pertumbuhan ekonomi serta usaha-usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 13 tahun 1979. Bahawa dalam meluluskan Kajian Semula ini, Dewan ini menyeru rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh. (21hb Mac, 1979).

(c) Mengenai (c), untuk mendapat kepastian atas hal ini pihak Biro Siasatan Negara sedang menjalankan penyiasatan lagi dan buat masa ini Biro Siasatan Negara tidak mempunyai bahan-bahan berkait dengan perbicaraan yang tersebut itu.

## PELUANG KERJA

**58. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyiarkan setiap tahun peluang-peluang kerja yang sedia ada dalam bidang profesyen dan vokesyen demi faedah pelajar-pelajar yang memerlukan penerangan atau panduan kerja.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hum):** Kementerian saya, pada tiap-tiap bulan ada menyiarkan di akhbar-akhbar peluang-peluang pekerjaan mengikut profesyen dan vokesyen di seluruh negara menerusi Buletin Bulanan Kementerian ini yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Rakyat. Buletin ini memberi satu tinjauan tentang kedudukan pekerjaan di negara ini melalui kegiatan-kegiatan pendaftaran dan penempatan yang dijalankan oleh Perkhidmatan Pekerjaan, Jabatan Tenaga Rakyat. Maklumat-maklumat yang diperolehi termasuk ciri-ciri dan kualiti bekalan buruh berdaftar dan perubahan-perubahan dalam stok buruh, kemajuan mengenai kekosongan-kekosongan yang diterima dan telah diisi

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput mengambil bahagian dalam perbahasan. Yang Berhormat dari Gerik. Yang Berhormat dari Kangar sudah bercakap semalam, saya tidak janji untuk disambung.

3.36 ptg.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama menyokong usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Daripada buku Kajian Separuh Penggal kita dapati bahawa dalam tempoh 1976

sehingga 1978 kedudukan ekonomi dan kebajikan sosial golongan-golongan yang berpendapatan rendah dan miskin telah meningkat hasil daripada pelaksanaan berbagai program dan projek pembangunan. Kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah turun dari kira-kira 42.9% dalam tahun 1975 kepada 36.6% dalam tahun 1978. Kadar kemiskinan bagi sektor pertanian telah turun dari 63% kepada kira-kira 54.6% sementara sektor bukan pertanian mengalami perubahan 4% sahaja.

Di kawasan luar bandar kemiskinan di kalangan pekebun-pekebun kecil getah dan pekerja-pekerja ladang telah nyata berkurangan disebabkan oleh kenaikan harga getah dan kelapa sawit yang sangat memuaskan.

Pendapatan purata isi rumah luar bandar dari segi sebenar telah bertambah dari kira-kira \$200 bagi tahun 1970 kepada kira-kira \$286 sebulan bagi tahun 1976 dan bagi kumpulan 40% rendah pendapatan isi rumah telah meningkat dari \$76 kepada \$138 sebulan iaitu pertambahan sebenar 25% setelah ditolak kenaikan harga.

Dalam pada itupun banyak lagi penduduk-penduduk luar bandar yang kebanyakannya tinggal di kampung-kampung sebagai petani dan penyewa yang mengerjakan tanah yang keluasanya tidak ekonomik dan sebagai buruh-buruh pertanian yang tidak memiliki tanah, masih lagi kesempitan hidupnya.

Faktor ini ditambah lagi oleh adanya pengeluaran di kalangan mereka yang rendah pendapatannya disebabkan berbagai faktor termasuklah penggunaan benih yang tidak bermutu, kemudahan parit dan taliair yang tidak mencukupi dan kekurangan bahan-bahan seperti baja dan racun serangga yang penting bagi meninggikan hasil.

Sungguhpun pembangunan di kawasan yang sedia ada merupakan cara terpenting Kerajaan membasmikan kemiskinan, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan kerana kejayaan rancangan kemajuan tanah di mana dalam tempoh 1976 sehingga 1978 sahaja seluas 647,500 ekar telah dimajukan. Kejayaan rancangan pembangunan tanah ini untuk menyerap keluarga-keluarga luar bandar yang tidak mempunyai tanah atau yang mempunyai tanah yang tidak ekonomik

ini bukan sahaja mendapat sanjungan daripada rakyat di mana sehingga hari ini masih ada hampir 12,000 orang yang menunggu untuk masuk ke rancangan-rancangan FELDA tetapi telah juga diakui dan dicemburui oleh Wakil dari Kota Melaka, sehingga beliau sanggup pula meminta supaya Kerajaan menimbang agar penyokong-penyokong beliau juga dihantar dan diserapkan ke dalam rancangan-rancangan FELDA.

Dengan pengakuan beliau ini bermakna dua rancangan raksaksa Kerajaan telahpun diakui kejayaannya. Dasar Pelajaran Kebangsaan telah memberikan kejayaan kepada Barisan Nasional dalam pilihanraya yang lalu. Oleh kerana dasar itu diterima oleh sebahagian besar penduduk di Malaysia dan dalam Parlimen ini pula pihak DAP mengakui dan mula cemburu dengan kejayaan pembangunan tanah Kerajaan.

Dalam pada Kerajaan membantu penduduk di kampung tradisional saya bagi pihak penduduk-penduduk di kampung-kampung baru di kawasan saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan kerana sehingga hari ini 95% penduduk di kampung-kampung baru di kawasan saya sudahpun mempunyai bekalan air dan api. Ini bersesuaian pula dengan angka negara di mana 50% daripada kampung-kampung ini di seluruh negara sudah mempunyai bekalan air dan 83% pula telah diberi bekalan elektrik. Dalam mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana telah dapat memberikan bekalan air dan api yang agak menyeluruh kepada kampung-kampung ini, saya juga sukalah menarik perhatian Kerajaan kepada keadaan yang serba kekurangan di kawasan-kawasan di pedalaman. Untuk tujuan ini ada baiknya jikalau saya menarik perhatian, Tuan Yang di-Pertua, ke kawasan-kawasan pilihanraya saya di Grik.

Di kawasan saya 95% daripada orang-orang Cina yang ada dalam kawasan yang mana 70% daripada mereka tinggal di kampung-kampung baru sudahpun menikmati bekalan air dan api. Sungguhpun 40% daripada mereka ini tinggal di antara dan di celah-celah kampung-kampung tradisional. Pada hemat saya kawasan-kawasan kampung baru ini dapat dibekalkan dengan air, api dan jalan memandangkan kampung-kampung mereka berada di tepi-tepi jalanraya dan juga kampung-kampung mereka mempunyai

penduduk yang ramai dan kepadatan penduduk yang tinggi sedangkan kampung-kampung tradisional tidak teratur dan penduduknya bertaburan. Jikalau keadaan di kampung-kampung tradisional ini tidak dapat diatasi maka saya khuatir biarpun empat kali lagi kita mengadakan rancangan Malaysia, maka selagi itulah masih banyak lagi akan wujud kampung-kampung tradisional atau sambungan kepada kampung-kampung tradisional yang sedia ada yang masih tidak akan dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas seperti air, api dan jalan.

Yang menyedihkan kita, Tuan Yang di-Pertua, mereka ini tidak mendapat kemudahan-kemudahan ini bukanlah kerana tidak ada pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan ataupun tidak ada peruntukan yang telah diberi ataupun diluluskan tetapi ialah kerana tidak ada satu perancangan dalam pembesaran kampung-kampung tradisional ini.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya satu kajian yang terperinci dan menyeluruh dapat dijalankan ke seluruh kawasan-kawasan padi dan kawasan-kawasan getah di seluruh kawasan luar bandar di negara ini. Semoga dengan cara ini satu perancangan kampung-kampung tradisional dapat diadakan supaya di masa-masa yang akan datang kampung-kampung tradisional juga akan dapat ditinggikan nilai ekonominya.

Hari ini kebanyakan tapak-tapak rumah di kawasan-kawasan di pendalaman yang tidak tersusun dan tidak pula teratur dan ditambah lagi tidak adanya keperluan-keperluan asas seperti air, api dan jalan, tapak-tapak rumah ini mempunyai nilai ekonomi yang paling rendah kadangkala sehingga ke paras yang paling rendah dan tidak berpatutan sekali. Saya sukalah pula hendak membandingkan keadaan ini dengan keadaan tapak-tapak rumah di kawasan-kawasan bandar, di pekan-pekan kecil dan di kampung-kampung baru di seluruh pelusuk negara kita, bukan dengan niat atau hasrat hendak menimbulkan issue-issue yang sensitif tetapi sekadar membuat penelitian semoga perbandingan ini dapat pula dijadikan satu panduan kepada kita untuk kita gunakan dalam kita hendak memajukan masyarakat kampung tradisional. Misalnya, sebuah tapak rumah di Kuala Lumpur akan berharga dari \$6,000 hingga

\$50,000. Di Grik di antara \$6,000 hingga \$25,000. Di kampung-kampung baru di kawasan saya di antara \$1,500 hingga \$8,000 satu tapak. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, berapakah harganya tapak-tapak rumah di kampung-kampung tradisional yang letaknya 8 batu dari pekan-pekan kecil dan tiga batu dari jalanraya tanpa mempunyai sistem pengangkutan yang selesa tanpa bekalan air dan tanpa juga bekalan api dan 4—5 batu pula jauh dari sekolah-sekolah rendah. Berapakah harga tapak-tapak rumah ini, Tuan Yang di-Pertua, pada tinjauan saya tapak-tapak rumah ini tidak ada langsung nilai ekonomi dan kalau pun ada amatlah rendah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada nilai ekonominya yang rendah, kanak-kanak sekolah dari kampung-kampung tradisional ini terpaksa meninggalkan rumah mereka pukul 5.00 pagi untuk pergi ke sekolah yang letaknya antara 3—4 batu dengan berjalan kaki ke jalan besar dan ada pula di antara mereka yang kurang bersemangat hingga tidak pergi sekolah langsung.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita bayangkan bagaimana kanak-kanak ini akan dapat belajar dengan sempurna jika mereka terpaksa berjalan sejauh itu dan kadangkala tanpa sarapan pagi untuk sampai ke sekolah. Nasib baiklah, Tuan Yang di-Pertua, hari ini Kementerian Pelajaran telah menyediakan makanan panas di waktu rehat untuk sekolah-sekolah rendah. Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menyalahkan Kementerian Pelajaran kerana tidak mendirikan sekolah-sekolah di kampung-kampung seperti ini, kerana kalau hendak diadakan pun penuntutnya tidak pun sampai 70 orang dan sudah tentulah tidak ekonomi dan tidak viable.

Tuan Yang di-Pertua, apabila penuntut-penuntut ini sampai pula ke sekolah-sekolah menengah rendah, masalah yang mereka hadapi amatlah berat sekali memandangkan yang sekolah-sekolah ini kebiasaannya terletak antara 10—15 batu jauhnya daripada kampung-kampung yang tersebut tadi. Oleh itu, sukalah saya mencadangkan supaya peruntukan tambahan yang besar diberi kepada Kementerian Pelajaran semoga lebih banyak asrama-asrama untuk pelajar-pelajar yang kurang bernasib baik seperti di atas dapat didirikan.

Dan dengan itu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya amat berasa kesal apabila soal kemasukan pelajar-pelajar seumpama pelajar-pelajar di atas yang dapat sedikit sebanyak masuk ke universiti-universiti tempatan di bangkit-bangkit dan di ungkit-ungkit oleh pihak-pihak Pembangkang di dalam Dewan yang mulia ini.

Selain daripada masalah-masalah di atas, kemudahan kesihatan juga menjadi masalah besar kepada penduduk-penduduk ini. Kampung-kampung ini letaknya jauh daripada hospital-hospital dan klinik-klinik Kerajaan dan dalam keadaan ini jika berlaku sebarang kemalangan yang memerlukan rawatan kecemasan yang segera maka pesakit tadi sukar hendak di bawa ke hospital-hospital. Keadaan ini adalah akibat dari tidak adanya satu sistem jalan yang baik dalam kampung-kampung ini. Keadaan ini juga mengakibatkan hasil-hasil pertanian mereka sukar untuk dipasarkan dan kalau pun dapat dijual harganya sangatlah rendah.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi kesemua sekali masalah-masalah di atas dari segi jangka panjang, saya suka mencadangkan supaya satu perancangan yang teliti dibuat untuk menyusun semula kampung-kampung tradisional ini supaya penduduk-penduduk di kampung-kampung ini akan dapat menikmati kemajuan yang dijalankan oleh Kerajaan. Untuk tujuan ini saya suka mencadangkan supaya kampung-kampung ini tidak lagi diperbesarkan ke pedalaman. Misalnya, di kawasan saya ada sebuah kampung yang bernama Pahit. Letaknya kampung ini dari pekan Grik ialah 15 batu dan kampung Pahit terbahagi kepada 3 bahagian iaitu Pahit Luar, Pahit Tengah dan Pahit Dalam. Jauhnya Pahit Dalam daripada jalanraya ialah 3½ batu. Itulah sebabnya kanak-kanak yang hendak pergi ke sekolah terpaksa turun rumah pukul 4.30 pagi untuk sampai ke sekolah dan sampai balik pukul 4.30 petang. Untuk mengatasi masalah-masalah ini saya mencadangkan supaya kampung-kampung ini tidak lagi dibesarkan ke pedalaman tetapi hendaklah dibesarkan menghala ke jalanraya. Peruntukan-peruntukan yang khusus mestilah dibuat oleh Kerajaan Pusat untuk menyediakan dan membangunkan tapak-tapak rumah dengan harga yang murah dan saya juga menyeru dan merayu semoga Kerajaan Negeri akan tampil

ke hadapan untuk memberikan tanah-tanah Kerajaan di sepanjang jalanraya untuk dimajukan bagi maksud yang diatasi.

Kalau hari ini Kerajaan menyediakan skim-skim perumahan untuk pegawai-pegawai Kerajaan, menggalakkan pembinaan rumah-rumah kos rendah bawah dari \$20,000 untuk mereka yang berpendapatan rendah dan rumah-rumah murah Kerajaan untuk mereka yang berpendapatan lebih rendah, dan Kerajaan juga ada mengeluarkan tapak-tapak rumah yang dijual dengan harga \$300 hingga \$400 di bandar-bandar. Saya juga berharap Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk menyediakan tapak-tapak rumah kos rendah yang boleh dijual dengan harga \$100 ataupun lebih sedikit yang tidak boleh ditukar milik langsung kepada penduduk-penduduk di pedalaman. Dengan cara ini kepadatan penduduk-penduduk di kampung-kampung ini akan bertambah dan dengan itu senanglah Kerajaan memasukkan bekalan dan keperluan-keperluan asas ke kampung-kampung ini, dan ini juga akan menaikkan nilai ekonomi tapak-tapak rumah di kampung-kampung ini. Kementerian Dato Musa juga tidak teragak-agak lagi selepas ini untuk mendirikan Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah di kampung-kampung yang tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, nama tidak boleh disebut di dalam Dewan ini, sebut jawatan.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Kementerian Pelajaran. Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong Usul ini.

3.52 ptg.

**Dr Tan Tiong Hong (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan tahniah kepada Kerajaan kita yang telah menjayakan tugasnya dengan sempurna. Semua rakyat Malaysia mengalu-alukan kejayaan ekonomi yang telah dicapai pada Penggal Pertama di bawah Rancangan Malaysia Ketiga seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Isnin. Pencapaian Gross National Product sebanyak 7.8% setahun dari tahun 1976-1978 bukanlah satu kejayaan yang kecil memandangkan kepada keadaan ekonomi dunia yang tidak stabil.

Tuan Yang di-Pertua, Parti Gerakan sangat gembira dengan kejayaan yang telah dicapai dalam beberapa bidang penting dalam Rancangan Malaysia Ketiga terutamanya dalam bidang pembasmian kemiskinan, penyusunan masyarakat serta pengkajian pendapatan. Saya percaya sekiranya bidang-bidang tersebut tidak diatasi dengan jaya dan adil, segala tugas pembinaan akan menjadi lebih rumit.

Tuan Yang di-Pertua, saya menegaskan tugas di hadapan kita adalah rumit, tetapi saya yakin di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang teguh, adil dan mampu negara kita akan mencapai matlamat yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Walau bagaimanapun biarlah saya tegaskan di sini bahawa sokongan dan kerjasama rakyat adalah sangat penting untuk mencapai kejayaan. Biarlah saya mengambil kesempatan di sini untuk menegaskan sokongan Parti GERAKAN terhadap Dasar Ekonomi Baru yang kami percayai akan membantu kita untuk mencapai satu negara yang bersatupadu serta membawa kita kepada satu masyarakat yang adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi tahniah kepada Kerajaan kita dalam memberi lebih tumpuan kepada program pembasmian kemiskinan. Semua rakyat Malaysia akan mengalu-alukan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengatasi masalah orang miskin terutama dalam pengumumannya bahawa dalam pengkajian Rancangan Malaysia Ketiga perbelanjaan pembangunan akan ditambah lagi sebanyak \$13.5 billion.

Semenjak tahun 1978 Parti Gerakan telah mengamalkan satu keadaan yang realistik dan berkesan untuk pembasmian kemiskinan, kami menyokong sepenuhnya perkataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu:

“Kami pasti membawa kepentingan negara ke atas kepentingan diri (put national interest above self-interests). Kami yakin kalau Rancangan Malaysia Ketiga dilaksanakan dengan cara yang sempurna dan dedikasi pada semua peringkat, kemiskinan di luar bandar dan di bandar akan diatasi dengan pesatnya.”

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan tentang beberapa aspek kepentingan mengenai program pembasmian kemiskinan. Satu cara yang penting dalam tugas pembasmian kemiskinan serta memupuk perpaduan ialah melalui pelajaran. Dalam pelaksanaan Dasar Pelajaran Negara pendirian Parti Gerakan ialah peluang pelajaran diberi kepada semua rakyat Malaysia dan yang penting sekali adalah peluang untuk mendapatkan “the right kind of education” supaya kita boleh memenuhi permintaan untuk tenaga manusia terlatih atau mahir untuk memaju dan memodenkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tidak terdapat apa-apa keraguan ke atas strategi yang betul di dalam Dasar Pelajaran Negara kita iaitu memberi peluang pelajaran kepada rakyat miskin negara kita. Kerajaan kita adalah dengan jayanya membina satu landasan yang teguh untuk memenuhi matlamat Dasar Pelajaran Negara iaitu antara lain mengatasi ketidak-seimbangan yang wujud dalam peluang pelajaran antara keturunan dan kumpulan yang berpendapatan berbeza. Kejayaan ini boleh dicerminkan dalam termasuk penuntut-penuntut keturunan Melayu dalam pelajaran tinggi seperti di Jadual 14—3, muka surat 220 Laporan Mid-Term Review. Dalam tahun 1978 umpamanya peratus penuntut keturunan Melayu yang mengambil Kursus Sijil (Certificate Courses) adalah 62.1% untuk Kursus Diploma 81.3% dan untuk Kursus Ijazah (Degree) 70.7%. Proses untuk mengecilkan jurang (narrow the gap) antara peluang pelajaran luar bandar dan bandar melalui bantuan seperti membina sekolah berasrama, skim biasiswa dan menghantar guru-guru yang berkelayakan ke luar bandar adalah sangat berjaya. Kejayaan ini boleh digambarkan dengan jelasnya dalam keadaan pekerjaan.

Mengikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri: “perkembangan pekerjaan untuk orang Melayu dalam sektor secondary dan tertiary adalah lebih cepat dibandingkan dengan rakyat Malaysia yang lain.” Kalau kita lihat Jadual 3—4, muka surat 49 dalam Laporan tersebut mengenai pekerjaan mengikut keturunan untuk tahun 1975 sampai 1978 kami dapati bahawa kadar perkembangan untuk orang Melayu dalam pekerjaan yang berpendapatan tinggi seperti

Kumpulan Ikhtisas, Teknikal, serta Kumpulan Pentadbiran Pengurusan adalah tercepat sekali antara semua keturunan.

Kadar perkembangan orang Melayu dalam Kumpulan Ikhtisas dan Teknikal adalah 32% dibandingkan dengan 1.1% untuk orang China dan 13.8% untuk orang India.

Dalam Kumpulan Pentadbiran Pengurusan, kadar perkembangan orang Melayu adalah 47%, untuk orang China 16.5% dan India 6.9%.

Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, untuk rekod. Tadi Yang Berhormat rujuk kepada muka surat 49 kan?

**Dr Tan Tiong Hong:** Ya, Jadual 3—4 muka surat 49.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, 1.1% ini dekat mana?

**Dr Tan Tiong Hong:** 6.9%.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak ada dalam naskhah saya 6.9%. Ini untuk membetulkan rekod. Pekerja-pekerja Ikhtisas dan Teknikal.

**Dr Tan Tiong Hong:** Jadual 3—4.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, betul.

**Dr Tan Tiong Hong:** Ikhtisas dan Teknikal . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba semak angka Yang Berhormat beri.

**Dr Tan Tiong Hong:** 46.9%—Maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, dalam Kumpulan Pendapatan Pertengahan dan Bawah, kadar perkembangan orang Melayu juga adalah tercepat sekali.

Untuk Kumpulan Perkeranian dan kumpulan yang berkaitan, kadarnya ialah 14.9% untuk orang Melayu, 8% untuk orang China dan 6.9% untuk orang India.

Dalam Kumpulan Pengeluaran, Pengangkutan serta pekerjaan yang berkaitan kadar perkembangan adalah 33.1% untuk orang Melayu, 20% untuk orang China dan 23%

untuk orang India. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan kita adalah sangat berjaya dalam menyusun struktur pekerjaan di kawasan-kawasan bandar. Tidak terdapat di apa-apa kebimbangan bahawa struktur pekerjaan telah disusun semula dan akhirnya ini akan mempengaruhi perjanjian pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, memandang kepada kejayaan yang telah dicapai oleh orang keturunan Melayu dalam pekerjaan di bandar serta dalam kumpulan yang berpendapatan tinggi dan juga dalam pemilikan saham tidak mungkin pengkajian pendapatan antara kaum boleh menjadi lebih buruk seperti yang didapati di Jadual 3—1, muka surat 46 juga. Memandangkan kepada keadaan pekerjaan sektor bumiputra dalam bidang corporate tidak mungkin peratus pendapatan satu keluarga orang China sebulan adalah \$892. Angka ini adalah terlalu tinggi dan tidak realistik untuk orang China dan angka peratus \$358 sebulan untuk satu keluarga Melayu adalah juga terlalu rendah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang berkaitan yang mana Parti Gerakan memandang berat ialah peluang pekerjaan untuk pemuda-pemuda di bandar. Memandangkan kepada garis panduan pekerjaan bahawa 30% ke 50% pekerjaan di bandar patut disalurkan kepada orang-orang Melayu, ada kemungkinan pengujutan pekerjaan untuk orang bukan bumiputra di bandar akan didahului oleh perkembangan penduduk. Pertambahan pekerjaan yang cepat untuk orang Melayu dalam semua kategori pekerjaan sudah menegaskan keadaan ini. Kalau keadaan ini diteruskan di bandar pengangguran di kalangan orang bukan bumiputra akan bertambah lebih dahsyat lagi. Dengan prospek pekerjaan buruh yang kini ada di bandar dan kurang peluang pekerjaan di luar bandar, satu potensi keadaan menuntut akan wujud sekiranya tindakan tidak diambil untuk mengatasi keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang kurang sihat ini mungkin bertambah buruk sekiranya pekerjaan baru di bandar tidak diwujudkan dengan secepatnya untuk menampung penghijrahan orang Melayu dari luar bandar ke bandar. Memandang kepada keadaan ini Kerajaan pasti mencari jalan untuk mengambil lebih pemuda-pemudi dari bandar ke dalam rancangan tanah di mana bilangan

orang bukan Melayu di dalam rancangan-rancangan tersebut pada masa sekarang adalah kurang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak payah menghujjah panjang lebar mengenai berapa pentingnya peranan pelajaran kepada perpaduan negara. Kita sahaja boleh menyoal diri sendiri sama ada program Kerajaan untuk membasmi kemiskinan melalui bantuan pelajaran telah memberi faedah kepada golongan luar bandar dan berpendapatan rendah seperti mereka yang berada di estet-estet dan kampung baru serta orang miskin di bandar.

Berapa biasiswa umpamanya telah ditawarkan kepada rakyat miskin di estet-estet serta di kampung-kampung baru. Saya berasa lebih banyak biasiswa mesti ditawarkan kepada penuntut-penuntut miskin. Saya sendiri telah menemui banyak kes di mana ramai penuntut-penuntut yang cerdik dan mampu tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka oleh kerana mereka tidak mempunyai kemampuan kewangan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu pembaziran potensi terutama dalam keadaan di mana negara kita sedang berkurangan tenaga manusia yang mahir dan professional.

Mengenai aspek ini saya sangat gembira dengan kadar Kerajaan 72% yang telah dicapai dalam pelajaran vokesyenal dan teknikal tetapi dari segi komposisi keturunan penuntut yang sedang menjalankan kursus sijil dan diploma, angka-angka yang didapati adalah tidak menyenangkan hati.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Kursus Diploma (Sub-Professional Level) umpamanya bilangan penuntut Melayu adalah sebanyak 10,873 tetapi untuk penuntut lain 2,307 dan bilangan ini lebih dari separuh itu adalah dalam Kolej Tunku Abdul Rahman.

Tuan Yang di-Pertua, institusi tempatan dan seberang laut telah membantu untuk menampung permintaan penuntut-penuntut Cina dan India tetapi hanya keluarga yang kaya sahaja mampu menghantar anak-anak mereka ke seberang laut dan ke institusi-institusi swasta tempatan di mana kos pelajaran adalah tinggi. Di mana letaknya kenaikan orang Cina dan India yang miskin

dan berkelayakan tetapi tidak mampu pergi ke seberang laut atau institusi-institusi swasta tempatan. Sebab itu langkah-langkah pasti diambil untuk menambah lagi penuntut-penuntut tersebut ke dalam kolej-kolej dan institusi-institusi Kerajaan yang menawarkan kursus diploma dan sijil atau kursus sub-professional.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan di peringkat tertiary juga tidak menyenangkan terutama di Universiti Kebangsaan, Universiti Teknologi dan Universiti Pertanian. Saya ingin mengeluarkan kesal saya terhadap kenyataan Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang dikeluarkan pada hari Isnin dalam Dewan yang mulia ini mengenai komposisi kaum ketigatiga universiti yang tersebut. Kenyataan ini akan menambah lagi ketakutan dan kebimbangan di kalangan ibubapa-ibubapa. Kenyataan Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah meragukan janji awalnya mengenai pengambilan lebih penuntut-penuntut bukan bumiputra di peringkat universiti. Sudah terdapat satu rasa ketidakadilan dalam pelaksanaan dasar pelajaran negara peringkat tertiary di kalangan ibubapa-ibubapa dan kenyataan yang dibuat itu tentu akan membawa lebih kerosakan kepada credibility terhadap Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa dari masa ke semasa Kerajaan telah berjanji kepada semua ibubapa bahawa tidak ada seorang akan dikesualikan dari peluang-peluang sama ada pelajaran ataupun lain dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Selanjutnya adalah hak setiap rakyat untuk menerima peluang yang adil dalam pelajaran dan yang penting sekali Barisan Nasional telah menegaskan ia akan menemui manifesto Pilihanraya 1978 di mana ia berbunyi:

"Kita akan terus membaiki mutu dan menambah peluang pelajaran di semua peringkat supaya semua rakyat akan mendapat kemudahan dengan keadilan dan saksama."

Universiti-universiti di seberang laut telah membantu kita untuk menampung sebahagian daripada permintaan besar penuntut bukan bumiputra untuk pelajaran tertiary. Angka-angka menunjukkan bahawa terdapat

sebanyak 17,513 penuntut negara kita berada di universiti-universiti seberang laut dibandingkan dengan sebanyak 18,064 penuntut di dalam lima universiti tempatan kita. Ini telah menggambarkan dengan jelasnya bahawa permintaan untuk tempatan di universiti tempatan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ini tidak menggambarkan mereka yang telah tertinggal di belakang kerana tidak mampu untuk pergi ke seberang laut untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tidak diragukan lagi bahawa pelaksanaan dasar pelajaran negara tidak berjaya dilaksanakan dengan merata serta strategi untuk menolong orang miskin tidak dirasakan oleh semua orang rakyat Malaysia. Oleh yang demikian, adalah perlu jika dikaji semula cara pelaksanaan dasar pelajaran negara so that the poverty groups can get their fair share.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahas sepintas lalu tentang satu lagi aspek mengenai program pembasmian kemiskinan, iaitu perumahan untuk golongan yang berpendapatan rendah. Kadar pembinaan rumah murah yang ada sekarang adalah terlalu rendah dan saya faham bahawa masalah utama bukan soal kewangan tetapi kekurangan tenaga manusia mahir untuk melaksanakan program tersebut. Di samping ini adalah perlu untuk Kerajaan mengadakan satu kawalan yang ketat ke atas harga bahan-bahan pembinaan supaya ini tidak akan mengakibatkan kenaikan kos harga rumah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ini berlaku golongan yang berpendapatan rendah dan pertengahan tidak akan mampu membeli rumah. Saya menyeru Kerajaan supaya mengadakan satu Daftar Rumah Negara (National Housing Register) supaya program perumahan terutama untuk golongan miskin dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan. Daftar tersebut akan mencegah seseorang dari memiliki lebih dari sebuah rumah murah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan-nya, saya ingin memetik ucapan oleh Pengerusi Kebangsaan Parti Gerakan dalam perhimpunan tahun 1977 mengenai dengan Rancangan Malaysia Ketiga:

*Dengan izin,*

“Where we have done well, we must still seek ways and means to do better; where there are shortcomings experienced so far, we must quickly overcome them; where delays in the implementation of Third Malaysia Plan projects in particular and in administration in general are due to lack of experience or co-ordination in effort, this can and must be quickly corrected. Finally, we are determined to make Malaysia a happy and prosperous country to live in, in particular for the generasi rakyat Malaysia baru.”

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat dari Ayer Hitam.

*4.19 ptg.*

**Dr Hee Tien Lal (Ayer Hitam):** Tuan Speaker, saya bangun juga menyokong sepenuh-penuhnya usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dua tiga hari dahulu dan saya juga bagi pihak penduduk-penduduk di kawasan pilihanraya saya mengalu-alukan Kajian Separuh Penggal yang telah dibentangkan untuk dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Speaker, saya tidak berhajat bercakap dengan panjang lebar atas dasar-dasar yang sangat jelas dalam buku itu, tetapi saya hanya suka menyentuh atas empat perkara sahaja.

Yang pertama, perkara mengenai tanah. Adalah menjadi satu dilema tanah di negara kita yang mana telah menarik perhatian badan politik yang mengatakan tanah Melayu atau tuannya tanah Melayu tidak dibenarkan dijual kepada orang yang bukan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, pada prinsipnya saya menyokong dan bersetuju dengan cadangan yang telah dibangkitkan oleh seorang pemimpin politik tetapi kita patutlah realistik, oleh kerana kita tahu pada masa dahulu tanah adalah satu bahan yang boleh dikatakan tiada orang mahu tetapi pada masa sekarang tanah adalah satu bahan yang bernilai yang ada harga yang tinggi. Memanglah kita tidak

boleh melindungi dengan kerasnya supaya orang Melayu jangan menjual tanah kepada orang-orang bukan Melayu oleh kerana pihak orang Melayu yang berkenaan akan mengalami kehilangan dari segi hasil kewangan. Memanglah benar juga kalau pihak Kerajaan tidak mengambil langkah untuk melindungi penjualan tanah kepada orang bukan Melayu, memanglah sampai satu masa orang Melayu mungkin tidak mempunyai tanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi satu peristiwa yang mana saya fikir telah berlaku kerana kurang penjelasan diberi oleh pihak Kerajaan yang berkenaan atau kurang panduan daripada pihak parti politik yang berkenaan. Di kawasan saya baru-baru ini seorang kampung menjual 8 ekar tanah dengan harga \$300 sahaja. Tanah ini adalah dekat sebuah pekan dalam kawasan saya dan harga pasaran masa sekarang nilai tanah itu tidak kurang daripada \$6-\$7 ribu. Saya telah menyiasat apakah sebabnya pihak yang berkenaan menjual tanah 8 ekar itu dengan harga \$300. Dia menyatakan, "Tanah saya ada, tanam getah, saya telahpun cuba, tetapi sejak beberapa tahun lepas nampaknya hasil tak ada. Saya mahu bina rumah, wang tak ada. Saya mahu jual tanah itu kepada orang lain, nampaknya saya rasa malu oleh kerana setiap hari membaca surat khabar mengatakan supaya orang Melayu janganlah menjual tanah itu kepada orang bukan Melayu." Dan dia terpaksa menjual tanahnya itu kepada kawannya yang hanya untuk \$300 akhirnya dia menjualkan juga tanahnya itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hairan walaupun Kerajaan selalu mengelakkan atau mengambil inisiatif untuk meninggikan taraf orang kampung khususnya di luar bandar atas perkara tanah, tetapi nampaknya ada berlaku juga agensi Kerajaan yang memberi tanah itu daripada orang-orang kampung dengan harga rendah oleh kerana tanah itu adalah "reserved land." Apabila pihak agensi Kerajaan itu membangunkan tanah itu dengan projek perumahan, pihak agensi juga menjualkan rumah-rumah dan tanah itu kepada orang ramai dengan harga pasaran biasa. Malangnya orang kampung berkenaan yang menjual tanah itu tidak mampu juga membeli sebuah rumah pun, walaupun dia telah menjualkan tanahnya kepada agensi Kerajaan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah satu masalah yang penting dan saya fikir langkah yang lebih prositif patut diambil untuk menyelesaikan perkara tanah khususnya di dalam negara kita pada masa sekarang yang mana industri dan perumahan adalah berkembang, tetapi tanah macam itu juga tak berkembang.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan memberi peruntukan (funds) atau bantuan kepada tuan-tuan punya tanah di luar bandar supaya mereka dapat membangun tanah mereka supaya mereka tidak terpaksa menjualkan tanahnya kepada orang lain, orang Cina, India atau orang Melayu. Bagi mereka peluang membangunkan tanah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua mengenai satu perkara yang saya fikir serius di Johor. Sebenarnya perkara yang berlaku adalah di Johor Bharu dan Batu Pahat khususnya. Tuan Yang di-Pertua, di Batu Pahat adalah sebuah kawasan perindustrian Tongkang Pechah. Pada masa sekarang semua tapak tanah di kawasan ini telah dijual kepada pengusaha perindustrian-perindustrian. Pada pengetahuan saya, pada tahun 1978 tidak kurang daripada 8 buah industri yang telah meminta tanah untuk membina kilang-kilang di kawasan perindustrian Tongkang Pechah tetapi malangnya tanah semua telah dijual. Saya berasa sedih oleh kerana walaupun Kerajaan telah banyak mengharapkan pihak swasta membina kilang, membina perindustrian dan lain-lain tetapi tanah tidak didapati dan mereka telah berasa kesal dan modal itu telah ditarik daripada daerah Batu Pahat ke tempat lain. Saya tak tahu ke mana. Ini perkara yang sedih. Saya ingin mencadangkan supaya pihak SEDC Negeri Johor akan mempercepatkan membuka tanah lagi untuk perindustrian di daerah Batu Pahat oleh kerana walaupun daerah Batu Pahat adalah sebuah daerah yang kecil tetapi perkembangan perindustrian adalah pesat oleh kerana nampaknya orang yang ingin mengambil bahagian dalam perindustrian adalah banyak. Mereka mempunyai modal tetapi masalahnya ialah ketiadaan tanah.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai perumahan pada keseluruhannya. Pada masa sekarang tempoh jaminan (fault

liability period) untuk perumahan selama 6 bulan sahaja dan saya cadangkan supaya fault liability period dipanjangkan supaya menjadi satu tahun atau dua tahun oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu dan kita sedar bahawa mutu rumah-rumah pada masa sekarang adalah sangat rendah. Barangkali pada masa tempoh 6 bulan keadaan rumah itu adalah baik lagi, tetapi selepas 6 bulan, itu "magic moment", pintu tidak boleh dibuka, dinding retak, air bocor, floor, cracking dan sebagainya. Saya fikir tempoh masa 6 bulan itu patutlah dipanjangkan lagi kepada tempoh setahun, kalau difikirkan perlu dua tahun. Saya tahu di luar negeri fault liability period adalah selama 5 tahun kerana ini adalah untuk kepentingan pembeli-pembeli rumah.

Di sini juga saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak BSN yang telah meniasat pihak pemaju-pemaju perumahan yang melakukan penyelewengan dan sebagainya. Saya haraplah selepas penyiasatan dibuat oleh pihak BSN pembeli-pembeli rumah dapat terjamin bahawa rumah-rumah yang mereka beli itu adalah 'worth the money'. Saya tahu adalah berlaku yang mana rumah-rumah yang dijual kepada orang ramai tidak sesuai untuk tinggal di dalam rumah itu. Saya dengar di satu tempat di mana atap rumah itu telah jatuh sebelum tuan rumah itu tinggal di rumah tersebut. Di sini saya juga ingin memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat di daerah Batu Pahat, atap bangunan hospital itu hampir hendak jatuh dan perkara ini sangat menyedihkan. Saya bersetuju dengan Lembaga Akitek Malaysia yang mana mereka merekomenkan bahawa pemborong-pemborong hendaklah didaftarkan supaya mereka dapat mematuhi syarat-syarat dan juga mereka hendaklah mempunyai pengetahuan serendah-rendahnya (minimal technical knowledge) berhubung dengan pembangunan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya berkenaan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Pada tahun 1978 kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam adalah sebanyak 44,280 tetapi malangnya pada tahun 1978 selepas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam menemuduga siswazah universiti hanya dapat menerima tidak lebih daripada 800 orang

sahaja untuk mendapatkan pekerjaan di Jabatan-jabatan Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, saya dapat bahawa sebab-sebabnya kebanyakan siswazah universiti itu tidak dapat diterima oleh kerana mereka itu adalah kurang pengetahuan am (general knowledge) dan juga pengetahuan am mereka itu tidak dapat diaplikasikan kepada kerja-kerja yang mereka itu pohon. Saya fikir sebab-sebab ini memanglah tidak adil. Oleh kerana seseorang yang masuk universiti tujuan yang pertama ialah untuk mendapatkan kelulusan peperiksaan. Untuk lulus dalam peperiksaan mereka terpaksa banyak membaca banyak buku-buku teks, majalah-majalah am dan lain-lain dan memanglah sebahagian besar daripada mereka itu tidak ada masa dan peluang mengikuti apa yang berlaku tiap-tiap masa untuk mendapatkan pengetahuan am biasa. Pada masa mereka ditemuduga mereka memanglah tidak faham atau tidak tahu semua peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam sehari-hari. Maka dengan sebab itulah mereka telah ditolak. Saya fikir kalau kita hendak menjayakan Dasar Ekonomi Baru dan hendak menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat kita terpaksa memenuhi kekurangan tenaga rakyat yang ada dalam negara kita. Dengan kadar graduates yang diambil oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam seperti yang saya sebutkan tadi sampai bilakah baharu kita dapat orang-orang yang mahir untuk melaksanakan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam be a 'gentleman' iaitu beri peluang kepada mereka dan ambillah mereka itu bekerja. Pada masa mereka berkhidmat mereka boleh diberikan latihan dalam perkhidmatan (in-service training). Saya fikir adalah perlu dan kita janganlah lupa bahawa graduates ini adalah orang-orang yang pandai dan cerdik, berilah peluang kepada mereka membaca dan mereka boleh menjadi pandai, boleh jadi Ahli Yang Berhormat juga, kalau mereka tidak diberi peluang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah terbaca dalam suratkhbar bahawa mereka tidak dapat diambil untuk bekerja dalam perkhidmatan Kerajaan oleh kerana sebahagian kecil daripada mereka yang pandai

bertutur dalam bahasa Inggeris. Saya dapati juga sebahagian kecil daripada mereka yang pandai bertutur dalam bahasa Arab mereka itu telah diambil bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perkara ini adalah confusing. Ada sebahagian daripada mereka itu baik dalam Bahasa Malaysia pun tidak diambil untuk berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan. Saya fikir sistem mengambil calon-calon untuk bekerja dalam perkhidmatan Kerajaan patutlah dikaji semula. Oleh kerana saya tahu dalam sebuah daerah kecil di Batu Pahat kebanyakan projek-projek JKR tidak dapat dilaksanakan bukan kerana tidak ada wang tetapi adalah disebabkan tidak cukup manpower seperti engineers, dan lain-lain, tetapi sekarang kita dengar beratus-ratus, beribu-ribu engineers tidak dapat bekerja dengan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja ucapan saya dan sekali lagi saya menyokong sepenuhnya Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kapit.

4.40 ptg.

**Tuan Leonard Linggi anak Jugah (Kapit):** Tuan Yang di-Pertua, langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam mengimplimentasikan peringkat pertama Rancangan Malaysia Ketiga adalah mengkagumkan selaras dengan mottonya "action-oriented" ataupun "rakyat inspired government." Rancangan susunan yang comprehensive dan tambahan \$13 billion di bawah Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga bukan hanya akan mengembangkan ekonomi tetapi akan menjamin rakyat merasa megah terhadap negara dan pemimpin mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Wakil Rakyat luar bandar saya merasa sukacita mendapati bahawa kadar kemiskinan turun 7.3% dan kadar kenaikan pendapatan penduduk luar bandar ialah sebanyak 6.1% iaitu 200 dalam tahun 1970 kepada 280 dalam tahun 1976.

Sebenarnya Tuan Speaker, banyak lagi angka-angka dalam laporan tersebut yang

memberi bukti yang konkrit dan memuaskan mengenai kejayaan pelaksanaan kedua objektif pembasmian kemiskinan dan pembentukan semula masyarakat.

Tuan Speaker, walau bagaimanapun saya berasa kesal sedikit kerana statistik yang menunjukkan kadar kemiskinan dan kadar pendapatan seperti Jadual 3—1, 2—1 dan 2—2 hanya mengesahkan mengenai Semenanjung Malaysia bukan Sabah dan Sarawak. Memanglah tanpa faktor-faktor dan angka-angka perlu adalah susah untuk kita menentukan kadar kemiskinan di dalam negeri yang saya maksudkan tadi. Saya mohon menggesa Kerajaan Pusat untuk bertindak mengambil sebanyak-banyaknya faktor-faktor, bahan-bahan dan angka-angka yang perlu untuk menentukan kedudukan ekonomi yang sebenar dan tepat bagi Sarawak dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, proses pembasmian kemiskinan dan pembentukan semula masyarakat adalah berlaku di Sarawak tetapi adalah lambat sedikit berbanding dengan Semenanjung Malaysia. Ini pada umumnya adalah disebabkan luasnya negeri itu dan sebabnya pendapatan penduduk dan kemampuan tenaga manusia Kerajaan Negeri. Penduduk-penduduk di luar bandar, khususnya kaum Dayak termasuk Kayan, Kenyah, Murut, Kelabit dan Punan masih kini menderita kemiskinan, masih lagi kata orang Sarawak hidup "manuk", kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Masih lagi mengamalkan pertanian pindah (shifting cultivation), masih lagi tinggal di rumah panjang tanpa kemudahan-kemudahan asas seperti sanitation amenity, tak usahlah disebut keperluan moden seperti tenaga letrik dan air. Tidaklah boleh saya mengatakan keterlaluan sekiranya saya mengatakan kehidupan mereka masih juga sama dengan keadaan mereka di zaman Brooke dahulu.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri dengan sendirinya tidak berkemampuan menyusun semula masyarakatnya. Ia memerlukan bantuan besar dari Kerajaan Pusat. Polisi Kerajaan mewujudkan badan berkanun sebagai alat atau agensi-agensi pembasmian kemiskinan dan membentuk semula masyarakat adalah strategi yang paling baik

saya rasa. Selaras dengan itu Kerajaan Negeri mewujudkan satu badan berkanun dipanggil SALCRA khasnya bertujuan untuk membangunkan atau membuka tanah, native customary land dengan harapan dapat membanyakkan pengeluaran hasil mereka yang terlibat.

Tuan Speaker, sedihnya SALCRA tidak dapat bertindak cergas sebab kekurangan wang. Dari itu saya berharap Kerajaan Pusat akan lebih bermurah hati dan bersimpati lagi kepada SALCRA dalam Kajian Separuh Penggal RMT ini. Pengluasan FELCRA di Sarawak mesti dipercepatkan dan aktiviti-aktivitinya hendaklah diintensifiedkan sebagai langkah mempercepatkan proses pembasmian kemiskinan dan menyusun semula masyarakat luar bandar di Sarawak khasnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya Kerajaan Pusat menyedari hakikat bahawa berjaya atau gagalnya dasar Kerajaan ke arah pembasmian kemiskinan adalah bergantung kepada aktiviti-aktiviti agensi-agensi Kerajaan seperti FELCRA ini.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak begitu beruntung kerana terjadi sebuah tempat pelaburan yang terbesar, LNG project yang menelan belanja beribu-ribu juta ringgit dan akan generate aktiviti ekonomi di Bintulu, akan juga menarik perhatian multi-national untuk melabur dalam projek aluminium, urea, besi dan sebagainya. Impact terhadap ekonomi negara adalah mengagumkan.

Di samping terharu dengan langkah-langkah positif Kerajaan seperti ini saya juga menyeru pihak-pihak berkenaan memikirkan juga nasib masa depan dan kedudukan ekonomi penduduk-penduduk kampung seperti orang Melayu, orang Iban orang Kayan, Punan dan lain-lain. Orang-orang ini boleh senang dilupakan kerana konsentrasi adalah terhadap pendapatan negara dan kemegahannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan projek LNG di Bintulu sebagai arena ekonomi yang besar maka peniaga-peniaga kaya akan tertarik untuk melabur di sana dan orang-orang yang miskin mungkin akan terdorong berasa kekurangan dan irihati. Dari itu kemungkinan besar fenomena kemiskinan atau lebih jelas tergambar. Saya minta izin sekarang membacakan sedikit article yang ditulis oleh

Encik Mohd. Ghani di buku yang bertajuk "Poverty in Malaysia":

"Ironically the problem of poverty in many developing nations only arises to prominence with increasing progress and prosperity".

He continues:

"Some developing nations allow their rich to prosper to the total neglect of the poor while some seek to give the poor a new opportunity in life even if necessary at the expense of material growth in economic progress. It is within this context that the problem of poverty especially when it exists amidst a certain measure of progress and affluence, must be examined".

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat dari Simunjan.

4.50 ptg.

**Tuan Bujang bin Haji Uls (Simunjan):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di sidang ini.

Saya berasa sukacita, terharu dan berterima kasih setinggi-tingginya kepada Kerajaan Pusat yang telah membuat Kajian Separuh Penggal mengenai Rancangan Malaysia Ketiga iaitu jangka 1976 dan 1980 dengan sungguh berhati-hati dan telah bermurah hati menambatkan beberapa peruntukan-peruntukan yang penting yang akan menjamin pembangunan kemajuan dalam negara kita supaya pembangunan itu akan bertambah pesat.

Saya juga menyokong seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia supaya rakyat Malaysia dari segenap lapisan berusaha dengan lebih giat lagi sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatu padu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kokoh.

Tuan Yang di-Pertua, selepas mencapai kemerdekaan dalam Malaysia lebih kurang 15 tahun lalu dan setelah dipimpin oleh Kerajaan Campuran Sarawak dan Barisan Nasional semenjak tahun 1971, Sarawak telah

mencapai kemajuan yang pesat. Kini kita berharap dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, maka kita yakin kemajuan lebih pesat lagi akan dapat dicapai.

Saya juga memberi jaminan bahawa jangka masa pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ialah jangka ataupun masa bila negeri Sarawak mendapat kerjasama dari seluruh rakyat bilamana seluruh dan semua parti politiknyanya telah bersatu padu dan berganding bahu untuk berusaha mencapai kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, sementara dalam tahun 1974 parti politik iaitu parti SNAP yang sekarang ini masih dalam Pembangkang tetapi sekarang parti itu telah bersedia untuk berganding bahu dengan parti-parti lain dalam Barisan Nasional negeri untuk bersama-sama menentukan nasib rakyat negeri Sarawak, untuk menentukan supaya Sarawak dan rakyat-rakyatnya akan dapat mencapai kemajuan selaras dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru dan semangat Rukunegara. Kita telah mengalami beberapa perubahan, Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem yang ada dalam negeri semenjak Barisan Nasional berkuasa. Di Sarawak peperiksaan common entrance telah dihapuskan, saki-baki komunis telah dinasihati dan diarah untuk kembali ke pangkuan masyarakat melalui persetujuan Seri Aman. Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pelajaran Kebangsaan telah mula dilaksanakan di Sarawak. Kini menjelang separuh penggal akhir Rancangan Malaysia Ketiga banyak kemajuan-kemajuan pesat berlaku di Sarawak. Contohnya, pembukaan Bintulu sebagai pusat pembangunan di mana akan diwujudkan bukan hanya pelabuhannya dijadikan pelabuhan Persekutuan tetapi ia juga menjadi pusat projek LNG, Urea dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan betapa seriusnya pandangan Kerajaan Persekutuan terhadap pembangunan dan nasib rakyat negeri Sarawak. Walaupun demikian ini bukanlah bermaksud dan bermakna bahawa Sarawak itu sudah sunyi dari kemiskinan, sudah sunyi dari kesusahan, sudah sunyi dari masalah-masalah dan tidak mahu lagi menerima segala bantuan dari Kerajaan Pusat. Saya bukan berniat hendak memohon perkara yang bukan-bukan tetapi memohon perkara yang logik dan rational.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Sarawak ialah sebuah negeri yang besar dan tertinggal dari segi pembangunan semenjak zaman penjajah. Tetapi setidak-tidaknya pihak Kerajaan boleh memberi perhatian kepada perkara-perkara yang tertentu dan berpatutan yang dipohon oleh Kerajaan Negeri.

Satu daripada matlamat penting Dasar Ekonomi Baru ialah membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat selaras dengan semangat Rukunegara. Kita telah menyedari hakikat bahawa setakat ini Malaysia ialah sebuah negara yang masyarakatnya berbilang kaum dan kita juga telah menyedari hakikat bahawa akibat dari beberapa peristiwa sejarah, satu daripadanya ialah penjajahan Barat, kaum yang kaya ialah bukan Bumiputra kebanyakannya, sementara yang masih miskin dan mengikut hidup tradisional membanting tulang di tanah ialah golongan Bumiputra. Maka sekiranya kita tidak bersedia menyusun semula masyarakat yang telah terpolarisasi ini maka buruklah akibatnya hinggakan perpaduan abadi yang kita selama ini telah mimpi-mimpikan tidak akan dapat tercapai.

Cara-cara yang diutarakan oleh Kerajaan ialah cara yang paling sesuai untuk menyusun semula masyarakat iaitu semua bangsa digalakkan untuk mendapat peluang belajar, berniaga dan lain-lain. Yang tertinggal pada masa penjajah haruslah mendapat bantuan dan pimpinan dari mereka yang tidak tertinggal di zaman itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat betapa ada orang dan beberapa golongan rakyat yang ingin dan suka hanya hendak mempersendakan Dasar Ekonomi Baru dan dasar Bahasa Kebangsaan. Ada yang percaya dengan beberapa sistem dan berbagai-bagai sistem untuk menyelesaikan masalah yang kita hadapi pada masa ini. Mereka tidak percaya bahawa Bahasa Malaysia ialah satu cara bagaimana kita boleh menyatupadukan rakyat di negara kita ini. Mereka tidak percaya juga Dasar Ekonomi Baru yang telah dilancarkan oleh Kerajaan ialah cara yang paling sesuai untuk kita menyelesaikan masalah yang telah kita hadapi dan yang sedang kita hadapi. Mereka memperkatakan bahawa, salah seorang dari Yang Berhormat Wakil dari Sarawak iaitu dari LAMBIR memperkatakan

bahawa adalah Kerajaan yakin bahawa satu bahasa akan menjamin sebuah negeri itu ber-satu padu dan satu ugama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan ini, bahawa bagi pihak Kerajaan setidak-tidaknya usah dijalankan untuk melakukan sesuatu. Kalau usaha ini gagal bermakna yang harus dipertanggung-jawabkan, yang harus memikul beban ialah Kerajaan dan rakyat. Tetapi kita berharap harapan ini tidak akan sia-sia. Pernah juga seorang Wakil Rakyat mengatakan bahawa satu cara bagaimana kita menyelesaikan masalah di luar bandar ialah dengan memberi tiap-tiap rakyat di negeri kita, seorang satu keluarga 10 ekar tanah. Ini kita sudah bertukar dari sistem demokrasi kepada sosialis yang setakat ini belum boleh kita terima. Lagipun saya masih ingat semasa saya di universiti pernah kawan saya di tahun 1973-1974 menasihati saya, nasihatkan Kerajaan Sarawak supaya memberi tanah kepada pihak komunis supaya mereka tidak akan menyerang lagi. Jawab saya: bukanlah soal tanah yang perlu diberi ataupun bukanlah dengan memberi tanah kepada komunis, komunis tidak akan berhenti bergerak di dunia ini. Betul juga, selepas peristiwa Seri Aman hampir 80% daripada saki-baki komunis di Sarawak kembali ke pangkuan masyarakat dan penyelesaiannya bukanlah melalui pemberian tanah kepada mereka. Dan kalau kita lihat contoh-contoh di negeri lain komunis masih bergerak. Russia masih menyerang Vietnam dan cuba hendak menguasainya. Adakah ini disebabkan Komunis Russia tidak ada tanah? Inilah perkara yang harus kita sedari dan renungi semula.

Saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, tidak bersetuju dengan niat segolongan daripada masyarakat kita mencadangkan supaya kita harus memberi tanah dengan sewenang-wenangnya kepada orang yang memerlukannya. Tadi ada diperkatakan oleh seorang wakil rakyat di dalam Dewan ini bahawa tanah bumiputra, saya rasa, harus tidak dipertahankan dan harus bebas dijual. Saya rasa satu contoh yang diberi ialah hanya satu contoh sahaja. Kalau kita kaji dari segi sejarah kaum bumiputra yang sekiranya digalakkan menjual tanah sedangkan mereka itu belum menyedari hakikat yang sebenarnya

maka habislah tanah kaum bumiputra. Kawasan saya misalnya dulu semua tanah di kawasan itu dipunyai oleh bumiputra tetapi oleh kerana Kerajaan penjajah pada masa itu tidak menghiraukan penjualan tanah, maka habis tanah kaum bumiputra. Contohnya, di sebuah kampung, dijual kepada golongan bukan bumiputra dan kini pada masa ini mereka hampir-hampir tidak ada tanah. Jadi ini masalah keseluruhannya, masalah amnya yang harus kita fikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya belum pasti dengan sambutan pihak-pihak tertentu dengan Dasar Ekonomi Baru dan Rukunegara. Masih ada pihak-pihak yang tertentu yang enggan membantu dengan ikhlas golongan bumiputra terutama sekali di dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Contohnya di firma-firma yang pernah saya lawati, sementara kerja-kerja managerial, kerja-kerja atasan diberi kepada bukan bumiputra, kerja-kerja kuli diberi kepada yang bumiputra. Ini menunjukkan bahawa sebahagian daripada golongan yang diharapkan membantu pihak-pihak tertentu tidak menjalankan tugasnya sebagaimana yang diharapkan oleh pihak Kerajaan dan rakyat. Dengan kerjasama yang begini kurang menggalakkan, saya kurang yakin sama ada dalam masa tertentu iaitu tahun 1990 penglibatan bumiputra akan benar-benar boleh mencapai angka 30% sebagaimana yang termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang didedahkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kapit, kami dari Sarawak kurang sedikit senang hati mendapati bahawa statistik-statistik yang ada dalam buku Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga itu adalah pada keseluruhannya mewakili keadaan Semenanjung sahaja. Sarawak sedikit sahaja. Jadi oleh kerana itu saya mohonlah sekurang-kurangnya statistik-statistik ini diperlukan yang harus mewakili semua Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, saya rasa ambillah statistik-statistik dari setiap negeri.

Saya telah kemukakan masalah ini di Majlis Taklimat di Pejabat Perdana Menteri pada hari Isnin lalu dan pihak pegawai yang bertanggungjawab menyatakan bahawa setakat ini statistik belum terdapat di Sabah

dan Sarawak. Sebab itulah hanya dkekalkan apa yang ada dalam buku Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga. Jadi, harapan saya, dan harapan kami ialah supaya di masa-masa yang akan datang pihak yang tertentu akan memasukkan juga statistik-statistik yang perlu supaya gambaran yang dapat menjadi menyeluruh bukan hanya kemiskinan untuk Semenanjung Malaysia tetapi juga untuk Sabah dan Sarawak. Sekiranya dua juta rakyat di negeri Sabah dan Sarawak tertinggal maka alangkah salah dan besarnya kesilapan yang kita buat di dalam memberitahu kepada rakyat keadaan yang sebenarnya. Pihak yang berkenaan, saya rasa haruslah ingat bahawa angka-angka tidak boleh dianggap lengkap dan kesan kajian tidaklah boleh dianggap efektif sekiranya banci hampir dua juta penduduk di Sabah dan Sarawak ditinggalkan. Misalnya Jadual 2-1, 3-1, 3-2, 3-3, 3-4 dan 4-2. Contohnya sedikit saya ambil, tidak melibatkan Sarawak dan Sabah. Sedih sedikit, Tuan Yand di-Pertua. Saya menyeru pihak tertentu untuk membuat kajian banci menyeluruh supaya indeks-indeks tepat dapat diteruskan.

Saya sebagai seorang wakil daripada kawasan luar bandar dan Wakil Rakyat luar bandar, di samping menyanjung tinggi usaha Kerajaan menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan dalam konteks Dasar Ekonomi Baru memohon beberapa langkah yang mesti diambil ke arah bukan hanya membangunkan kawasan-kawasan bandar tetapi membangunkan kawasan-kawasan luar bandar yang masih ketinggalan dalam serba serbi bidang. Inilah orang yang benar-benar telah menyokong Kerajaan, telah bekerjasama dengan Kerajaan, telah benar-benar taat setia kepada Kerajaan. Saya tidak juga mengecam orang bandar, tetapi dalam pilihanraya negeri Sarawak yang baru lepas, sekali pun pada hari itu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merasmikan pembukaan dua projek yang berharga lebih \$50 juta maka masih juga mereka pilih parti Pembangkang atau masih juga rakyat pilih parti bebas. Ini menunjukkan bahawa attitude mereka dari bandar ini tidak begitu memuaskan.

Jadi oleh itu betapa tidak, berilah bantuan kepada rakyat kita yang di luar bandar yang sangat-sangat memerlukan, yang telah lama tertinggal ke belakang semenjak zaman penjajahan, supaya mereka dapat menikmati

apa yang telah dinikmati oleh mereka sekalipun telah diberi kemudahan-kemudahan tetapi enggan bekerjasama dengan Kerajaan. Lagi pun, perlu saya tegaskan bahawa di samping mempertahankan segala hak-hak asasi mereka di luar bandar yang kebanyakannya bumiputra, seperti tanah, customary rights dan sebagainya, kita juga harus menyedari bahawa negara kita ialah negara pertanian yang penduduknya hampir 80% berkecimpung dalam perusahaan utama iaitu primary industries sementara kurang 20% dalam perusahaan dan perniagaan di bandar. Dari itu ejensi-ejensi ke arah membangunkan pertanian, ke arah memodenkan aktiviti-aktiviti pertanian dan juga ke arah memperkembangkan aktiviti-aktiviti perusahaan dan perniagaan di kawasan luar bandar mestilah diwujudkan dan diperketatkan perjalanannya.

Saya sedar bahawa FELCRA, Sarawak Land Development Board (SLDB), STIDC, SEDC dan sebagainya telah diwujudkan. Namun tindakan harus diambil untuk menambahkan sumbangan kewangan kepada mereka ini, supaya aktiviti-aktiviti di bawah jagaan mereka akan cepat berkembang maju dan akhirnya boleh membantu membasmi orang-orang yang duduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa memandangkan kepada kawasan saya iaitu kawasan yang mengandungi kawasan tepi laut dan juga kawasan pedalaman pergunungan yang konsentrasi sangat-sangat diperlukan ialah ke atas perkara-perkara ini supaya orang-orang luar bandar ini akan dapat menikmati segala kemudahan-kemudahan dan nikmat yang dirasakan oleh orang-orang yang duduk di luar bandar.

Pertama, saya mohon izin, yang very important perluasan kawasan Pertanian. Itu yang pertama, saya rasa.

Kedua, usaha menyuburkan kawasan pertanian.

Ketiga, memperluaskan dengan lebih giat lagi kawasan-kawasan parit dan taliair dan sebab itulah semasa Yang Berhormat Menteri Kewangan datang ke Sarawak, saya telah kemukakan masalah ini.

Saya hendak pohonkan supaya pihak Kementerian Kewangan memberi banyak peruntukan kepada Jabatan Parit dan Taliair

supaya mereka yang di luar bandar ini yang kebanyakannya bekerja sebagai petani akan merasai nikmat Dasar Ekonomi Baru. Kalau tidak hanya orang di bandar sahaja merasa nikmat Dasar Ekonomi Baru seperti peniaga-peniaga, pengusaha-pengusaha sahaja yang merasa nikmatnya dan mereka yang di luar bandar tidak merasai.

Keempat, mempercepatkan lagi proses membenteng (bunding) khususnya di kawasan pinggir laut. Saya sudah mengulangi perkara ini beberapa kali kerana sebagaimana yang telah saya buktikan dan saya amati kebanyakan dari petani-petani kita yang di pinggir laut kini sedang menghadapi masalah air masin yang melanda kebun-kebun mereka mengakibatkan kelapa, koko dan sebagainya yang mereka tanam itu musnah sama sekali. Oleh itu untuk menyuburkan tanah bagi menjamin supaya tanaman-tanaman yang ditanam oleh para petani ini akan dapat mengeluarkan hasil yang lumayan, maka pergiatkanlah aktiviti bunding oleh Jabatan Parit dan Taliair.

Kelima, memperbaiki infrastruktur termasuk jalanraya dan sebagainya supaya ini membolehkan rakyat yang bertani dapat menghantar barang-barang hasil dari pertanian ke kedai dengan cepat, kalau tidak, tidak ada pasaran (market) untuk mereka.

Keenam, untuk menyelamatkan petani-petani saya rasa hendaklah kita mengadakan harga minima untuk mereka seperti padi. Sekarang harga padi hanya \$10 sepikul, amatlah sedih kepada petani luar bandar, tidak guna menanam padi, sedangkan gaji pegawai Kerajaan naik sampai \$1,000 sebulan, petani hanya mendapat \$100 sebulan—tidak seimbang. Oleh itu saya rasa jagalah nasib petani-petani ini supaya dapat memberi harga minima di pasaran untuk mereka. Saya memang sedar bahawa ini tidak disetujui oleh setengah golongan, tetapi saya rasa satu langkah boleh diambil iaitu dengan mengenakan harga minima.

Ketujuh, mempercepatkan pembangunan kemudahan-kemudahan sosial seperti bekalan air, api (letrik), hospital dan lain-lain.

Kelapan, berkenaan dengan mereka yang bekerja sebagai penangkap ikan. Kita hendaklah memberi kemudahan untuk memperbaiki alat-alat penangkapan ikan yang

selalunya mereka tidak ada modal untuk membeli alat-alat menangkap ikan yang besar dan berharga akan keciwa. Di kawasan penangkapan ikan ini saya rasa Kerajaan harus menggalakkan rakyat terutama penangkap ikan atau nelayan ini supaya berkecimpung dalam bidang-bidang fish culture, sea culture seperti memelihara kerang, memelihara ikan dan sebagainya. Usaha itu harus kita beri galakkan dan dengan ini saya yakin penduduk-penduduk luar bandar akan merasai nikmat dan segala kemudahan seperti yang dirasai oleh mereka di kawasan bandar. Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa setakat ini Kerajaan telah mengambil langkah positif ke arah ini, tetapi perlaksanaannya adalah lambat sedikit. Untuk mempercepatkan segala-galanya bantuan Kerajaan Pusat dari segi kewangan dan manpower amatlah diperlukan, saluran bantuan kepada jabatan-jabatan seperti Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Pertanian, Jabatan Kerja Raya Negeri amatlah sesuai dan perlu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos lantaran baru-baru ini telah meluluskan peruntukan yang besar untuk memperluaskan sistem rural electrification ke kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak termasuk dalam senarai itu ialah kawasan saya sendiri iaitu Simunjan. Sekalipun demikian saya memohon supaya perhatian serius diambil terhadap banyak lagi kawasan-kawasan luar bandar yang kini belum lagi menerima rural electrification. Di harap usaha ini dipercepatkan supaya bukan hanya orang di bandar sahaja yang memilih Parti Bebas dapat menikmati segala kemudahan, tetapi orang luar bandar yang benar-benar telah meyokong kita akan menikmati kemudahan ini.

Saya juga mendapati bahawa dalam usaha Kerajaan membina jalanraya di kawasan luar bandar nampaknya pembinaan jalanraya di bandar jauh lebih cepat dari kawasan luar bandar. Ini pada penglihatan saya. Saya sedar bahawa kawasan-kawasan luar bandar jalanrayanya adalah jauh lebih panjang daripada yang di bandar, tetapi ini tidaklah seharusnya dijadikan satu sebab yang melulu lebih-lebih lagi apabila jalanraya di bandar-bandar menguntungkan kebanyakannya

golongan bukan bumiputra, sementara yang di luar bandar menguntungkan bumiputra. Saya takut nanti kaum bumiputra akan memarahi pihak JKR Negeri menuduh pihak JKR being unfair. Jadi, saya berharap pihak JKR sama ada Persekutuan ataupun Negeri mengkaji keadaan yang sebenarnya. (*Dengan izin*) Be fair and square. I mean we should try to develop infrastructure and not only concentrate on the urban areas but also should concentrate heavily and seriously on rural areas. Perkara yang telah saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, perlu diteliti supaya hasrat Kerajaan untuk membasmi kemiskinan akan menjadi kenyataan, bukan hanya menjadi cakap-cakap sahaja, tetapi dilaksanakan, dan juga hasrat Kerajaan menyusun semula masyarakat dalam semua bidang akan betul-betul dilaksanakan dan menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih kurang senang mendengar pihak-pihak tertentu sama ada Pembangkang ataupun penyokong Kerajaan mengatakan akibat dari Dasar Ekonomi Baru banyak sangat memberi bantuan kepada bumiputra. Pada dasarnya sebenarnya perkara ini benar, tetapi pada praktiknya apa yang telah berlaku sekarang dan apa yang kita lihat sekarang tidaklah boleh kita terima anggapan yang telah dikemukakan oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan langkah yang paling sesuai ialah menyediakan pekerjaan untuk mereka yang menganggur. Sebagaimana pernah saya perkatakan di Dewan ini ramai dari anak-anak kita yang keluar dari bangku sekolah iaitu dari Tingkatan III, V, VI keluar dan memerlukan pekerjaan. Oleh kerana sistem pelajaran kita nampaknya melatih murid-murid untuk lulus peperiksaan dan memilih white collar job, maka kebanyakan anak-anak kita sekarang pada mulanya selalu memohon untuk mendapatkan clerical job ataupun white collar job dan menjadi boss. Jarang-jarang sekali kita dapati bahawa mereka ini ingin hendak mendapat blue collar job.

Oleh kerana inilah maka Kerajaan terpaksa menyediakan lebih banyak pekerjaan untuk mereka yang memerlukan ini. Sekiranya tidak, maka pengangguran akan bertambah

dan pihak Kerajaan sekiranya hanya berupaya menyediakan blue collar jobs terpaksa Kerajaan menyelaraskan sistem ekonominya dengan sistem pelajaran negara kita. Di sekolah, latihan untuk murid mendedahkan diri mereka dengan blue collar, jobs hendaklah diperketat dan diperingatkan, dengan perkataan lain, sistem pelajaran kita ataupun curriculum kita hendaklah direka berkaitan dengan kehidupan manusia, kehidupan masyarakat setiap hari. Dengan itu sistem pelajaran mestilah dicucukkan, disesuaikan dan diselaraskan dengan kehendak-kehendak di dalam negeri kita sendiri. Ini saya rasa akan menjamin pelaksanaan cogankata (motto) sistem pelajaran kita iaitu pelajaran untuk pembangunan negara (education for nation building). Sekiranya penyelarasan yang saya maksudkan berlaku maka senangnya untuk Kerajaan menyediakan pekerjaan untuk mereka yang memerlukan. Saya rasa tenaga manusia kita tidak akan disia-siakan.

Satu masalah mengenai Kerajaan yang saya ingin sentuh di sini ialah gaji pekerja-pekerja kilang yang ada di negara kita ini sangat tidak memuaskan. Mengikut pengalaman saya dan sebagaimana pernah saya lihat dan amati keseluruhan buruh-buruh awam di kilang-kilang di negara kita menerima gaji yang begitu rendah. Di sebuah kilang kayu yang saya tahu untuk seorang pekerja perempuan gaji permulaan untuk masa bekerja 8 jam ialah lebih kurang \$3, lelaki di antara \$4 dan \$5. Memandangkan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan kini telah menikmati kenaikan gaji akibat dari pelaksanaan CCR dan lain-lain maka pihak berkenaan ataupun pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat mestilah berusaha memikirkan satu sistem gaji yang cukup memuaskan untuk buruh-buruh yang bekerja di kilang, mungkin sistem ini boleh difikirkan. Ini ialah atas kesedaran bahawa Kerajaan menggalakkan penubuhan kilang-kilang dan firma-firma bukanlah semata-mata untuk profit-making, iaitu cari untung sahaja tetapi untuk menyediakan pekerjaan untuk rakyat sama juga akibat sistem automation dalam kilang sementara ianya membolehkan kilang mengeluarkan lebih banyak hasil dan lebih banyak untung tetapi tidak boleh menyediakan pekerjaan untuk rakyat jelata.

Saya rasa sukacita bahawa Kerajaan dalam usahanya untuk mempraktik rancangan dan penyelarasan perkembangan tenaga manusia dalam sektor awam, Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (UPPM) di bawah Jabatan Perdana Menteri, saya harap dengan ini jentera pentadbiran Kerajaan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Kerajaan Tempatan dan penyelarasan usaha-usaha perancangan tenaga manusia dan latihan dalam sektor awam dapat dimodenkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya tegaskan di sini bahawa di samping kita menitikberatkan soal nasional ataupun national economic interests dan national prestige dalam konteks Dasar Ekonomi Baru, kita juga jangan lupa nasib rakyat luar bandar yang benar-benar menyokong segala tindak-tanduk Kerajaan, yang benar-benar patuh dan bekerjasama dengan Kerajaan dan menyokong Kerajaan.

Kita sedar baru-baru ini bahawa kita telah membincangkan perselisihan faham di antara MAS dan AEU yang satu daripada sebab pertelingkahan ini ialah soal kenaikan gaji dan kita sedari bahawa bagi pihak AEU, bagi pihak pegawai-pegawai Kerajaan, bagi pihak semua yang saya sebutkan ini, mereka mempunyai union untuk mewakili mereka, mempertinggikan pendapatan dan mempertinggikan taraf ekonomi mereka tetapi untuk rakyat di luar bandar yang mewakili mereka ialah kita sebagai Wakil Rakyat. Jadi saya mohon supaya dalam langkah Kerajaan sama ada untuk meninggikan taraf ekonomi rakyat yang bekerja sebagai pegawai-pegawai Kerajaan dan sebagai pegawai-pegawai seperti MAS dan sebagainya mereka hendaklah jangan melakukan perkara ini sewenang-wenangnya tanpa memikirkan nasib dan hasrat rakyat yang ramai, iaitu mereka yang di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita juga baru-baru ini mendengar bahawa Yang Amat Berhormat memperuntukkan \$2.2 ribu juta untuk pengangkutan di seluruh negara. Saya berharap moga-moga perkhidmatan MAS terutama sekali dan moga-moga sistem pengangkutan kita, terutama sekali MAS akan dapat diperbaiki dengan kelulusan peruntukan ini. Begitu juga saya harap jalan-jalan lain, khususnya di kawasan-kawasan luar bandar akan dapat diperbaiki.

Saya juga mohon mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana telah memperuntukkan \$445 juta untuk pelajaran di negeri kita dan saya harap dengan peruntukan ini dapatlah keadaan tidak seimbang dalam bidang pelajaran kita diperbaiki. Contohnya ialah seperti tempat tinggal (quarters) guru besar di beberapa buah sekolah di pendalaman di Sarawak ada yang tak ada quarters, ada yang terpaksa menumpang di rumah orang dan sebagainya. Saya rasa dengan peruntukan yang disebutkan tadi saya harap apa-apa sahaja kekurangan dihadapi oleh guru-guru dan murid-murid di luar bandar akan dapat diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, dari itu untuk mengakhiri saya berharap Kerajaan akan mengambil berat atas apa-apa sahaja yang telah saya kemukakan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

5.27 ptg.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta dalam membahaskan usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu kita sedang menyemak semula segala usaha yang kita lakukan sejak tahun 1976 dahulu, iaitu dari tarikh mulanya pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga untuk tempoh 1976 sampai 1980 kita telah membaca angka-angka yang pada lahirnya menyenangkan dan menggembirakan hati. Kita telah diberitahu oleh angka-angka bahawa pengangguran, alhamdulillah telah menurun dengan banyaknya dan kemiskinan telah dapat diburu dengan derasnya, luar dari apa yang dijangkakan. Tetapi satu hal yang hampir-hampir dilupai dari ingatan kita sekalian ialah bahawa bumi yang kita sedang memajukannya. Bumi yang menjadi tapak bagi kita hidup dan bernafas ini telah pun banyak yang telah terjual dan tergadai ke tangan orang-orang lain, ke tangan orang-orang yang dinamakan oleh pemimpin-pemimpin kita sendiri melalui surat-surat-akhbar dengan sebutan "orang asing dan bangsa asing".

Tambah menyedihkan lagi, Tuan Yang di-Pertua, bahawa tragedi penjualan ini kalau berlaku di Kelantan misalnya tidaklah pelik sangat kerana negeri itu selama-lamanya telah dinyah dan dihina-hinakan oleh hampir keseluruhan lapisan orang-orang atasan kerana Kelantan dahulu telah dikuasai oleh satu golongan orang yang tidak berbuat apa-apa kononnya untuk rakyat, tidak melaksanakan apa-apa perubahan dan kemajuan untuk rakyat kononnya. Tetapi dengan takdir Allah yang maha kuasa, tragedi penjualan tanah orang Melayu ini mula ditimbulkan di negeri Johor sendiri sebagai sebuah negeri yang paling banyak membuat kemajuan dan pembangunan serta telah melahirkan beberapa orang tokoh tanahair. Bahkan setahu saya orang yang pertama menimbulkan tragedi ini baru-baru ini ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri yang kebetulan beliau juga daripada Johor.

Hasil dari tercetusnya cerita penjualan tanah ini ke tangan orang-orang asing di Johor maka setiap hari pula suratkhbar kita menyiarkan secara besar-besaran berita dari seluruh negara kadar tanah di tiap-tiap buah negeri yang telah terjual ke tangan orang-orang asing. Manakala kadar yang belum sampai ke pengetahuan wartawan kita entah banyak mana lagi—wallahualam.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan telah kita lakukan. Modalnya telah dicari sana dan sini. Hutang yang ditanggung pun semakin membebaskan kita dari setahun ke setahun tetapi tanah yang menjadi tapak bagi rakyat khususnya bagi orang Melayu untuk berpijak dan menjadi tapak bagi meneruskan pembangunan itu mulai menggelonsor dan lenyap daripada kaki dan tangan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi merakamkan syukur kepada Allah s.w.t., saya sebagai seorang ahli PAS dari Kelantan dalam Dewan yang mulia ini melafazkan ucapan Alhamdulillah kerana satu-satunya perjuangan PAS selama ini ialah menjaga dan melindungi bumi orang Melayu Kelantan khususnya, dari terjual ke tangan orang yang tidak Melayu dan kami Alhamdulillah telah melaksanakan sepenuhnya sepanjang pemerintahan PAS di Kelantan. Adapun cerita PAS menggadai tanah, menggadai negeri dan sebagainya, maka itu telahpun dijawabkan oleh Mahkamah Persekutuan

sendiri di satu masa dahulu dan cerita-cerita seperti itu hanya disebarkan dengan larisnya oleh orang-orang politik "mikiafili" yang telah dirasuk oleh khurafat bahawa politik itu tidak ada hubungan dengan ugama supaya senanglah kononnya bagi mereka berbuat dan melakukan apa-apa sahaja asalkan tercapai maksud di hati—Bal-yuridu'linsanu liafjura ammamah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penjualan tanah oleh orang Melayu kepada orang-orang yang disebut tadi sebagai orang asing secara tidak disedari telah menimbulkan sungutan dan persoalan iaitu siapakah sebenarnya orang-orang yang disebut asing ini. Adakah orang-orang ini dari rakyat Singapura misalnya, dari Thailand misalnya, dari Inggeris atau Jepun misalnya yang biasanya hendak melabur modal di sini ataupun orang-orang yang membeli ini atau pembeli itu ialah orang-orang China atau orang-orang India yang sudahpun diberi kerakyatan dan telahpun menjadi warganegara kita sendiri? Kalaulah pembeli-pembeli itu dari luar Malaysia, seperti rakyat Singapura misalnya, maka itu tidak banyaklah kesahnya kerana terang-terang menandakan orang Melayu di negeri ini sungguh malang, tidak punya Kerajaan yang berpijak ke atas bumi, bahkan sentiasa berfikir di awang-awangan, maka lambat-laun sejarah buruk yang telah menimpa Palestine pasti akan berlaku pula di Asia Timur ini. Tetapi kalau pembeli-pembeli yang disebut asing itu ialah dari rakyat negeri ini sendiri yang berketurunan China atau India maka terdedahlah tembelang yang selama ini hendak ditudungkan oleh pemimpin-pemimpin kita dengan berlindung di sebalik perkataan perpaduan, persefahaman dan sebagainya. Pemimpin kita sendiri telah terang-terang mensifatkan sebahagian besar daripada rakyatnya sebagai orang asing. Pemimpin kita yang berkejar ke hulu, ke hilir memadamkan api perkauman yang sangat mengganas itu rupa-rupanya mereka sendiri tokoh perkauman yang bahangnya sentiasa terus membara. Hal ini tetap disedari oleh rakyat keturunan itu dan pasti akan menjadi bahan sendaan dan ejek ketawa oleh parti-parti lain.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Selagi persoalan tanah ini tidak dapat diselesaikan maka tanah dan segala pembangunan yang dilakukan ke atas tanah itu akan bertukar tangan dalam sekelip mata sahaja kepada orang-orang asing.

Kawan-kawan saya dari parti lain tidak usahlah berkecil hati pada saya dengan menimbulkan hal yang tersebut tadi kerana Dewan ini ialah tempat manusia bertaring hujah dan dalil, bukan tempat orang melepaskan geram dan melaungkan boo! boo! kepada lawan seperti mana yang telah berlaku di warung-warung dan di kaki lima. Apa yang perlu ialah hujah balas dengan mengamalkan ajaran Allah sejak ribuan tahun dahulu lagi iaitu: Qul-hatu burhana-kum in-kuntum sadiqin—Bawa dalil kamu kalau betul kamu orang benar.

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi perkara lain yang saya ingin timbulkan di sini iaitu perkara dakwah. Baru kira-kira tiga bulan yang lepas kita telah melancarkan Bulan Dakwah dan pelancarannya itu dibuat secara besar-besaran ke seluruh negara dengan melibatkan kakitangan Kerajaan dan pegawainya. Tema yang dianjurkan ialah: Islam Menjamin Keselamatan Ummah. Usaha mulia ini telah disambut baik dan diterima dengan senang hati oleh segenap peringkat rakyat. Rakyat yang beragama Islam dan yang juga non-Islam lebih-lebih memandangkan tema yang mencerminkan satu hakikat sebenar yang selama ini dipendam oleh penjajah dan anak buahnya iaitu tema yang membawa Islam itu keluar dari lingkungan yang sempit di ruangan masjid dan surau seperti mana yang sangat-sangat dikehendaki oleh penjajah keluar ke ruangan alam yang luas dan mencakup masyarakat dan seluruh umat melalui pentadbiran dan pemerintahan. Ucapan-ucapan dan ceramah-ceramah yang sejajar dengan tema tersebut, risalah-risalah dan siaran-siaran yang serupa telah dikeluarkan oleh badan-badan dan agensi-agensi tertentu seperti Yayasan Dakwah Islamiah, Pusat Islam dan sebahagiannya dengan menggunakan belanja yang begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, sambutan dan penerimaan baik ini rupanya tidak begitu lama mengambil ruangan yang sepatut dalam lubuk hati rakyat sekalian kerana kita telah dihadapkan dengan kenyataan yang agak

ganjil dan luar biasa iaitu rupa-rupanya Setiausaha Pusat Islam dan juga Pengarah Dakwahnya dan khabarnya ada lagi anggota-anggota lain telah ditukar serta-merta ke jabatan lain. Sedangkan setahu saya orang-orang yang saya sebut tadi ialah di antara orang-orang yang pertama meredah jalan dan merintis halangan dan rintangan semasa Pusat ini hendak dilahirkan ke muka dunia ini dulu. Kesungguhan pegawai-pegawai ini menjalankan tugasnya dengan gigih seperti mana yang mana yang dilaporkan oleh setengah-setengah akhbar tempatan baru-baru ini menimbulkan keraguan yang sungguh-sungguh di kalangan orang ramai, apakah motif sebenar tindakan seperti ini dilakukan terhadap mereka.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, masalah aktiviti semula pertubuhan Nasrul-Haq. Pertubuhan Persaudaraan Nasrul-Haq seperti mana yang telah diketahui ramai ialah satu pertubuhan yang melatih peserta-pesertanya dalam sejenis seni silat mempertahankan diri. Oleh kerana pertubuhan ini telah diputuskan dalam satu persidangan khas di antara pertubuhan ini dan di antara seluruh Yang di-Pertua Majlis Ugama Islam Se Malaysia tidak lama dahulu bahawa pertubuhan ini bukan dari ajaran Islam, oleh itu maka menghidupkannya semula baru-baru ini telah menimbulkan sejenis suasana yang bukan sahaja mengeruhkan tetapi seakan-akan mengajar dan melatih rakyat untuk tidak mengendahkan dan jangan memperdulikan keputusan ramai melalui persidangan, lebih-lebih lagi persidangan yang anggotanya terdiri dari golongan agama. Apa tidak bolehkah, Tuan Yang di-Pertua, kalau pihak yang bertanggungjawab dalam Nasrul-Haq ini mengubahsuaikan pertubuhan ini kepada corak yang dikira tidak bertentangan dengan keputusan persidangan itu. Bahkan saya berkata kalau sebenarnya pertubuhan ini berusaha melatih rakyat mempertahankan diri melalui seni silat maka tidak bolehkah ditukarkan bentuk silat itu dengan bentuk-bentuk silat yang lain yang memang banyak kedapatan sekarang ini, baik bentuk Melayu, bentuk Jawa, bentuk Jepun, bentuk China atau bentuk Siam dan sebagainya. Meneruskan usaha menghidupkan semula Nasrul-Haq dalam corak lama itu sekali pun bercanggah dengan keputusan persidangan yang saya sebutkan tadi tetap meninggalkan kesan psikologi yang amat tidak menyenangkan

di kalangan pendidik khususnya kaum guru agama. Saya meminta pihak Kerajaan memandang berat di atas kesan-kesan buruk yang pastinya timbul dari kegiatan semula pertubuhan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Padang Rengas.

5.39 ptg

**Tuan Umar bin Haji Ismail (Padang Rengas):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meminta Dewan ini meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Saya ingin menyentuh dua perkara daripada apa yang telah diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga daripada apa yang dibentangkan dalam buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanian. Mengikut keterangan yang diberi bagi tempoh tahun 1976—1978 Kerajaan telah membelanjakan \$991 juta untuk memajukan program-program pembangunan di kawasan-kawasan yang sedia ada seperti parit dan taliair, pemuliharaan kebun tanaman semula dan tanaman selingan dengan agensi-agensi seperti RISDA, LPP, FAMA mengambil bahagian yang penting untuk meninggikan taraf hidup petani-petani luar bandar.

Saya mengambil peluang dalam Dewan yang mulia ini mengucapkan terima kasih kepada pihak RISDA melalui PPK (Pusat Pembangunan Pekebun Kecil), LPP, FAMA, Jabatan Pertanian dan Perikanan yang telah berusaha bersungguh-sungguh bagi memajukan, petani-petani di kawasan saya. Sekadarkan saya berharap tiap-tiap jabatan itu tidak menumpukan kegiatan masing-masing kepada sesuatu kampung sahaja oleh kerana dengan keadaan yang demikian boleh menimbulkan salah faham antara sesama jabatan dan kekeliruan daripada rakyat di tempat yang berkenaan. Pada pendapat saya adalah lebih baik kegiatan-kegiatan itu dilaksanakan secara menyeluruh supaya semua petani-petani dapat melibatkan diri masing-masing di dalam lapangan pertanian yang berlainan. Ini boleh mengatasi masalah yang dihadapi oleh petani-petani di luar

bandar iaitu berhubung dengan pemasaran hasil pertanian yang sering dihadapi oleh petani-petani bumiputra di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 1976-1978 juga 70,000 ekar kebun kecil yang melibatkan kira-kira 106,000 pekebun kecil telah menanam semula getah mereka dengan baka getah yang banyak mengeluarkan susu dan dengan kenaikan harga getah dari 192 sen sekilo pada tahun 1976 kepada 217 sen sekilo pada tahun 1978, kadar kemiskinan di kalangan pekebun kecil telah dapat dikurangkan.

Ini adalah satu kejayaan Kerajaan yang sangat dihargai oleh penduduk-penduduk luar bandar khasnya mereka daripada pekebun kecil getah. Dalam hal ini saya suka menarik perhatian Kerajaan khasnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya mengambil satu tindakan yang tegas bagi mengatasi masalah penghijrahan belia-belia kampung yang tidak mempunyai kelulusan yang baik ke bandar-bandar bagi menjadi buruh-buruh kasar yang berpendapatan tidak seberapa besar, jika dibandingkan dengan pendapatan pekebun kecil yang bekerja bersungguh-sungguh di luar bandar. Perkara ini jika tidak diambil satu tindakan yang tegas dan segera, kemungkinan besar tidak berapa lama lagi kebun-kebun getah yang telah ditanam semula dengan baka yang baik itu tidak dapat mengeluarkan susunya oleh sebab tidak ada tenaga pekerja sebagai penoreh getah di kampung-kampung oleh sebab, Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pun kebun-kebun getah yang dipunyai oleh pekebun-pekebun yang telah lanjut umur mereka di beberapa buah kampung tidak dapat ditoreh oleh kerana ketiadaan penoreh-penoreh. Jika ini berlaku maka kemungkinan keciwalah usaha Kerajaan kita hari ini untuk meninggikan taraf hidup pekebun getah dan penduduk luar bandar masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua saya hendak sentuh ialah masalah pelajaran. Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam tempoh tahun 1976-1978 kita telah banyak mendapat kejayaan umpamanya menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama dan diperluaskan ke peringkat menengah rendah. Usaha-usaha juga telah dijalankan bagi memberi peluang kepada mereka yang berpendapatan rendah di luar bandar mendapat pelajaran percuma, skim

pinjaman buku teks, makanan tambahan dan sebagainya. Dalam hal ini saya hendak menyentuh beberapa perkara. Yang pertama ialah berhubung dengan kegagalan pelajar-pelajar bumiputra aliran sains dalam peperiksaan SPM/MCE dan juga STP/HSC. Dalam hal ini adalah diminta pihak Kementerian Pelajaran mengambil perhatian dan tindakan kerana saya berpendapat dan ramai yang berpendapat di luar bandar mengatakan bahawa kegagalan itu adalah berpunca daripada beberapa sebab seperti, pemilihan pelajar-pelajar ke Tingkatan IV aliran sains dan sastera dengan menggunakan komputer berdasarkan kepada keputusan SRP semata-mata tidak begitu tepat dan pemilihan itu hendaklah juga berdasarkan kecenderungan pelajar-pelajar itu sendiri di dalam aliran sains dan dengan sokongan guru-guru besar, berdasarkan keputusan peperiksaan yang telah diambil oleh pelajaran-pelajaran itu sebelum itu. Kekurangan guru-guru sains yang berkelayakan di sekolah-sekolah menengah di luar bandar terutama sekali di dalam pelajaran physics dan kekurangan peralatan sains termasuk bilik-bilik sains yang sempurna sangat kekurangan di sekolah-sekolah di luar bandar, sebagaimana yang berlaku di kawasan saya. Dan juga pelajar-pelajar yang berjaya dipilih melanjutkan pelajarannya ke Tingkatan VI sains dari sekolah menengah di luar bandar hendaklah dimasukkan ke sekolah menengah berasrama penuh, tidak sebagaimana hari ini ke sekolah-sekolah yang tidak mempunyai asrama. Dengan sebab itulah pada pendapat saya ramai pelajar-pelajar aliran sains kita tidak berjaya di dalam peperiksaan Tingkatan VI.

Perkara yang kedua, di dalam pelajaran ini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebutkan juga berhubung dengan skim makanan tambahan di sekolah-sekolah rendah yang dipilih hendaklah diberikan kepada semua kanak-kanak yang belajar di sekolah tersebut, sebagaimana juga sekolah-sekolah yang termasuk dalam projek amalan makanan dan pemakanan, oleh kerana pada masa ini kebanyakan sekolah-sekolah yang dipilih yang pelajaranya kurang daripada 200 orang sahaja yang diberi makanan percuma sepenuhnya. Tetapi bagi sekolah-sekolah yang murid-muridnya lebih daripada 200 orang tidak semua terpilih untuk mendapatkan makanan percuma. Dengan hal yang

demikian telah menimbulkan kesulitan bagi memilih murid-murid yang sebenarnya layak menerima makanan tambahan di luar bandar, kerana boleh dikatakan 100% murid-murid di luar bandar adalah termasuk dalam golongan mereka yang sepatutnya menerima makanan percuma itu. Dan dengan keadaan yang demikian juga telah menimbulkan perasaan yang kurang sihat di kalangan murid-murid yang tidak dapat makanan percuma itu dan ini menyusahkan bagi pihak sekolah-sekolah untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul.

Selain daripada itu, kesulitan juga telah timbul di dalam pengelolaan menyediakan makanan kepada beberapa orang murid sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bantuan makanan tambahan di sekolah-sekolah juga, saya menarik perhatian pihak Kementerian Pelajaran iaitu peruntukan 20 sen bagi seorang murid pada tiap-tiap hari adalah tidak mencukupi bagi mengikut segala syarat-syarat yang telah dijadualkan oleh pihak Kementerian dan ini telah menimbulkan kesulitan kepada guru-guru dan mereka yang berkenaan di sekolah itu. Saya berharap pihak Kementerian dapat menambahkan lagi peruntukan itu sekurang-kurangnya 30 sen sehari bagi tiap-tiap seorang murid.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan dengan itu saya sekali lagi menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

5.48 ptg.

**Tuan Abdul Ghani bin Misbah (Kinabatangan):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada hari Isnin, 19hb Mac, 1979 dan seterusnya ingin membuat beberapa ulasan dan pandangan mengenai laporan itu.

Laporan itu pada keseluruhannya adalah baik. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn dan rakan-rakannya dalam Kabinet Persekutuan yang telah berjaya menunjukkan, bukan sahaja keazaman, tetapi juga bukti

menjayakan rancangan-rancangan pembangunan yang berthemakan kepada Dasar Ekonomi Baru dan berpandukan kepada matlamat perpaduan negara.

Di peringkat negeri, khususnya di Sabah, saya ketahui sendiri bahawa pembangunan luarbandar sesungguhnya memang berjalan dengan pesat terutamanya dalam masa 2 tahun yang lepas ini. Peruntukan tambahan sebanyak kira-kira \$1.2 ribu juta kepada negeri Sabah, dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga ini, membuktikan lagi kesungguhan Kerajaan Persekutuan dan negeri Sabah hendak membela rakyat yang tidak begitu bernasib-baik.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, dari satu segi saya ingin buat pandangan terhadap laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Pembangunan Malaysia Ketiga—khususnya, pada bahagian sektor pertanian. Bab IX, para 299, muka surat 135, Laporan tersebut menunjukkan kira-kira 44% daripada tenaga kerja kita adalah dalam sektor pertanian dan sektor ini juga memberikan sumbangan kepada kira-kira 25% daripada keluaran Dalam Negeri Kasar. Laporan itu tidak menggambarkan satu pendekatan Baru (approach) yang lebih agresif dan dinamis untuk membangunkan sektor pertanian dalam strategi membasmi kemiskinan. Laporan itu hanya menghuraikan kemajuan yang telah dicapai dalam pembukaan tanah baru, dan, secara umum sahaja tentang “in situ development” dengan menggunakan strategi yang tradisional. Laporan itu menyatakan dengan terlalu ringkas dan umum tentang usaha hendak memperbaiki strategi pengeluaran (production), pemerosesan (processing) dan pemasaran (marketing). Saya kurang yakin sama ada ketiga-tiga aspek tersebut yang amatlah penting dalam pembangunan pertanian, terutamanya dalam konteks “in situ development”, sesungguhnya telah diberikan perhatian secukupnya. Tuan Yang di-Pertua, saya menegaskan juga “in situ development” kerana saya berpendapat bahawa buat masa ini, dan dikebanyakan tempat dalam negara kita pembangunan kampung-kampung yang telah tertubuh perlu diberi keutamaan dalam rancangan membasmi kemiskinan. Usaha yang dibuat di Sabah melaksanakan Rancangan Ekonomi Rakyat adalah kena pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana laporan itu tidak menyata atau membayangkan usaha ke arah satu pendekatan baru yang lebih berkesan, saya ingin mengusulkan supaya Kerajaan segera menggubal dasar pembangunan pertanian yang lebih agresif dan dinamis berthemakan kepada “commercial agriculture”. Kita harus memberikan “economic base” (pembangunan ekonomi) kepada masyarakat luarbandar. Cara yang paling cepat ialah menerusi pembangunan pertanian sebagai satu “industry” yang diperniagakan (commercial agriculture). Kita harus merancang dan menyusun langkah-langkah pelaksanaan secara orang berniaga (business-like) mempunyai matlamat cara pengurusan dan lain-lain komponen penting yang sentiasa diawasi rapat dan diperbaiki. Jika kita lihat kejayaan negara kita dalam bidang pembangunan pertanian sehingga hari ini, nyata sekali kumpulan-kumpulan yang mengusahakan pertanian secara perdagangan dan besar-besaran adalah lebih maju dan berjaya daripada pekebun-pekebun kecil. Ini meliputi beberapa bidang tanaman seperti getah, kelapa sawit, koko, tebu gula, ubi kayu dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai hujah kepada usul yang telah saya sebutkan tadi, saya ingin kemukakan satu contoh. Negara kita telah menyatakan dasar mahu mempelbagaikan tanam-tanaman (crop diversification). Kita ketahui juga bahawa alam kita di sini, dikenali sejak beberapa abad yang dahulu sebagai kawasan pengeluaran berbagai rempah (spices). Bahan-bahan ini sekarang mempunyai pasaran yang baik di seluruh dunia. Misalnya, lada sulah, cengkeh, kayu manis, halia, kunyit, halba dan sebagainya. Banyak kampung-kampung yang sesuai dan berupaya untuk menghidupkan industri ini. Dalam usaha membangunkan pertanian secara Commercial kita harus memperolehi dan menggunakan maklumat pasaran (market intelligence) dengan baik. Maklumat harga mengikut masa, mutu dan jenis haruslah dijadikan panduan. Penyelidikan mengenai produksinya haruslah dijalankan secepat segera di beberapa kawasan supaya dapat disebarkan kepada rakyat. Begitu juga untuk menambah nilainya (value added) dan memperbaiki strategi pemasaran, usaha-usaha gigih hendaklah diambil memproses

hasil-hasil tersebut. Dengan langkah-langkah yang diambil secara tersusun dan teratur seperti saya katakan tadi, saya yakin kita boleh menjadikan negara kita sebagai satu kawasan yang dikenali juga dengan kawasan pengeluaran rempah. Di samping itu juga pemasaran bahan-bahan yang dikeluarkan oleh petani-petani ini adalah lebih teratur dan terjamin. Dengan yang demikian bukan sahaja kita benar-benar melaksanakan "crop diversification programme" tetapi juga kita memberikan peluang kepada kampung-kampung terutama mengeksploit pasaran dunia dan dapat mencepatkan pencapaian kejayaan usaha-usaha Kerajaan membasmi kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu contoh sahaja. Saya yakin banyak lagi tanaman-tanaman yang boleh diusahakan secara Commercial. Yang pentingnya ialah satu pendekatan yang progresif bermula dengan maklumat pasaran, dan seterusnya diprogramkan dengan pengeluaran, pemerosesan dan penyelidikan yang agresif yakni dengan "commercial orientation" Masanya sudah sampai kita tidak membiarkan petani-petani mengusahakan pertanian secara "trial-and-error" baik dari segi pengeluaran mahupun dari segi pemasaran.

Seperti yang telah saya katakan awal tadi kira-kira 44% daripada tenaga kerja kita adalah dalam sektor pertanian dan sektor ini juga memberikan sumbangan kepada kira-kira 25% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar. Saya pasti angka ini lebih tinggi lagi jika meliputi petani-petani yang tidak berdaftar dan mereka yang membuatnya secara sambilan. Nyata inilah kumpulan pekerjaan yang paling besar bilangan tetapi juga yang paling rendah pendapatannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya langkah-langkah segera diambil berikutan pembentangan laporan ini supaya masyarakat pertanian di negara kita menjadi bertambah maju pada peringkat akhir Rancangan Malaysia Ketiga. Saya ulangi bahawa negara kita sekarang memerlukan dasar, rancangan dan strategi pembangunan pertanian yang berorientasikan perdagangan. Dengan dasar yang progresif dan pelaksanaan yang terselaras, saya penuh yakin, kita dapat membela nasib masyarakat petani maju ke suatu peringkat melimpas, garis kemiskinan.

Kerajaan telah menambahkan peruntukan rancangan membasmi kemiskinan, dan menubuhkan banyak agensi-agensi pembangunan luarbandar. Jika dasar pertanian kita segera diubahmaju dan pelaksanaan rancangan diselaraskan, insya Allah bertambah kurangnya lagi kadar serta bilangan kemiskinan rakyat luarbandar pada penghujung Rancangan Malaysia Keempat.

6.00 ptg.

**Tuan Ibrahim bin Muhammad (Rantau Panjang):** Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga ini, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan yang telah dapat membenteng dan menunjukkan kepada kita kemajuan dan kejayaan yang telah dapat dicapai dalam masa tiga tahun yang lepas.

Dasar Ekonomi Baru adalah bertujuan untuk membasmikan kemiskinan dan memberi kesempurnaan sosial terhadap golongan yang berpendapatan rendah. Kejayaan Kerajaan menurunkan kadar kemiskinan daripada 44% kepada 37% di dalam masa tiga tahun memberi gambaran yang Kerajaan telah begitu berazam menjadikan Dasar ekonomi Baru kita dan kejayaan nampaknya terbayang sekali apabila sampai masa yang ditentukan.

Di dalam tahun 1990 nanti walau bagaimanapun jentera pelaksanaan dan kakitangan yang melaksanakan tanggungjawab bagi menjadikan usaha Kerajaan ini perlu diperbaiki supaya lebih cekap dan berkesan lagi. Saya menyebutkan perkara ini kerana beberapa perkara telah berlaku di dalam kawasan saya amnya di Kelantan, saya dapati JKR terutama di Kelantan terlalu lambat menjalankan kerja pembangunan. Supaya jangan dikata orang JKR itu Jangan Kerja Rajin, saya berharap dapat melaksanakan kerja-kerja dengan cepat dan cekap. Misalannya kerja pembangunan bagi membuat hospital-hospital, klinik-klinik, bidan, sekolah-sekolah dan juga mesjid-mesjid tidak dapat dijalankan dengan segera.

Sekiranya peruntukan dikeluarkan dalam tahun 1978 hingga sekarang tender pun belum dikeluarkan lagi. Kelambatan ini menjadikan rakyat ternanti-nanti untuk menikmati pembangunan. Dengan kelambatan pelaksanaan projek ini juga telah timbul

tuduhan dari pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab dari PAS, Kerajaan mungkir janji atau menyerahkan cek palsu dan sebagainya. Jadi di dalam masa dua tahun Rancangan Malaysia Ketiga ini dapatlah pihak JKR menyiapkan kerja-kerja dengan sepuh dan rakyat tidak akan menuduh Kerajaan yang bukan-bukan pula.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pekebun-pekebun kecil getah. Nampaknya Kerajaan terutamanya RISDA tidak begitu mengambil berat di dalam pembukaan tanah baru berkelompok bagi tanaman getah di negeri Kelantan. Di negeri-negeri lain RISDA telah menjalankan tanaman getah berkelompok yang memberi kejayaan yang baik. Bagi menambah pendapatan serta meninggikan taraf hidup rakyat sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru, saya mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan tanaman getah berkelompok di samping menambah pengeluaran getah dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau di sebelah Pantai Barat ini DAP telah memutar-belitkan kenyataan dan meracuni fikiran rakyat dan menggagalkan Dasar Ekonomi Baru kita, tetapi di Pantai Timur pula perkara ini dimainkan-mainkan oleh PAS, kerana segala pembangunan yang kita jalankan, mereka mengejek-ejek dan tidak memberi nilai langsung. Ada setengah-setengah pemimpin mengatakan pembangunan tidak berguna. Bagi melaksanakan projek-projek selalu terjadi yang orang PAS ini tidak memberi kerjasama. Tanah-tanah untuk melalui dawai-dawai letrik, pekerja letrik selalu terdapat halangan dan yang lebih sedih lagi mereka menggunakan ugama sebagai memecah-belahkan rakyat. Mereka jadikan ugama sebagai alat politik. Mereka masih lagi mengeluarkan hukuman kafir mengkafir yang boleh mengelirukan rakyat.

Kalau tahun 1959 hukuman kafir mengkafir sekarang ini juga seperti itu masih lagi dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab. Ini boleh menyeru rakyat supaya memulaukan segala rancangan Kerajaan, mengeluarkan fitnah yang boleh menjadikan rakyat berpecah belah. Apabila rakyat masih lagi dibawa berpolitik, maka rakyat telah lupa dengan pembangunan yang telah dijalankan oleh Kerajaan mereka. Masih mengamalkan berpuak-puak supaya rakyat berpecah belah sekurang-kurangnya mereka dapat mengekalkan pengaruhnya dalam masa

beberapa tahun ini sebelum menemui ajalnya. Mereka ini semua sudah tidak ada modal lagi melainkan mencari kelemahan Kerajaan sebagai modal untuk mencaci Kerajaan dan juga agak sebagai penghalang kepada pembangunan kerana pembangunan mereka akan hancur, rakyat akan membuka mata dan akan memberi sokongan kepada Kerajaan yang memerintah sekarang ini. Oleh itu, saya menyokong Kajian Separuh Penggal ini.

**Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang.**

*6.15 ptg.*

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong usul bagi meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga pada hari Isnin yang lalu yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Di samping mengucapkan syabas dan tahniah di atas kejayaan yang dicapai yang berlebihan dari apa yang dijangkakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menumpukan kepada beberapa perkara yang pada pandangan saya patut seharusnya diambil perhatian serius oleh Kerajaan bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru menuju ke arah menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan. Kita semua sedia kemajuan ekonomi negara kita sedang meningkat maju sekarang. Kedudukan kewangan negara kita sudah berkembang dengan baik dan tidak syak lagi hasrat Kerajaan hendak menjadikan Malaysia sebagai tempat tumpuan 'money market' akan tercapai. Saya yakin hasrat ini boleh dicapai oleh Kerajaan kerana perusahaan bank dan aliran pelaburan asing dan tempatan juga semakin meningkat. Walau bagaimanapun saya merasa dukacita kerana kemajuan yang sedang diperolehi oleh negara kita sekarang tidak dapat dinikmati oleh rakyat negara ini dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sejak negara kita mencapai kemerdekaan kilang-kilang tumbuh di merata-rata tempat. Bilangan rakyat negara kita mendapat pekerjaan pun semakin banyak tetapi malangnya mereka ini mendapat gaji tidak sewajarnya dengan tenaga yang disumbangkan oleh mereka kepada kilang-kilang tersebut, bahkan sekarang ternyata seolah-olah perbuatan menpergunakan tenaga buruh negara kita dengan murah sedangkan

keuntungan yang diperolehi oleh majikan mereka adalah besar. Saya berpendapat timbulnya gejala seperti ini bukan sahaja berpunca dari perasaan tamak para pedagang tetapi juga disebabkan Kerajaan sentiasa memberi gambaran kepada pedagang-pedagang asing bahawa tenaga buruh di negara kita adalah murah dan tidak cerawat. Gambaran seperti ini sepatutnya dihentikan dari sekarang. Kita hendaklah menyediakan tenaga pekerja yang mahir dan berdisiplin untuk menyakinkan para pelabur.

Tuan Yang di-pertua, di samping mengambil langkah-langkah wajar membela nasib kaum pekerja terutama anak-anak gadis kita yang memenuhi kilang-kilang perusahaan elektronik kita tidak boleh berusaha semata-mata untuk menguntungan dan menarik minat pelabur sahaja sedangkan nasib para pekerja yang semuanya rakyat negara ini tidak mendapat pembelaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Dewan ini bahawa trend atau helah mengambil tenaga pekerja wanita untuk kilang-kilang perusahaan sekarang juga merupakan satu gejala yang tidak sihat bagi kesejahteraan masyarakat kita. Dengan bertambahnya bilangan pekerja-pekerja kilang wanita telah timbul satu macam keadaan tenaga lelaki diketepikan. Tidak hairanlah kalau kita melihat belia-belia kita suka membuang masa menagih dadah di tepi-tepi jalan atau melakukan sesuatu yang salah di sisi lunas-lunas kemasyarakatan kerana salah satu daripada sebabnya ialah peluang pekerjaan mereka sudah menjadi sempit. Sepatutnya Kerajaan menggalakkan kilang-kilang ini mengseimbangkan tenaga pekerja-pekerja wanita dan lelaki supaya masalah-masalah sosial seperti yang disebutkan itu tidak menjadi bertambah buruk.

Tuan Yang di-Pertua, kilang-kilang tidak harus lupa bahawa selain daripada membantu menambahkan pengeluaran sesebuah negara, mereka juga mempunyai tanggungjawab terhadap pembangunan masyarakat sesuatu negara atau setempat. Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak wajar bagi kita setiap masa mengkritik atau mendedahkan berbagai perbuatan sumbang gadis-gadis kilang tanpa mengkaji dengan lebih dekat masalah yang dihadapi oleh mereka. Kita sekalian haruslah sedar bahawa pendapatan mereka terlalu kecil sedangkan nafsu mereka untuk hidup dalam suasana baru yang dipengaruhi oleh suasana bandar amatlah kuat. Selain

daripada itu masalah perumahan juga setiap masa menekan pemikiran mereka dan berbagai persoalan alam sekeliling lagi mengheret mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang menyalahi undang-undang dan kehendak masyarakat.

Menyedari akan perkembangan ini, saya sangat berharap Kerajaan hendaklah dengan berani dan tegas berusaha sedaya upaya membetulkan keadaan ini. Jikalau boleh laksanakanlah skim-skim perumahan bersama dengan pihak pelabur supaya kehidupan mereka akan lebih sempurna.

Tuan Yang di-pertua, pembangunan negara dan penyusunan semula masyarakat sudah tentu berkehendakkan tenaga mahir. Saya percaya tenaga seperti ini sudah banyak lahir dari berbagai-bagai badan Kerajaan dan swasta yang bertujuan hendak menyesuaikan daya pengeluaran mereka dengan dunia moden. Tambahan tenaga mahir ini khasnya golongan profesyenal dan mereka yang berkelulusan tinggi di negara kita sudah pun bertambah. Buktinya dapat dilihat dari Laporan Jabatan Buruh beberapa masa yang lalu bahawa bilangan mereka yang berkelulusan tinggi dan profesyenal yang berdaftar untuk mendapatkan pekerjaan semakin bertambah.

Saya merasa begitu anih bila membaca Laporan ini kerana dalam sebuah negara yang sedang membangun dan memerlukan berbagai tenaga mahir boleh berlaku keadaan seperti ini. Adakah keadaan ini berlaku kerana salah perancangan? Adakah kerana kita tidak mengkaji terlebih dahulu keperluan dalam sesuatu bidang sehinggakan tenaga mahir dalam sesuatu bidang tertentu menjadi berlebihan, atau kita mampu melatih tetapi kita tidak mampu mengambil mereka bekerja?

Bercakap mengenai masalah pengangguran ini, saya merasa dukacita kerana sebahagian besar dari penuntut-penuntut pengajian tinggi seperti Universiti Kebangsaan, Universiti Malaya dan Instituti Teknologi MARA terpaksa menganggur beberapa lama untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai. Penuntut-penuntut dari Instituti Teknologi MARA kebanyakannya mengambil pengajian profesyenal dan mengikut pengetahuan saya tidak mendapat perhatian dari pihak swasta. Mereka ini adalah tenaga yang berkebolehan

dan mampu menjadi pekerja-pekerja yang berdisiplin.

Saya sukalah mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran mengkaji semula kursus-kursus profesyenal di instituit teknologi awam atau swasta. Di samping itu juga setiap kursus yang diikuti oleh para pelajar itu hendaklah ditaja oleh mana-mana badan atau syarikat bagi membolehkan penuntut yang berkenaan mendapat pekerjaan selepas mereka tamat kursus itu nanti. Apa yang berlaku di masa lalu ialah pelajar itu atau pihak Instituit Teknologi MARA kadangkala terpaksa meminta belas kesihan dari satu-satu pihak untuk menjaga seseorang pelajar.

Sukalah juga saya mengusulkan di sini supaya Kerajaan mengadakan latihan penyesuaian menerima keadaan hidup di bandar dan di luar bandar kepada pelajar yang akan tamat pengajian mereka. Jikalau latihan seperti ini sudah ada, saya harap Kerajaan akan dapat memperhebatkan lagi latihan itu. Saya membuat cadangan ini kerana saya bimbang di masa akan datang kita mempunyai tenaga mahir profesyenal dan berkelayakan yang cuma sesuai dengan bandar. Perkara ini bukanlah mustahil boleh berlaku kerana tanda-tanda seperti ini sudah dan sedang berlaku. Jadi untuk mengurangkan perkembangan ini atau mencegahnya dari menjadi satu penyakit yang merosakkan seluruh struktur pembangunan negara kita, maka langkah-langkah yang perlu hendaklah dilaksanakan. Kita tidak boleh menafikan bahawa kita ingin maju dalam lapangan perindustrian dan juga pertanian. Oleh itu, kemajuan bandar dan di luar bandar hendaklah diseimbangkan dengan menyediakan tenaga yang berkebolehan di kedua-dua sektor itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum kemajuan yang telah dinikmati dan sedang dirasakan oleh kita bersama sekarang adalah hasil sumbangan dari berbagai pihak. Ini termasuklah syarikat-syarikat multi-national yang ada di negara kita. Tetapi saya masih tidak faham dengan sikap syarikat-syarikat ini yang membolot sebahagian besar hasil bumi Malaysia dan terus mengekalkan ibupejabat atau pusat-pusat perdagangan mereka di luar negara. Setakat ini kita dapati syarikat-syarikat besar sudah gagal memberi sumbangan kepada negara dari segi sosial

kerana mereka masih mengekalkan pegawai-pegawai dagang mengendalikan urusan perniagaannya. Jawatan-jawatan pegawai dagang telah dibahagikan di bahagian kewangan, urusan harta manakala dalam urusan biasa diserahkan kepada anak-anak negeri ini. Gaji pegawai-pegawai dagang dengan anak negeri juga berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sepatutnya mengambil langkah-langkah tertentu membetulkan keadaan ini dan kalau boleh cuba dengan seberapa daya menambahkan lagi bilangan anak negeri yang berkhidmat di dalam syarikat ini. Saya percaya Kerajaan boleh buat sesuatu dalam hal ini kerana PERNAS, Perbadanan Nasional sudahpun bergabung dengan Sime Darby walaupun mempunyai hak yang sedikit sahaja. Seorang rakan perkongsian sepatutnya boleh membetulkan partnernya jikalau didapati sudah tidak betul perjalanannya. Syarikat-syarikat multi-national atau tempatan telahpun bersedia mengeluarkan Laporan Tahunan seperti yang ada di hadapan kita pada tiap-tiap penggal Dewan bersidang. Untuk pengetahuan umum, seperti yang dilakukan oleh Perbadanan Petroleum Nasional iaitu PETRONAS.

Satu perkara yang patut diambil perhatian oleh Kerajaan ialah berkenaan dengan pembiayaan untuk pembangunan pertanian. Kita semua tahu bahawa beberapa Kerajaan Negeri telah memberi tanah yang beratus-ratus ekar malahan beribu-ribu ekar kepada kumpulan-kumpulan bumiputra malangnya tanah-tanah ini sungguhpun sesuai untuk dimajukan sebagai ladang getah atau kelapa sawit tidak dapat dimajukan kerana mereka tidak mempunyai wang yang cukup untuk menjadi sumbangan kepada projek yang selalunya diperlukan oleh bank. Saya mendapat fahaman bahawa Bank Pertanian adalah sebuah bank yang menghendaki sumbangan yang hanya 20% daripada kos projek tetapi inipun tidak dapat disediakan oleh kumpulan-kumpulan yang telah diberi tanah ini iaitu pihak bumiputra.

Oleh itu, saya suka menyeru supaya Kerajaan memberi sokongan yang lebih kepada Bank Pertanian supaya dapat membiayai pembangunan tanah-tanah ini sebagai ladang dengan tidak memerlukan sumbangan yang sungguhpun nampak kecil

iaitu lebih kurang 20% tetapi adalah tidak dapat tercapai oleh orang-orang bumiputra yang telah dianugerahkan tanah itu.

Saya berharap Kerajaan dapat memberi pertimbangan supaya Bank Pertanian diberi peruntukan khas supaya pinjaman kepada kumpulan-kumpulan bumiputra seperti ini dapat diberi dengan faedah yang sangat berpatutan dan juga bank dapat membiayai 100% kos projek ini. Saya percaya dalam masa 7—8 tahun sahaja ladang-ladang ini akan selesai membayar hutangnya kepada Bank Pertanian dan ladang-ladang itu akan menjadi hakmilik orang-orang bumiputra yang tulin. Inilah satu cara supaya kita dapat menambah asset bumiputra dan juga menentukan supaya satu asset yang penting iaitu tanah tidak jatuh ke kumpulan yang bukan bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kfta.

6.18 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Petaling):** Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga telah mengisytiharkan tujuan utama Dasar Ekonomi Baru ialah pencapaian perpaduan negara di negara ini.

Kedua-dua matlamat Dasar Ekonomi Baru ini iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat adalah ditujukan ke arah tujuan utama ini iaitu pencapaian perpaduan negara. Tetapi kita boleh mengkaji laporan Kajian Separuh Penggal ini dari muka 1 hingga muka 252 dan kita akan mendapati bahawa tidak ada apa-apa rujukan yang dibuat terhadap perpaduan negara. Sebenarnya, saya telah menduga bahawa sekurang-kurangnya satu bab penuh akan ditumpukan untuk mengkaji dan menilai kemajuan atau kurang kemajuan yang dicapai dalam memupuk perpaduan negara.

Perkara ini adalah penting kerana pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru oleh Kerajaan tidak menjamin bahawa perpaduan negara sedang dipupuk atau di galakkan. Malahan, jika kita menggunakan perbincangan yang diadakan semalam, kita boleh dapat kesimpulan bahawa kita masih berjauhan dari landasan ke arah perpaduan negara sungguhpun pada masa ini kita sedang berada di

peringkat mengkaji kemajuan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

Saya merujuk khasnya kepada ucapan yang dilafazkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Pasir Puteh yang telah melancarkan kemarahan terhadap Parti DAP dengan menuduh Parti DAP sebagai halangan terhadap kejayaan Dasar Ekonomi Baru. Apa yang dapat menyimpulkan ialah bahawa pemimpin-pemimpin dan penyokong-penyokong Kerajaan nampaknya sedang berusaha menyediakan rakyat untuk menerima kegagalan dasar-dasar dan langkah-langkah Kerajaan dan juga sedang mencari "scapegoats."

Saya terhairan dengan tindak tanduk biadab Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh dan saya hendak tahu apakah hak yang beliau mempunyai untuk meminta Ahli-ahli Parlimen DAP tinggalkan Malaysia. Kami bukan sahaja merupakan wakil-wakil rakyat yang terpilih ke dalam Dewan ini dengan undi dan mandat yang gilang-gemilang sungguhpun pihak Barisan Nasional telah menggunakan berbagai-bagai taktik yang tidak adil dan tidak demokratik dalam pilihanraya umum yang diadakan tidak lama dahulu bahkan kami juga adalah rakyat Malaysia seperti Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh itu.

Kami dan juga 700,000 pengundi-pengundi yang telah mengundi kami tidak merahsiakan hakikat bahawa kami tidak gembira dengan amalan-amalan tidak berdemokratik yang sedang dijalankan di negara ini dan juga tidak gembira dengan dasar-dasar Kerajaan. Kami mahu membawakan perubahan, mendidik pendapat orang ramai dan memperkuatkan tekanan melalui proses perlembagaan dan parlimen supaya perubahan-perubahan ini akan tercapai.

Dan ini adalah hak kami sebagai rakyat Malaysia. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh tidak suka dengan ini, apakah beliau mahukan kami menyeru beliau tinggalkan Malaysia dan berambus?

Ataupun Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh berfikir bahawa terdapat dua kelas warganegara di negara ini, warganegara kelas satu yang boleh menyeru warganegara-warganegara lain tinggalkan negara ini dan warganegara kelas kedua yang boleh diseru

tinggalkan negara ini oleh warganegara-warganegara kelas satu?

Sikap dan mentaliti ini dari Ahli dari Pasir Puteh yang malangnya tidak terhad kepada beliau sahaja menunjukkan dengan jelas kegagalan Dasar Ekonomi Baru untuk memupuk perpaduan negara di Malaysia. Malahan, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh tidak mempunyai apa-apa idea dan konsep akan ertinya perpaduan negara langsung kerana jika beliau benar-benar tahu akan ertinya perpaduan negara beliau tidak akan meminta seorang warganegara yang lain tanpa mengira keturunannya tinggalkan negara ini untuk apa-apa sebab pun.

Perpaduan negara pertamanya bermakna setiap orang warganegara adalah sama dan harus menerima warganegara-warganegara lain sebagai samarata baik pun di sisi undang-undang atau pun dari segi hak kewarganegaraan. Kedua, ia juga bermakna warganegara-warganegara hendaklah tanpa mengira kaum, ugama, bahasa atau kebudayaan bersatu padu atas asas persamaan sebagai warganegara Malaysia dengan merendahkan asal-usul atau affiniti kaum, ugama, bahasa atau kebudayaan mereka.

Perpaduan negara hanya boleh diujudkan berasaskan kepada kewarganegaraan bersama rakyat dengan memupuk kesedaran dan identiti Malaysian. Ianya tidak boleh diujudkan berasaskan kepada perpaduan orang-orang Melayu atau perpaduan orang-orang Cina atau perpaduan orang-orang India atau perpaduan orang-orang Kadazan atau Dayak kerana pendapat bahawa perpaduan berasaskan "race" akan membawa ke arah perpaduan negara telah menjadi satu "fallacy" di negara kita.

Ucapan yang dilafazkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh ialah hasil daripada politik "race" dan bukannya politik "national unity".

Saya menggesa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan juga Kerajaan Barisan Nasional turut bersama-sama mengutuk dan disassociate daripada ucapan yang dilafazkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh itu. Saya juga mengesa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan Kerajaan Barisan Nasional supaya membuat satu pendirian yang tegas terhadap ucapan yang jahat dan tidak bertanggungjawab itu

supaya menentukan persefahaman di antara kaum dan perpaduan negara kita dijejaskan dengan teruknya oleh ucapan yang jahat dan tidak bertanggungjawab itu.

Tindak tanduk Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh itu menunjukkan betapa penting dan perlunya suatu pergerakan kebangsaan dilancarkan dengan segera untuk mendidik setiap rakyat Malaysia akan makna nasionaliti Malaysian dan pergerakan nasional itu juga menunjukkan secara sedar penerimaan dirinya dan juga rakyat Malaysia yang lain sebagai "Malaysian" dengan berkongsi hak-hak kewarganegaraan secara sama rata di mana seorang warganegara tidak boleh meminta seorang warganegara yang lain untuk meninggalkan negara ini jika beliau tidak suka dengan apa yang berlaku di sini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di dalam temuramahnya yang termasyur sekarang dengan majallah "The Far Eastern Economic Review" pada bulan Januari tahun ini telah berkata bahawa beliau sungguh daif semasa Malaysia mencapai kemerdekaan dengan memikirkan bahawa kita boleh mencapai kesedaran kebangsaan dan perpaduan dalam masa 10 tahun. Dan sekarang setelah semakin dewasa dan mungkin lebih arif, beliau memikir bahawa kesedaran kebangsaan dan perpaduan mungkin dan mengambil masa satu generasi. Dan apabila beliau ditanya sama ada matlamat ini akan dapat tercapai pada hujung abad ini, beliau telah bersikap "non-committal" dan hanya berkata "We can only pray".

Sepertimana difahamkan saya satu generasi pada lazimnya bermakna jangka masa 20 tahun dan ini bermakna menjelang Tahun 2000, Malaysia akan mempunyai dua generasi "Malaysians" dan bukan satu generasi sepertimana difikirkan oleh Yang Amat Berhormat itu.

"Muddle" yang kecil ini menunjukkan betapa kurangnya pemikiran waras atau hasil positif dalam soal perpaduan negara, baik pun oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun oleh Kerajaan.

Suatu generasi "Malaysians" yang dilahirkan selepas Merdeka telah berdeewa dan telah mengambil tempat mereka di dalam masyarakat kita dan mereka ini merupakan hasil dasar pelajaran kebangsaan Kerajaan

Perikatan dan Kerajaan Barisan Nasional. Bolehkah kita mengatakan dengan penuh keyakinan bahawa generasi yang dilahirkan selepas hari Merdeka mempunyai kesedaran dan identiti Malaysian yang lebih jika dibandingkan dengan generasi yang dilahirkan sebelum Merdeka?

Sungguhpun Kerajaan telah tidak berhenti mengisytiharkan perpaduan negara sebagai tujuan utamanya, hasil yang diperolehi dalam pada ini adalah sangat menyedihkan. Tidaklah boleh dinafikan bahawa cara dengan mana Dasar Ekonomi Baru itu dilaksanakan sejak awal tahun tujuh puluhan di dalam beberapa bidang telah melemahkan asas konsep berbilang bangsa di Malaysia.

Apabila Rancangan Malaysia Ketiga diumumkan, Kerajaan telah menitikberatkan bahawa rancangan tersebut akan membetulkan kesilapan-kesilapan yang terdapat dalam Rancangan Malaysia Ketiga, dan semasa Rancangan Malaysia Ketiga dibahaskan dalam Dewan ini pada 20hb Julai, 1976, saya pun telah membuat satu kenyataan bahawa saya harap "perception" mengenai betapa perlunya kesilapan-kesilapan Rancangan Malaysia Kedua boleh diperbetulkan.

Hanya tinggal dua puluh satu bulan sahaja sebelum Rancangan Malaysia Ketiga itu tamat tetapi prestasinya tidaklah setanding dengan janji-janjinya. Pengaliran profesional-profesional ke lain negeri tanpa dicegah membuktikan ini.

Sungguhpun pada akhirnya, cuma suatu golongan kecil sahaja yang mempunyai kemampuan atau kelayakan untuk berhijrah ke lain negeri namun rasa tidak puas hati, kepahitan dan terpisah yang mendorongkan mereka berhijrah masih turut dirasakan oleh segolongan besar rakyat kita. Jika sekiranya langkah-langkah tidak diambil ke arah menghapuskan rasa tidak puas hati, kepahitan dan terpisah ini yang dirasakan oleh segolongan besar rakyat kita, sudah pasti ianya akan menjejaskan perpaduan dan ketahanan negara.

Sikap Kerajaan yang tidak memperdulikan masalah penghijrahan para profesional ke luar negeri, keenggannya untuk mencegah penghijrahan ini menunjukkan dengan jelasnya kekurangan kemahuan atau commitment Kerajaan untuk menyiasat dan

menyelesaikan faktor-faktor yang menyebabkan perpecahan di antara rakyat berbilang bangsa negara kita. Adalah tidak elok untuk hanya berkata mereka ini adalah tidak setia atau pun mereka ini adalah "good riddance" atau pun merujuk kepada pelarian-pelarian Vietnam seolah-olah untuk menegaskan bahawa mungkin keadaan boleh menjadi lebih rumit.

Penghijrahan para profesional ke lain negeri adalah satu penyakit yang merbahaya dalam tugas membina sebuah negara yang bersatupadu dan ianya hendaklah dihentikan demi kebaikan tugas membina sebuah negara yang bersatupadu.

Dalam pada ini ingin saya memberitahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa temuramahnya dengan majallah "The Far Eastern Economic Review" telah menyedihkan ramai rakyat kita dan juga telah menyebabkan satu rintangan terhadap tugas membina sebuah negara yang bersatupadu. Saya merujuk khasnya kemarahan beliau terhadap Tan Sri Lee Yan Lian yang merungut tentang "warganegara kelas dua" dan kesediaan Yang Amat Berhormat untuk menukar haknya untuk wang berjuta-juta ringgit dan "kewarganegaraan kelas dua" Lee Yan Lian itu.

Saya tidak mempertahankan Tan Sri Lee Yan Lian tetapi saya mendapati bahagian temuramah ini sangat menarik minat oleh kerana, pertama adakah Yang Amat Berhormat sedia menukar hak-haknya termasuk jawatan Perdana Menteri dengan wang berjuta-juta ringgit dan "kewarganegaraan kelas dua" Tan Sri Lee Yan Lian itu. Dan jika Yang Amat Berhormat benar-benar membuat tawaran ini, maka saya rasa Tan Sri Lee Yan Lian telah mendapati satu "bargain" yang sungguh baik untuk diterima.

Kedua, adakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa "remarks"nya itu telah secara samar-samar mengakui terujudnya warganegara-warganegara "kelas dua" di negara ini sungguhpun jutawan-jutawan semacam Tan Sri Lee Yan Lian tidak harus merungut mengenai perkara ini. Ini lanjutnya menimbulkan soalan sama ada rakyat Malaysia yang tidak mempunyai berjuta-juta ringgit seperti Tan Sri Lee Yan Lian harus merungut sebagai "kewarganegaraan kelas dua" itu?

Apa yang saya hendak menegaskan di sini ialah Yang Amat Berhormat kita hendaklah berhati-hati dalam membuat sebarang kenyataan atau tindakan yang diambilkannya dan beliau hendaklah menentukan bahawa kenyataan dan tindakannya akan membantu secara positif ke arah pembinaan negara.

Saya telah berkata sebentar tadi bahawa Rancangan Malaysia Ketiga telah tidak "live up to expectations" yang ia merupakan satu dokumen yang lebih seimbang dan sempurna yang akan menyelesaikan masalah-masalah sosio-ekonomi rakyat berbilang bangsa negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya sambung besok?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bergantung kepada berapa ramai yang akan bangun bercakap.

#### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Dato' Richard Ho Ung Hum:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

#### UCAPAN PENANGGUHAN

##### YAYASAN KEBAJIKAN KEBANGSAAN

6.32 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan dalam Dewan ini supaya Kerajaan mengambil inisiatif untuk menubuhkan sebuah Yayasan Kebajikan Kebangsaan untuk mangsa-mangsa malapetaka di negara ini. Cadangan ini dibuat memandangkan bahawa bantuan yang kini diberikan kepada mangsa-mangsa malapetaka seperti mangsa-mangsa kebakaran ataupun mangsa-mangsa banjir oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat amat kurang dan tidak mencukupi untuk menggentirugi kehilangan dan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa itu.....

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian koram tidak cukup.

*(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, kurang daripada 26 Ahli hadir).*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah 2 minit loceng dibunyikan tidak ada cukup koram juga.

Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, Jumaat, 23hb Mac, 1979.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.35 petang.*